(b) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran kepada piawaian sedia ada yang terpakai kepada Kumpulan dan Bank tetapi belum berkuat kuasa

(i) Pindaan kepada Pengelasan dan Pengukuran Instrumen Kewangan - Pindaan kepada MFRS 9 dan MFRS 7 - berkuat kuasa pada 1 Januari 2026

Pindaan ini merangkumi perkara berikut:

- Menjelaskan tarikh pengiktirafan dan penyahiktirafan bagi sesetengah aset dan liabiliti kewangan, dengan pengecualian baharu bagi sesetengah liabiliti kewangan yang diselesaikan melalui sistem pemindahan tunai elektronik;
- Menjelaskan serta menambah panduan lanjut bagi menilai sama ada sesuatu aset kewangan memenuhi kriteria bayaran prinsipal dan faedah sahaja ('SPPI');
- Menambahkan pendedahan baharu bagi instrumen tertentu yang mempunyai terma kontraktual yang boleh mengubah aliran tunai (seperti sesetengah instrumen kewangan dengan ciri yang dikaitkan dengan pencapaian sasaran alam sekitar, sosial dan tadbir urus); dan
- Mengemas kini pendedahan bagi instrumen ekuiti yang ditetapkan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ('FVOCI').

**(A) RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMBUNGAN)****(1) ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

(b) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran kepada piawaian sedia ada yang terpakai kepada Kumpulan dan Bank tetapi belum berkuat kuasa (sambungan)

(ii) Pindaan kepada MFRS 9 dan MFRS 7 'Kontrak Berkaitan Elektrik Bergantung kepada Alam Semula Jadi' – berkuat kuasa pada 1 Januari 2026

Pindaan ini menambah panduan penggunaan oleh pembeli berhubung pengecualian 'kegunaan sendiri' MFRS 9 bagi kontrak untuk membeli dan menerima penghantaran elektrik yang mendedahkan entiti kepada ketidakstabilan dalam kuantiti elektrik asas kerana sumber penjanaannya bergantung kepada keadaan semula jadi yang tidak dapat dikawal, contohnya cuaca ('kontrak berkaitan elektrik bergantung kepada alam semula jadi'). Di bawah pindaan ini, pembeli boleh menggunakan pengecualian 'kegunaan sendiri' MFRS 9 untuk merekodkan kontrak tersebut sebagai kontrak pelaksanaan sekiranya pembeli telah dan dijangka kekal sebagai 'pembeli bersih' elektrik sepanjang tempoh kontrak, berdasarkan kriteria yang ditetapkan dalam piawaian.

Pindaan ini juga membenarkan perakaunan lindung nilai di bawah MFRS 9 sekiranya kontrak berkaitan elektrik bergantung kepada alam semula jadi ini digunakan sebagai instrumen lindung nilai.

Keperluan pendedahan baharu di bawah MFRS 7 telah diperkenalkan bagi membolehkan pengguna memahami kesan kontrak tersebut terhadap prestasi kewangan dan aliran tunai entiti.

(iii) Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian Perakaunan MFRS – Jilid 11 – berkuat kuasa pada 1 Januari 2026

Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian Perakaunan MFRS – Jilid 11 merangkumi pindaan kecil yang memberi kesan kepada lima (5) MFRS berikut:

- Perakaunan lindung nilai oleh pengamal pertama kali (Pindaan kepada MFRS 1 Penggunaan Kali Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia)
- Keuntungan atau kerugian daripada penyahiktirafan (Pindaan kepada MFRS 7 Instrumen Kewangan: Pendedahan)
- Penyahiktirafan liabiliti pajakan oleh penyewa dan harga transaksi (Pindaan kepada MFRS 9 Instrumen Kewangan)
- Penentuan "ejen de facto" (Pindaan kepada MFRS 10 Penyata Kewangan Disatukan)
- Kaedah kos (Pindaan kepada MFRS 107 Penyata Aliran Tunai)

Perkataan dalam perenggan tertentu piawaian ini telah dipinda bagi meningkatkan konsistensi dengan piawaian berkaitan lain dan rujukan silang kepada piawaian lain, jika berkenaan, telah ditambah untuk meningkatkan kefahaman terhadap piawaian ini.

(iv) MFRS 18 'Pembentangan dan Pendedahan dalam Penyata Kewangan' – berkuat kuasa pada 1 Januari 2027

Ini merupakan piawaian baharu berkaitan pembentangan dan pendedahan dalam penyata kewangan, yang menggantikan IAS 1, dengan penekanan terhadap kemas kini kepada penyata untung atau rugi.

Konsep baharu utama yang diperkenalkan dalam MFRS 18 merangkumi:

- Struktur penyata untung atau rugi dengan jumlah kecil yang ditakrifkan;
- Keperluan untuk menentukan struktur ringkasan yang paling berguna bagi pembentangan perbelanjaan dalam penyata untung atau rugi;
- Keperluan pendedahan dalam satu nota dalam penyata kewangan bagi ukuran prestasi untung atau rugi tertentu yang dilaporkan di luar penyata kewangan entiti (iaitu ukuran prestasi yang ditakrifkan oleh pengurusan); dan
- Prinsip yang dipertingkatkan berkaitan pengagregatan dan penyahagregatan yang terpakai kepada penyata kewangan utama dan nota secara amnya.

(v) MFRS 19 'Subsidiari tanpa Akauntabiliti Awam: Pendedahan' – berkuat kuasa pada 1 Januari 2027

Piawaian baharu ini berfungsi bersama piawaian Perakaunan MFRS yang lain. Subsidiari yang layak menggunakan keperluan dalam piawaian Perakaunan MFRS yang lain kecuali keperluan pendedahan; dan sebaliknya menggunakan keperluan pendedahan yang dikurangkan dalam MFRS 19. Keperluan pendedahan yang dikurangkan dalam MFRS 19 menyeimbangkan keperluan maklumat pengguna kewangan subsidiari yang layak dengan penjimatan kos bagi penyedia. MFRS 19 merupakan piawaian pilihan bagi subsidiari yang layak.

Sesuatu subsidiari layak sekiranya:

- ia tidak mempunyai akauntabiliti awam; dan
- ia mempunyai entiti induk muktamad atau perantaraan yang menyediakan penyata kewangan disatukan yang tersedia untuk kegunaan awam dan mematuhi Piawaian Perakaunan MFRS.

Penggunaan piawaian perakaunan, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran kepada piawaian sedia ada yang terpakai kepada Kumpulan dan Bank tetapi belum berkuat kuasa seperti di atas tidak dijangka akan memberikan sebarang kesan kewangan yang material kepada Kumpulan dan Bank, kecuali bagi penggunaan MFRS 18 dan pindaan kepada MFRS 9, di mana akan terdapat pendedahan yang dipertingkatkan pada masa hadapan. Kumpulan dan Bank kini sedang dalam proses menilai kesan kewangan yang timbul daripada keperluan piawaian tersebut dan menjangkakan proses ini akan diselesaikan sebelum tarikh kuat kuasa.

# Ringkasan Dasar Perakaunan Material serta Anggaran dan Andaian Perakaunan Kritikal

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025

## (A) RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMBUNGAN)

### (2) ASAS PENYATUAN

#### (a) Subsidiari

Subsidiari ialah semua entiti (termasuk entiti berstruktur) yang dikawal oleh Kumpulan. Kumpulan mengawal sesuatu entiti apabila Kumpulan terdedah kepada, atau mempunyai hak terhadap, pulangan berubah-ubah daripada penglibatannya dengan entiti tersebut dan mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi pulangan tersebut melalui kuasanya ke atas entiti berkenaan.

Subsidiari disatukan sepenuhnya mulai tarikh kawalan dipindahkan kepada Kumpulan dan dinyahsatukan mulai tarikh kawalan tersebut terhenti.

#### (i) Perakaunan pemerolehan

Kumpulan menggunakan kaedah pemerolehan untuk merekodkan penggabungan perniagaan. Balasan yang dipindahkan bagi pemerolehan subsidiari ialah nilai saksama aset yang dipindahkan, liabiliti yang ditanggung dan kepentingan ekuiti yang diterbitkan oleh Kumpulan. Balasan yang dipindahkan termasuk nilai saksama sebarang aset atau liabiliti yang terhasil daripada pengaturan balasan bersyarat serta nilai saksama sebarang kepentingan ekuiti sedia ada dalam subsidiari. Aset boleh dikenal pasti yang diperolehi serta liabiliti dan liabiliti bersyarat yang diambil alih dalam penggabungan perniagaan diukur pada awalnya pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan.

Kepentingan tak mengawal ialah ekuiti dalam subsidiari yang tidak boleh diatributkan, secara langsung atau tidak langsung, kepada Kumpulan atau Bank. Kepentingan tak mengawal diukur sama ada pada nilai saksama atau bahagian berkadar dalam aset bersih boleh dikenal pasti milik pihak yang diambil alih pada tarikh pemerolehan, yang ditentukan berdasarkan kes demi kes. Pada akhir tempoh pelaporan, kepentingan tak mengawal terdiri daripada amaun yang dikira pada tarikh penggabungan serta bahagiannya dalam perubahan ekuiti subsidiari sejak tarikh penggabungan.

Kos berkaitan pemerolehan dibelanjakan apabila ditanggung.

Dalam penggabungan perniagaan yang dicapai secara berperingkat, kepentingan ekuiti yang dipegang sebelumnya dalam pihak yang diambil alih diukur semula pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan dan keuntungan atau kerugian yang terhasil diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Sebarang balasan bersyarat yang akan dipindahkan oleh Kumpulan diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan. Perubahan seterusnya kepada nilai saksama balasan bersyarat yang dianggap sebagai aset atau liabiliti diiktiraf selaras dengan MFRS 9 dalam penyata pendapatan. Balasan bersyarat yang diklasifikasikan sebagai ekuiti tidak diukur semula, dan penyelesaiannya seterusnya diakaunkan dalam ekuiti.

Lebih jumlah keseluruhan balasan yang dipindahkan, amaun sebarang kepentingan tak mengawal dalam pihak yang diambil alih dan nilai saksama pada tarikh pemerolehan bagi sebarang kepentingan ekuiti sebelumnya dalam pihak yang diambil alih berbanding nilai saksama bahagian Kumpulan dalam aset bersih boleh dikenal pasti yang diperolehi diiktiraf sebagai muhibah. Sekiranya jumlah tersebut lebih rendah daripada nilai saksama aset bersih subsidiari yang diperolehi, keuntungan tersebut diiktiraf dalam penyata pendapatan. Rujuk Nota 7 dasar perakaunan berkaitan muhibah.

Kumpulan dan Bank menggunakan perakaunan terdahulu untuk merekodkan penggabungan perniagaan di bawah kawalan bersama. Di bawah perakaunan terdahulu, aset dan liabiliti yang diperolehi tidak dinyatakan semula kepada nilai saksama masing-masing, sebaliknya pada nilai bawaan daripada penyata kewangan disatukan syarikat pegangan muktamad Kumpulan dan diselaraskan bagi memastikan keseragaman dasar perakaunan Kumpulan. Perbezaan antara sebarang balasan yang diberikan dan jumlah agregat nilai bawaan aset dan liabiliti (pada tarikh transaksi) entiti yang diperolehi direkodkan sebagai pelarasan kepada keuntungan terkumpul. Tiada muhibah tambahan diiktiraf.

Keputusan, aset dan liabiliti entiti yang diperolehi disatukan seolah-olah kedua-dua pihak pemerolehi dan pihak yang diambil alih sentiasa digabungkan. Oleh itu, penyata kewangan disatukan mencerminkan keputusan penuh setahun bagi kedua-dua entiti. Amaun sepadan bagi tahun sebelumnya dinyatakan semula bagi mencerminkan keputusan gabungan kedua-dua entiti.

Semua pendapatan dan kerugian subsidiari diatributkan kepada syarikat induk dan kepentingan tak mengawal, walaupun pengagihan kerugian kepada kepentingan tak mengawal menghasilkan baki debit dalam ekuiti pemegang saham. Untung atau rugi yang diatributkan kepada kepentingan tak mengawal bagi tahun-tahun sebelumnya tidak dinyatakan semula.

Semua urusan niaga dan baki antara syarikat serta dalam Kumpulan yang material dihapuskan semasa penyatuan. Jika perlu, pelarasan dibuat kepada penyata kewangan subsidiari bagi memastikan konsistensi dasar perakaunan dengan dasar Kumpulan.

**(A) RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMBUNGAN)****(2) ASAS PENYATUAN (SAMBUNGAN)**

- (b) Perubahan dalam kepentingan pemilikan dalam subsidiari tanpa perubahan kawalan

Urus niaga dengan kepentingan tak mengawal yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan diakaunkan sebagai urus niaga ekuiti – iaitu sebagai urus niaga dengan pemilik dalam kapasiti mereka sebagai pemilik. Perbezaan antara nilai saksama sebarang balasan yang dibayar dan bahagian berkaitan yang diperolehi daripada nilai bawaan aset bersih subsidiari direkodkan dalam ekuiti. Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan kepada kepentingan tak mengawal juga direkodkan dalam ekuiti yang boleh diatributkan kepada pemilik Kumpulan.

- (c) Pelupusan subsidiari

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai kawalan, sebarang kepentingan yang masih dipegang dalam entiti tersebut diukur semula kepada nilai saksama pada tarikh kawalan hilang, dengan perubahan dalam amaun bawaan diiktiraf dalam penyata pendapatan. Nilai saksama tersebut menjadi amaun bawaan awal bagi tujuan perakaunan seterusnya ke atas kepentingan yang masih dipegang sebagai syarikat bersekutu, usaha sama atau aset kewangan. Selain itu, sebarang amaun yang sebelum ini diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain berhubung entiti tersebut diakaunkan seolah-olah Kumpulan telah melupuskan secara langsung aset atau liabiliti yang berkaitan. Ini mungkin bermakna amaun yang sebelum ini diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain diklasifikasikan semula ke penyata pendapatan.

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan subsidiari termasuk amaun bawaan muhibah yang berkaitan dengan subsidiari yang dilupuskan.

- (d) Usaha sama

Usaha sama ialah suatu pengaturan bersama di mana pihak-pihak yang terlibat mempunyai hak ke atas aset bersih pengaturan tersebut. Kepentingan Kumpulan dalam usaha sama diakaunkan dalam penyata kewangan menggunakan kaedah ekuiti. Di bawah kaedah ekuiti, kepentingan dalam usaha sama pada awalnya diiktiraf pada kos dan seterusnya diselaraskan bagi mengiktiraf bahagian Kumpulan dalam keuntungan atau kerugian selepas pemerolehan dalam penyata pendapatan serta bahagian Kumpulan dalam pergerakan pendapatan komprehensif lain. Apabila bahagian kerugian Kumpulan dalam usaha sama menyamai atau melebihi kepentingannya dalam usaha sama tersebut (termasuk sebarang kepentingan jangka panjang yang, secara substantif, membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam usaha sama), Kumpulan tidak lagi mengiktiraf kerugian selanjutnya, kecuali sekiranya Kumpulan telah menanggung obligasi atau membuat bayaran bagi pihak usaha sama tersebut.

Kumpulan menentukan pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa pelaburan dalam usaha sama mengalami rosot nilai. Kerugian rosot nilai diiktiraf bagi jumlah di mana amaun bawaan usaha sama melebihi jumlah boleh pulihnya.

Keuntungan belum direalisasi daripada urus niaga antara Kumpulan dan usaha sama dihapuskan setakat bahagian kepentingan Kumpulan dalam usaha sama. Kerugian belum direalisasi juga dihapuskan melainkan urus niaga tersebut memberikan bukti rosot nilai ke atas aset yang dipindahkan. Dasar perakaunan usaha sama telah diubah, jika perlu, bagi memastikan konsistensi dengan dasar yang diguna pakai oleh Kumpulan.

Apabila Kumpulan tidak lagi menggunakan kaedah ekuiti bagi usaha samanya disebabkan kehilangan kawalan bersama, sebarang kepentingan yang masih dipegang dalam entiti tersebut diukur semula kepada nilai saksama dengan perubahan dalam amaun bawaan diiktiraf dalam penyata pendapatan. Nilai saksama ini menjadi amaun bawaan awal bagi tujuan perakaunan seterusnya ke atas kepentingan yang masih dipegang sebagai syarikat bersekutu atau aset kewangan. Selain itu, sebarang amaun yang sebelum ini diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain berhubung entiti tersebut diakaunkan seolah-olah Kumpulan telah melupuskan secara langsung aset atau liabiliti yang berkaitan. Ini mungkin bermakna amaun yang sebelum ini diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain diklasifikasikan semula ke penyata pendapatan.

Sekiranya kepentingan pemilikan dalam usaha sama dikurangkan tetapi kawalan bersama masih dikekalkan, hanya bahagian berkadar amaun yang sebelum ini diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain akan diklasifikasikan semula ke penyata pendapatan, jika berkenaan.

# Ringkasan Dasar Perakaunan Material serta Anggaran dan Andaian Perakaunan Kritikal

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025

## (A) RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMBUNGAN)

### (2) ASAS PENYATUAN (SAMBUNGAN)

#### (e) Syarikat Bersekutu

Syarikat bersekutu ialah perbadanan atau entiti lain di mana Kumpulan mempunyai pengaruh signifikan, tetapi tidak mengawal atau mengawal bersama, lazimnya melibatkan pegangan antara 20% hingga 50% hak mengundi. Pengaruh signifikan ialah kuasa untuk mengambil bahagian dalam dasar kewangan dan operasi melalui perwakilan dalam Lembaga Pengarah, tetapi bukan kuasa untuk mengawal dasar tersebut.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu diperakaunkan dalam penyata kewangan disatukan menggunakan kaedah ekuiti dan pada mulanya diiktiraf pada kos. Perakaunan ekuiti melibatkan pengiktirafan bahagian Kumpulan dalam keuntungan atau kerugian selepas pemerolehan dalam penyata pendapatan, dan bahagiannya dalam pergerakan rizab selepas pemerolehan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain. Perubahan terkumpul selepas pemerolehan diselaraskan terhadap kos pelaburan dan termasuk muhibah semasa pemerolehan, ditolak kerugian rosot nilai terkumpul.

Kumpulan menentukan pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa pelaburan dalam syarikat bersekutu mengalami rosot nilai. Kerugian rosot nilai diiktiraf bagi amaun di mana amaun bawaan pelaburan melebihi amaun boleh pulihnya.

Apabila bahagian kerugian Kumpulan dalam syarikat bersekutu menyamai atau melebihi kepentingannya dalam syarikat bersekutu tersebut, Kumpulan menghentikan pengiktirafan bahagian kerugian selanjutnya. Selepas kepentingan Kumpulan dikurangkan kepada sifar, kerugian tambahan diperuntukkan, dan liabiliti diiktiraf, hanya setakat pelabur mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif atau telah membuat bayaran bagi pihak syarikat bersekutu. Jika syarikat bersekutu kemudiannya melaporkan keuntungan, Kumpulan menyambung semula pengiktirafan bahagiannya hanya selepas bahagian keuntungan tersebut menyamai bahagian kerugian yang tidak diiktiraf sebelum ini.

Keuntungan dan kerugian pencairan yang timbul daripada pelaburan dalam syarikat bersekutu diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Keuntungan belum direalisasi daripada transaksi antara Kumpulan dan syarikat bersekutunya dihapuskan setakat kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu; kerugian belum direalisasi juga dihapuskan kecuali jika transaksi tersebut memberikan bukti rosot nilai ke atas aset yang dipindahkan. Jika perlu, dalam menggunakan kaedah ekuiti, pelarasan dibuat kepada penyata kewangan syarikat bersekutu bagi memastikan keseragaman dasar perakaunan dengan Kumpulan.

#### (f) Instrumen kewangan boleh tebus

Liabiliti kewangan kepada pelabur pihak ketiga berkaitan dengan nilai aset bersih unit (instrumen kewangan boleh tebus) yang dipegang oleh pelabur pihak ketiga dalam dana pelaburan, dan diukur pada nilai saksama pada akhir tahun. Ini timbul selaras dengan MFRS 10, di mana penyata kewangan dana pelaburan dikehendaki disatukan ke dalam penyata kewangan Kumpulan dan direkodkan sebagai liabiliti kewangan dalam Nota 26 kepada penyata kewangan.

### (3) PELABURAN DALAM SUBSIDIARI DAN SYARIKAT BERSEKUTU

Dalam penyata kewangan berasingan Bank, pelaburan dalam subsidiari dan syarikat bersekutu dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosot nilai terkumpul. Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Kumpulan dan Bank menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk rosot nilai. Jika terdapat petunjuk rosot nilai, amaun bawaan pelaburan dinilai dan diturunkan kepada amaun boleh pulih dengan serta-merta. Rujuk Nota 23 untuk dasar perakaunan mengenai rosot nilai aset bukan kewangan.

Apabila pelaburan dalam subsidiari dan syarikat bersekutu dilupuskan, perbezaan antara hasil pelupusan dan amaun bawaan pelaburan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

### (4) ASET KEWANGAN

#### (a) Pengelasan

Kumpulan dan Bank mengelaskan aset kewangan mereka kepada kategori pengukuran berikut:

- Aset yang diukur pada nilai saksama sama ada melalui pendapatan komprehensif lain ('OCI'), atau melalui untung atau rugi; dan
- Aset yang diukur pada kos terlunas.

**(A) RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMBUNGAN)****(4) ASET KEWANGAN (SAMBUNGAN)****(a) Pengelasan (sambungan)**

Pengelasan instrumen hutang bergantung kepada model perniagaan Kumpulan dan Bank dalam mengurus aset kewangan serta ciri aliran tunai kontraktual aset kewangan tersebut:

**(i) Penilaian model perniagaan**

Kumpulan dan Bank menilai objektif sesuatu model perniagaan bagi menentukan bagaimana aset dalam sesuatu portfolio diuruskan. Faktor yang dipertimbangkan termasuk objektif utama portfolio sama ada strategi perniagaan adalah untuk memperoleh hasil faedah kontraktual, memadankan tempoh aset kewangan dengan tempoh liabiliti yang membiayai aset tersebut atau merealisasikan portfolio melalui penjualan aset. Faktor lain yang turut dipertimbangkan termasuk kekerapan dan jumlah jualan dalam tempoh terdahulu, serta cara prestasi aset dinilai dan dilaporkan kepada pengurusan utama.

**(ii) Penilaian sama ada aliran tunai kontraktual merupakan semata-mata bayaran prinsipal dan faedah ('SPPI')**

Apabila model perniagaan adalah untuk memegang aset kewangan bagi mengutip aliran tunai kontraktual, atau untuk mengutip aliran tunai kontraktual dan menjual, Kumpulan dan Bank menilai sama ada aliran tunai kontraktual aset kewangan tersebut memenuhi kriteria SPPI. Dalam melaksanakan ujian SPPI, Kumpulan dan Bank mempertimbangkan sama ada aliran tunai kontraktual adalah selaras dengan pengaturan pinjaman asas, iaitu faedah hanya merangkumi pertimbangan bagi nilai masa wang, risiko kredit, risiko asas pinjaman lain dan margin keuntungan yang konsisten dengan pengaturan pinjaman asas. Sekiranya terma kontraktual memperkenalkan pendedahan kepada risiko atau turun naik yang tidak selaras dengan pengaturan pinjaman asas, aset kewangan berkaitan diklasifikasikan dan diukur pada FVTPL.

**(b) Pengiktirafan**

Aset kewangan diiktiraf apabila Kumpulan dan Bank menjadi pihak kepada peruntukan kontraktual instrumen tersebut.

Pembelian dan penjualan biasa aset kewangan diiktiraf pada tarikh dagangan, iaitu tarikh Kumpulan dan Bank komited untuk membeli atau menjual aset tersebut.

**(c) Pengukuran**

Pada pengiktirafan awal, Kumpulan dan Bank mengukur aset kewangan pada nilai saksama ditambah kos transaksi yang secara langsung boleh dikaitkan dengan pemerolehan aset kewangan tersebut bagi aset kewangan yang tidak diukur pada FVTPL. Kos transaksi bagi aset kewangan yang diukur pada FVTPL diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan.

Aset kewangan dengan derivatif terbenam dipertimbangkan secara keseluruhan dalam menentukan sama ada aliran tunainya memenuhi kriteria SPPI.

**(i) Instrumen hutang**

Instrumen hutang ialah instrumen yang memenuhi definisi liabiliti kewangan dari perspektif penerbit, seperti pinjaman, bon kerajaan dan korporat serta penghutang dagangan yang dibeli daripada pelanggan dalam pengaturan pemfaktoran tanpa rekursa.

Pengukuran seterusnya bagi instrumen hutang bergantung kepada model perniagaan Kumpulan dan Bank dalam mengurus aset kewangan tersebut serta ciri aliran tunainya. Terdapat tiga kategori pengukuran di mana Kumpulan dan Bank mengelaskan instrumen hutangnya:

**(1) Pelaburan kewangan pada kos terlunas**

Aset kewangan yang dipegang untuk mengutip aliran tunai kontraktual di mana aliran tunai tersebut memenuhi kriteria SPPI, dan yang tidak ditetapkan sebagai FVTPL, diukur pada kos terlunas. Amaun bawaan aset ini diselaraskan bagi sebarang kerugian kredit dijangka yang diiktiraf dalam penyata pendapatan. Pendapatan faedah diiktiraf dalam penyata pendapatan menggunakan kaedah kadar faedah efektif. Apabila penyahiktirafan, sebarang keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam penyata pendapatan dan dibentangkan di bawah 'pendapatan operasi lain'.

**(2) Aset kewangan pada FVOCI**

Aset kewangan yang dipegang untuk mengutip aliran tunai kontraktual dan untuk dijual, di mana aliran tunai tersebut memenuhi kriteria SPPI, dan yang tidak ditetapkan sebagai FVTPL, diukur pada FVOCI. Perubahan dalam nilai saksama aset ini diiktiraf dalam OCI, kecuali pengiktirafan pendapatan faedah, keuntungan atau kerugian pertukaran asing dan kerugian kredit dijangka yang diiktiraf dalam penyata pendapatan.

# Ringkasan Dasar Perakaunan Material serta Anggaran dan Andaian Perakaunan Kritikal

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025

## (A) RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMBUNGAN)

### (4) ASET KEWANGAN (SAMBUNGAN)

#### (c) Pengukuran (sambungan)

##### (i) Instrumen hutang (sambungan)

##### (2) Aset kewangan pada FVOCI (sambungan)

Apabila aset kewangan ini dinyahiktiraf, keuntungan atau kerugian terkumpul yang sebelum ini diiktiraf dalam OCI diklasifikasikan semula daripada ekuiti ke penyata pendapatan dan diiktiraf dalam 'pendapatan operasi lain'. Pendapatan faedah diiktiraf dalam penyata pendapatan menggunakan kaedah kadar faedah efektif. Keuntungan atau kerugian pertukaran asing diiktiraf dalam 'pendapatan operasi lain' dan kerugian kredit rosot nilai dibentangkan secara berasingan di bawah 'peruntukan kerugian kredit'.

##### (3) Aset kewangan pada FVTPL

Aset kewangan yang tidak memenuhi kriteria untuk kos terlunas atau FVOCI diukur pada FVTPL. Keuntungan atau kerugian ke atas instrumen hutang yang seterusnya diukur pada FVTPL dan bukan sebahagian daripada hubungan lindung nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan di bawah 'keuntungan/(kerugian) bersih daripada aset kewangan pada FVTPL' dalam tempoh ia berlaku. Pendapatan faedah diiktiraf dalam penyata pendapatan menggunakan kaedah kadar faedah efektif.

##### (ii) Instrumen ekuiti

Instrumen ekuiti ialah instrumen yang memenuhi definisi ekuiti dari perspektif penerbit; iaitu instrumen yang tidak mengandungi obligasi kontraktual untuk membuat bayaran dan yang menunjukkan kepentingan baki dalam aset bersih penerbit.

Kumpulan dan Bank seterusnya mengukur semua instrumen ekuiti pada FVTPL, kecuali apabila Pengurusan telah memilih, pada pengiktirafan awal, untuk menetapkan secara tidak boleh dibatalkan sesuatu instrumen ekuiti sebagai FVOCI. Dasar Kumpulan dan Bank adalah untuk menetapkan instrumen ekuiti sebagai FVOCI apabila instrumen tersebut dipegang bagi tujuan selain menjana pulangan pelaburan. Apabila pilihan ini digunakan, keuntungan dan kerugian nilai saksama diiktiraf dalam OCI dan tidak diklasifikasikan semula ke penyata pendapatan, termasuk semasa pelupusan. Dividen, apabila mewakili pulangan ke atas pelaburan tersebut, terus diiktiraf dalam penyata pendapatan sebagai pendapatan dividen apabila hak Kumpulan dan Bank untuk menerima bayaran telah ditetapkan.

Keuntungan dan kerugian ke atas instrumen ekuiti pada FVTPL dimasukkan dalam 'keuntungan/(kerugian) bersih daripada aset kewangan pada FVTPL' dalam penyata pendapatan.

##### (iii) Aset kewangan rosot nilai kredit yang dibeli atau berasal ('POCI')

Aset kewangan POCI ialah aset yang diiktiraf sebagai rosot nilai kredit pada tarikh pengiktirafan awal. Aset tersebut pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama, dengan kadar faedah efektif terlaras kredit digunakan bagi pengukuran seterusnya.

Tiada kerugian kredit dijangka ('ECL') diiktiraf pada pengiktirafan awal. Selepas itu, perubahan dalam kerugian kredit dijangka diiktiraf dalam untung atau rugi sebagai keuntungan atau kerugian rosot nilai. Aset POCI sentiasa diukur berdasarkan ECL sepanjang hayat dan tidak berpindah antara peringkat rosot nilai.

#### (d) Penyahiktirafan dan pengubahsuaian

##### (i) Penyahiktirafan akibat pengubahsuaian terma dan syarat

Kumpulan dan Bank kadangkala merunding semula atau mengubah suai aliran tunai kontraktual pinjaman kepada pelanggan. Apabila ini berlaku, Kumpulan dan Bank menilai sama ada terma baharu adalah berbeza secara ketara daripada terma asal. Kumpulan dan Bank berbuat demikian dengan mempertimbangkan, antara lain, faktor berikut:

- Jika peminjam menghadapi kesukaran kewangan, sama ada pengubahsuaian tersebut hanya mengurangkan aliran tunai kontraktual kepada jumlah yang dijangka mampu dibayar oleh peminjam;
- Sama ada terdapat pengenalan terma baharu yang signifikan, seperti perkongsian keuntungan atau pulangan berasaskan ekuiti yang memberi kesan ketara kepada profil risiko pinjaman;
- Pelanjutan tempoh pinjaman yang signifikan apabila peminjam tidak menghadapi kesukaran kewangan;
- Perubahan ketara dalam kadar faedah;
- Perubahan mata wang denominasi pinjaman; dan
- Penyertaan cagar, sekuriti lain atau penambahbaikan kredit yang memberi kesan ketara kepada risiko kredit berkaitan pinjaman tersebut.

**(A) RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMBUNGAN)****(4) ASET KEWANGAN (SAMBUNGAN)****(d) Penyahiktirafan dan pengubahsuaian (sambungan)****(i) Penyahiktirafan akibat pengubahsuaian terma dan syarat (sambungan)**

Sekiranya terma adalah berbeza secara ketara, Kumpulan dan Bank menyahiktiraf aset kewangan asal dan mengiktiraf aset 'baharu' pada nilai saksama serta mengira semula kadar faedah efektif baharu bagi aset tersebut. Tarikh rundingan semula seterusnya dianggap sebagai tarikh pengiktirafan awal bagi tujuan pengiraan rosot nilai, termasuk bagi menentukan sama ada peningkatan ketara dalam risiko kredit telah berlaku. Walau bagaimanapun, Kumpulan dan Bank turut menilai sama ada aset kewangan baharu yang diiktiraf dianggap sebagai rosot nilai kredit pada pengiktirafan awal, terutamanya dalam keadaan di mana rundingan semula didorong oleh ketidakupayaan penghutang untuk membuat bayaran seperti yang dipersetujui pada asalnya. Perbezaan dalam amaun bawaan juga diiktiraf dalam penyata pendapatan sebagai keuntungan atau kerugian akibat penyahiktirafan.

Sekiranya terma tidak berbeza secara ketara, rundingan semula atau pengubahsuaian tersebut tidak menyebabkan penyahiktirafan. Kumpulan dan Bank mengira semula jumlah amaun bawaan kasar berdasarkan aliran tunai yang disemak bagi aset kewangan tersebut dan mengiktiraf keuntungan atau kerugian pengubahsuaian dalam penyata pendapatan. Jumlah amaun bawaan kasar baharu dikira dengan mendiskaunkan aliran tunai yang diubah suai pada kadar faedah efektif asal (atau kadar faedah efektif terlaras kredit bagi aset kewangan rosot nilai kredit yang dibeli atau berasal).

**(ii) Penyahiktirafan selain daripada pengubahsuaian terma dan syarat**

Aset kewangan, atau sebahagian daripadanya, dinyahiktiraf apabila hak kontraktual untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan tersebut telah luput, atau apabila aset tersebut telah dipindahkan dan sama ada (i) Kumpulan dan Bank telah memindahkan secara ketara semua risiko dan ganjaran pemilikan, atau (ii) Kumpulan dan Bank tidak memindahkan atau mengekalkan secara ketara semua risiko dan ganjaran pemilikan serta tidak mengekalkan kawalan.

Cagaran yang disediakan oleh Kumpulan dan Bank di bawah perjanjian belian semula tidak dinyahiktiraf kerana Kumpulan dan Bank mengekalkan secara ketara semua risiko dan ganjaran berdasarkan harga belian semula yang telah ditetapkan terlebih dahulu, dan oleh itu kriteria penyahiktirafan tidak dipenuhi.

**(e) Pengelasan semula aset kewangan**

Pengelasan semula aset kewangan diperlukan hanya apabila Kumpulan dan Bank menukar model perniagaan mereka dalam mengurus aset tersebut. Dalam keadaan sedemikian, Kumpulan dan Bank dikehendaki mengelaskan semula semua aset kewangan yang terjejas.

Walaupun bagaimanapun, adalah tidak sesuai untuk mengelaskan semula aset kewangan yang telah ditetapkan pada FVTPL, atau instrumen ekuiti yang telah ditetapkan sebagai FVOCI walaupun berlaku perubahan dalam model perniagaan. Penetapan tersebut adalah tidak boleh dibatalkan.

**(5) PERJANJIAN BELIAN SEMULA**

Sekuriti yang dibeli di bawah perjanjian jual semula ialah sekuriti yang dibeli oleh Kumpulan dan Bank dengan komitmen untuk menjual semula pada tarikh hadapan. Komitmen untuk menjual semula sekuriti tersebut diiktiraf sebagai aset dalam penyata kedudukan kewangan.

Sebaliknya, obligasi ke atas sekuriti yang dijual di bawah perjanjian belian semula ialah sekuriti yang telah dijual oleh Kumpulan dan Bank daripada portfolionya dengan komitmen untuk membelinya semula pada tarikh hadapan. Pembiayaan tersebut dan obligasi untuk membeli semula sekuriti diiktiraf sebagai liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan.

Perbezaan antara harga jualan dan harga belian semula serta antara harga pembelian dan harga jual semula dilunaskan sebagai pendapatan faedah dan perbelanjaan faedah masing-masing menggunakan kaedah hasil efektif.

**(6) INSTRUMEN KEWANGAN DERIVATIF DAN PERAKAUNAN LINDUNG NILAI**

Derivatif pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh kontrak derivatif dimeterai dan seterusnya diukur semula pada nilai saksamanya pada akhir setiap tempoh pelaporan. Nilai saksama diperolehi daripada harga pasaran sebut harga dalam pasaran aktif, termasuk urus niaga pasaran terkini, serta teknik penilaian seperti model aliran tunai terdiskaun dan model penentuan harga opsyen, mengikut kesesuaian. Semua derivatif dibawa sebagai aset apabila nilai saksamanya positif dan sebagai liabiliti apabila nilai saksamanya negatif. Perubahan dalam nilai saksama mana-mana derivatif yang tidak layak untuk perakaunan lindung nilai diiktiraf serta-merta dalam penyata pendapatan. Cagaran tunai yang dipegang berkaitan dengan urus niaga derivatif dibawa pada kos dilunaskan.

Bukti terbaik bagi nilai saksama derivatif pada pengiktirafan awal ialah harga urus niaga (iaitu nilai saksama balasan yang diberi atau diterima), melainkan nilai saksama instrumen tersebut dapat dibuktikan melalui perbandingan dengan urus niaga pasaran semasa lain yang boleh diperhatikan bagi instrumen yang sama (iaitu tanpa pengubahsuaian atau pembungkusan semula) atau berdasarkan teknik penilaian yang membolehkan hanya merangkumi data daripada pasaran yang boleh diperhatikan. Apabila bukti sedemikian wujud, Kumpulan dan Bank mengiktiraf keuntungan pada hari pertama.

# Ringkasan Dasar Perakaunan Material serta Anggaran dan Andaian Perakaunan Kritikal

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025

## (A) RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMBUNGAN)

### (6) INSTRUMEN KEWANGAN DERIVATIF DAN PERAKAUNAN LINDUNG NILAI (SAMBUNGAN)

Kaedah pengiktirafan keuntungan atau kerugian nilai saksama yang terhasil bergantung kepada sama ada derivatif tersebut ditetapkan dan layak sebagai instrumen lindung nilai, dan jika ya, sifat item yang dilindung nilai. Kumpulan dan Bank menetapkan derivatif tertentu sama ada sebagai: (1) lindung nilai bagi nilai saksama aset atau liabiliti yang diiktiraf atau komitmen teguh (lindung nilai nilai saksama); atau (2) lindung nilai bagi pelaburan bersih dalam operasi asing (lindung nilai pelaburan bersih). Perakaunan lindung nilai digunakan bagi derivatif yang ditetapkan sedemikian tertakluk kepada pemenuhan kriteria tertentu.

Kumpulan dan Bank mendokumenkan, pada permulaan urus niaga lindung nilai, objektif dan strategi pengurusan risiko serta hubungan ekonomi antara instrumen lindung nilai dan item yang dilindung nilai, termasuk sama ada instrumen lindung nilai dijangka mengimbangi perubahan dalam aliran tunai item yang dilindung nilai.

Sekiranya nisbah lindung nilai bagi tujuan pengurusan risiko tidak lagi optimum tetapi objektif pengurusan risiko kekal tidak berubah dan lindung nilai terus layak untuk perakaunan lindung nilai, hubungan lindung nilai akan diimbangi semula dengan melaraskan sama ada jumlah instrumen lindung nilai atau jumlah item yang dilindung nilai supaya nisbah lindung nilai selaras dengan nisbah yang digunakan bagi tujuan pengurusan risiko. Sebarang ketidakberkesanan lindung nilai dikira dan diiktiraf dalam untung atau rugi pada masa pengimbangan semula hubungan lindung nilai.

Kumpulan dan Bank telah menggunakan pelepasan Fasa 1 berikut yang diperuntukkan oleh Pindaan kepada MFRS 9 dan MFRS 7 'Pembaharuan Penanda Aras Kadar Faedah' bagi instrumen lindung nilai yang digunakan dalam strategi lindung nilai Kumpulan dan Bank yang merujuk kepada Kadar Tawaran Antara Bank ('IBOR') dan yang masih belum beralih kepada kadar penanda aras alternatif:

- Dalam mempertimbangkan keperluan 'sangat berkemungkinan', Kumpulan dan Bank mengandaikan bahawa kadar faedah IBOR yang menjadi asas kepada pinjaman dilindung nilai tidak berubah akibat pembaharuan IBOR.
- Dalam menilai sama ada lindung nilai dijangka sangat berkesan secara prospektif, Kumpulan dan Bank mengandaikan bahawa kadar faedah IBOR yang menjadi asas kepada aliran tunai pinjaman dilindung nilai dan swap kadar faedah tidak diubah oleh pembaharuan IBOR.
- Kumpulan dan Bank tidak mengitar semula rizab lindung nilai aliran tunai bagi lindung nilai yang ditetapkan yang tertakluk kepada pembaharuan IBOR.

Kumpulan dan Bank menghentikan penggunaan pelepasan yang diperuntukkan oleh pindaan Fasa 1 pada tarikh yang lebih awal antara (a) apabila tiada lagi ketidakpastian yang timbul daripada pembaharuan IBOR berkaitan masa dan jumlah aliran tunai berkaitan IBOR bagi item yang dilindung nilai, dan (b) apabila hubungan lindung nilai yang menggunakan pelepasan tersebut dihentikan.

Kumpulan dan Bank telah menggunakan pelepasan berikut yang diperuntukkan oleh Pindaan kepada MFRS 9 dan MFRS 7 'Pembaharuan Penanda Aras Kadar Faedah - Fasa 2':

- Penetapan lindung nilai: Apabila pindaan Fasa 1 tidak lagi terpakai, Kumpulan dan Bank akan meminda penetapan lindung nilainya bagi mencerminkan perubahan yang diperlukan akibat pembaharuan IBOR, tetapi hanya untuk membuat satu atau lebih perubahan berikut:
  - (a) Menetapkan kadar penanda aras alternatif (yang ditentukan secara kontraktual atau bukan kontraktual) sebagai risiko yang dilindung nilai;
  - (b) Meminda perihalan item yang dilindung nilai, termasuk perihalan bahagian aliran tunai atau nilai saksama yang dilindung nilai; atau
  - (c) Meminda perihalan instrumen lindung nilai.

Kumpulan dan Bank meminda dokumentasi lindung nilai bagi mencerminkan perubahan dalam penetapan tersebut menjelang akhir tempoh pelaporan di mana perubahan dibuat. Pindaan kepada dokumentasi lindung nilai ini tidak memerlukan Kumpulan dan Bank menghentikan hubungan lindung nilai.

Nilai saksama pelbagai instrumen derivatif yang digunakan bagi tujuan lindung nilai didedahkan dalam Nota 12 kepada penyata kewangan.

#### (a) Lindung nilai saksama

Perubahan dalam nilai saksama derivatif yang ditetapkan dan layak sebagai lindung nilai saksama direkodkan dalam penyata pendapatan, bersama-sama dengan sebarang perubahan dalam nilai saksama aset atau liabiliti yang dilindung nilai yang boleh dikaitkan dengan risiko yang dilindung nilai.

Kumpulan dan Bank menggunakan perakaunan lindung nilai saksama bagi melindungi nilai risiko kadar faedah tetap ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, aset kewangan pada FVOCI, pelaburan kewangan pada kos terlunas, obligasi rekursa ke atas pinjaman yang dijual kepada Cagamas, sekuriti hutang kanan dan obligasi subordinat. Keuntungan atau kerugian berkaitan bahagian berkesan swap kadar faedah bagi lindung nilai ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, pelaburan kewangan pada kos terlunas, obligasi rekursa ke atas pinjaman yang dijual kepada Cagamas, sekuriti hutang kanan dan obligasi subordinat diiktiraf dalam penyata pendapatan di bawah pendapatan operasi lain. Keuntungan atau kerugian berkaitan bahagian tidak berkesan diiktiraf dalam penyata pendapatan di bawah keuntungan atau kerugian bersih lindung nilai saksama.

**(A) RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMBUNGAN)****(6) INSTRUMEN KEWANGAN DERIVATIF DAN PERAKAUNAN LINDUNG NILAI (SAMBUNGAN)****(a) Lindung nilai saksama (sambungan)**

Bagi lindung nilai saksama ke atas aset kewangan yang ditetapkan sebagai FVOCI, sebarang perubahan dalam nilai saksama aset kewangan dilindung nilai pada FVOCI diklasifikasikan semula daripada rizab FVOCI ke penyata pendapatan, manakala perubahan dalam nilai saksama derivatif yang berkaitan dengan bahagian berkesan lindung nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan di bawah pendapatan operasi lain. Bahagian tidak berkesan bagi derivatif lindung nilai tersebut diiktiraf dalam penyata pendapatan di bawah keuntungan atau kerugian bersih perubahan nilai saksama derivatif.

Bagi instrumen kewangan yang diukur pada kos terlunas, sekiranya lindung nilai tidak lagi memenuhi kriteria perakaunan lindung nilai, pelarasan kepada amaun bawaan item dilindung nilai yang menggunakan kaedah kadar faedah efektif akan dilunaskan ke penyata pendapatan sepanjang tempoh matang dan direkodkan sebagai pendapatan operasi lain. Pelunasan kadar faedah efektif boleh bermula sebaik sahaja pelarasan wujud dan tidak lewat daripada apabila item dilindung nilai berhenti diselaraskan bagi perubahan nilai saksama yang berpunca daripada risiko yang dilindung nilai. Sekiranya item dilindung nilai dinyahiktiraf, pelarasan nilai saksama yang belum dilunaskan diiktiraf serta-merta dalam penyata pendapatan.

**(b) Lindung nilai pelaburan bersih**

Lindung nilai pelaburan bersih ialah lindung nilai terhadap pendedahan kepada turun naik kadar pertukaran ke atas aset bersih operasi asing/syarikat subsidiari Kumpulan. Sebarang keuntungan atau kerugian ke atas instrumen lindung nilai yang berkaitan dengan bahagian berkesan lindung nilai diiktiraf secara langsung dalam rizab penukaran mata wang asing dalam ekuiti melalui pendapatan komprehensif lain, manakala sebarang keuntungan atau kerugian yang berkaitan dengan bahagian tidak berkesan diiktiraf secara langsung dalam penyata pendapatan. Apabila pelupusan operasi asing/syarikat subsidiari berlaku, nilai terkumpul keuntungan atau kerugian tersebut yang diiktiraf dalam ekuiti dipindahkan ke penyata pendapatan.

**(c) Derivatif yang tidak layak untuk perakaunan lindung nilai**

Instrumen derivatif tertentu tidak layak untuk perakaunan lindung nilai. Perubahan dalam nilai saksama mana-mana instrumen derivatif yang tidak layak untuk perakaunan lindung nilai diiktiraf serta-merta dalam penyata pendapatan.

**(7) MUHIBAH**

Muhibah yang timbul daripada pemerolehan syarikat subsidiari mewakili lebihan balasan yang dipindahkan berbanding kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset, liabiliti dan liabiliti luar jangka boleh dikenal pasti bagi pihak yang diambil alih serta nilai saksama kepentingan tak mengawal dalam pihak yang diambil alih.

Muhibah dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosot nilai terkumpul dan diuji bagi rosot nilai setiap tahun atau lebih kerap sekiranya peristiwa atau perubahan keadaan menunjukkan kemungkinan berlakunya rosot nilai. Kerugian rosot nilai ke atas muhibah (termasuk kerugian rosot nilai yang diiktiraf dalam tempoh interim sebelumnya) tidak dibalikkan. Keuntungan dan kerugian daripada pelupusan syarikat subsidiari termasuk amaun bawaan muhibah yang berkaitan dengan subsidiari yang dijual. Rujuk Nota 23 Dasar Perakaunan berkaitan rosot nilai aset bukan kewangan.

Muhibah diperuntukkan kepada Unit Penjana Tunai ('CGU') bagi tujuan ujian rosot nilai. Peruntukan dibuat kepada CGU atau kumpulan CGU yang dijangka mendapat manfaat daripada sinergi gabungan perniagaan di mana muhibah tersebut timbul, yang dikenal pasti mengikut segmen operasi. Setiap unit atau kumpulan unit yang diperuntukkan muhibah mewakili tahap terendah dalam entiti di mana muhibah dipantau bagi tujuan pengurusan dalaman.

**(8) ASET TIDAK KETARA**

Aset tidak ketara merangkumi item tidak ketara yang boleh dikenal pasti secara berasingan yang timbul daripada gabungan perniagaan, lesen perisian komputer dan aset tidak ketara lain. Aset tidak ketara diiktiraf pada kos. Kos aset tidak ketara yang diperolehi melalui gabungan perniagaan ialah nilai saksamanya pada tarikh pemerolehan. Aset tidak ketara dengan jangka hayat berguna terhad dilunaskan menggunakan kaedah garis lurus sepanjang anggaran jangka hayat ekonomi. Aset tidak ketara dengan jangka hayat tidak terhad tidak dilunaskan. Secara amnya, aset tidak ketara yang dikenal pasti oleh Kumpulan dan Bank mempunyai jangka hayat berguna terhad. Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, aset tidak ketara disemak bagi petunjuk rosot nilai atau perubahan dalam manfaat ekonomi masa hadapan yang dianggarkan. Jika petunjuk tersebut wujud, aset tidak ketara dianalisis untuk menilai sama ada nilai dibawanya boleh dipulihkan sepenuhnya. Kerugian rosot nilai diiktiraf jika amaun bawaan melebihi jumlah boleh diperolehi semula. Aset tidak ketara dengan jangka hayat tidak terhad diuji bagi rosot nilai setiap tahun dan apabila terdapat petunjuk bahawa aset tersebut mungkin terjejas. Rujuk Nota 23 Dasar Perakaunan berkaitan rosot nilai aset bukan kewangan.

**(a) Lesen perisian komputer**

Lesen perisian komputer yang diperolehi dipermodalkan berdasarkan kos yang ditanggung untuk memperoleh dan menyediakan perisian tersebut untuk digunakan. Lesen perisian komputer seterusnya dibawa pada kos ditolak pelunasan terkumpul dan kerugian rosot nilai. Kos tersebut dilunaskan sepanjang anggaran jangka hayat berguna antara 3 hingga 10 tahun.

# Ringkasan Dasar Perakaunan Material serta Anggaran dan Andaian Perakaunan Kritikal

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025

## (A) RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMBUNGAN)

### (8) ASET TIDAK KETARA (SAMBUNGAN)

#### (b) Aset tidak ketara lain

Aset tidak ketara lain terdiri daripada hubungan pelanggan, hak dagangan dan keahlian. Aset tidak ketara lain pada mulanya diiktiraf apabila ia boleh dikenal pasti secara berasingan atau timbul daripada hak kontraktual atau hak undang-undang lain, dan apabila kosnya boleh diukur dengan boleh dipercayai serta, bagi aset tidak ketara yang tidak diperoleh melalui gabungan perniagaan, diiktiraf apabila terdapat kebarangkalian bahawa manfaat ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan aset tersebut akan mengalir daripada penggunaannya. Nilai aset tidak ketara yang diperoleh melalui gabungan perniagaan lazimnya ditentukan menggunakan pendekatan pendapatan seperti kaedah aliran tunai terdiskaun.

Aset tidak ketara lain dengan jangka hayat berguna terhad dinyatakan pada kos ditolak pelunasan dan peruntukan rosot nilai, jika ada, serta pemalihan rosot nilai, jika ada. Aset tersebut dilunaskan sepanjang jangka hayat bergunanya dengan cara yang mencerminkan corak sumbangannya kepada aliran tunai masa hadapan.

### (9) HARTA, LOJI DAN PERALATAN SERTA SUSUT NILAI

Harta, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai, jika ada. Kos termasuk perbelanjaan yang boleh dikaitkan secara langsung dengan pemerolehan aset tersebut. Kos seterusnya dimasukkan dalam amaun bawaan aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, mengikut kesesuaian, hanya apabila terdapat kebarangkalian bahawa manfaat ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan item tersebut akan mengalir kepada Kumpulan dan Bank dan kos item tersebut boleh diukur dengan boleh dipercayai. Amaun bawaan bagi bahagian yang diganti dinyahiktiraf. Semua kos pembaikan dan penyelenggaraan lain diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan dalam tempoh kewangan di mana ia ditanggung.

Tanah pegangan bebas serta pengubahsuaian dan penambahbaikan dalam pembinaan tidak disusut nilai. Harta, loji dan peralatan lain disusut nilai menggunakan kaedah garis lurus bagi menghapus kira kosnya kepada nilai sisa sepanjang anggaran jangka hayat bergunanya. Kadar susut nilai tahunan utama adalah seperti berikut:

Tanah pajakan	Dilunaskan sepanjang tempoh pajakan*
Bangunan	2% hingga 3.33%
Pengubahsuaian dan penambahbaikan	10% hingga 11%
Peralatan komputer	14.28% hingga 33.33%
Perabot, kelengkapan dan peralatan	10% hingga 20%
Kenderaan bermotor	20%

\* Sehingga 31 Disember 2025, baki tempoh pajakan adalah antara 45 hingga 858 tahun.

Nilai sisa dan jangka hayat berguna aset disemak, dan diselaraskan jika perlu, pada akhir setiap tempoh pelaporan. Tiada pelarasan material yang timbul daripada semakan tersebut yang memerlukan pendedahan dalam penyata kewangan.

Tanah pajakan yang diperoleh sebelum tarikh penggunaan awal MFRS 16 'Pajakan' yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2019 terus diklasifikasikan di bawah harta, loji dan peralatan.

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan ditentukan dengan membandingkan hasil dengan amaun bawaan dan dimasukkan dalam pendapatan operasi lain dalam penyata pendapatan.

Pada akhir tempoh pelaporan, Kumpulan dan Bank menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk rosot nilai. Sekiranya terdapat petunjuk rosot nilai, amaun bawaan aset akan diturunkan kepada jumlah boleh diperoleh semula. Rujuk Nota 23 Dasar Perakaunan berkaitan rosot nilai aset bukan kewangan.

### (10) LIABILITI KEWANGAN

Liabiliti kewangan diukur pada kos terlunas, kecuali liabiliti dagangan yang ditetapkan pada nilai saksama, yang dipegang pada FVTPL. Liabiliti kewangan pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama ditambah kos transaksi bagi semua liabiliti kewangan yang tidak diukur pada FVTPL. Liabiliti kewangan pada FVTPL pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama, dan kos transaksi diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan. Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila ia dilangsaikan.

#### (a) Liabiliti kewangan pada FVTPL

Kategori ini terdiri daripada dua sub-kategori: liabiliti kewangan yang dipegang untuk dagangan, dan liabiliti kewangan yang ditetapkan pada FVTPL semasa pengiktirafan awal.

**(A) RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMBUNGAN)****(10) LIABILITI KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

## (a) Liabiliti kewangan pada FVTPL (sambungan)

Liabiliti kewangan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk dagangan sekiranya ia diperoleh atau ditanggung terutamanya bagi tujuan menjual atau membelinya semula dalam tempoh terdekat, atau jika ia merupakan sebahagian daripada portfolio instrumen kewangan yang dikenal pasti yang diurus secara bersama dan terdapat bukti corak pengambilan keuntungan jangka pendek yang sebenar. Derivatif juga dikategorikan sebagai dipegang untuk dagangan melainkan ia ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai. Rujuk Nota 6 Dasar Perakaunan berkaitan perakaunan lindung nilai.

Liabiliti kewangan yang diukur pada FVTPL semasa pengiktirafan awal terdiri daripada derivatif dagangan dan liabiliti kewangan yang ditetapkan pada nilai saksama.

## (b) Liabiliti kewangan lain yang diukur pada kos terlunas

Pihak berkaitan kepada kakitangan pengurusan utama (dianggap sebagai berkaitan dengan Bank)	(i) Ahli keluarga terdekat dan tanggungan kakitangan pengurusan utama; dan (ii) Entiti yang dikawal, dikawal bersama atau dipengaruhi secara signifikan oleh, atau yang kuasa pengundi dalam entiti tersebut dipegang, secara langsung atau tidak langsung oleh kakitangan pengurusan utama atau ahli keluarga terdekat mereka

(b) Baki dan urus niaga penting pihak berkaitan

Selain pendedahan pihak berkaitan yang dinyatakan dalam Nota 11 dan 26, dinyatakan di bawah adalah urus niaga dan baki penting lain dengan pihak berkaitan.

Pihak berkaitan lain Bank merangkumi urus niaga atau baki dengan subsidiari Bank.

Semua urus niaga pihak berkaitan dijalankan dalam perjalanan biasa perniagaan berdasarkan terma yang dipersetujui antara pihak berkaitan.

## 51 URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)

(b) Baki dan urus niaga penting pihak berkaitan (sambungan)

	2025			2024		
	Kakitangan pengurusan utama* RM'000	KWSP dan Kumpulan Syarikat KWSP RM'000	Syarikat bersekutu RM'000	Kakitangan pengurusan utama* RM'000	KWSP dan Kumpulan Syarikat KWSP RM'000	Syarikat bersekutu RM'000
<b>Kumpulan</b>						
<b>Pendapatan</b>						
Faedah ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	15,453	19,534	-	11,979	9,209	-
Faedah ke atas aset kewangan diukur pada FVTPL	-	158	-	-	-	-
Faedah ke atas aset kewangan diukur pada FVOCI	-	33,362	-	-	45,027	-
Faedah ke atas pelaburan kewangan pada kos dilunaskan	3,316	13,966	-	-	12,285	-
Pendapatan yuran	1,587	14,025	-	862	13,554	-
Premium insurans	14	18,265	1,265	53	17,469	1,151
Pendapatan pembrokeran	135	4,910	-	184	9,128	-
Keuntungan bersih daripada penilaian semula derivatif	26	464	-	24	239	-
Pendapatan lain	56	25	-	39	21	-
	<b>20,587</b>	<b>104,709</b>	<b>1,265</b>	<b>13,141</b>	<b>106,932</b>	<b>1,151</b>
<b>Perbelanjaan</b>						
Faedah ke atas deposit daripada pelanggan	1,985	6,221	-	3,336	7,101	-
Faedah ke atas deposit dan penempatan bank dan institusi kewangan lain	-	-	1,548	-	-	1,051
Perbelanjaan lain	30	184	-	17	2,323	-
Bayaran balik perbelanjaan operasi kepada syarikat pemegang	-	-	(2,819)	-	-	(1,855)
	<b>2,015</b>	<b>6,405</b>	<b>(1,271)</b>	<b>3,353</b>	<b>9,424</b>	<b>(804)</b>
<b>Amaun terhutang daripada</b>						
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	145,018	1,479,378	-	151,886	621,130	-
Baki pelanggan dan broker	75	44,341	-	-	18,606	-
Aset kewangan diukur pada FVTPL	-	20,447	-	-	-	-
Aset kewangan diukur pada FVOCI	-	813,145	-	-	623,682	-
Pelaburan kewangan pada kos dilunaskan	100,049	441,200	-	-	275,177	-
Aset lain	23	4,878	-	189	4,459	-
	<b>245,165</b>	<b>2,803,389</b>	<b>-</b>	<b>152,075</b>	<b>1,543,054</b>	<b>-</b>
<b>Amaun terhutang kepada</b>						
Deposit daripada pelanggan	438,129	584,920	9,972	386,756	1,253,626	3,359
Deposit dan penempatan bank dan institusi kewangan lain	-	-	15,000	-	-	90,037
Baki pelanggan dan broker	142	12,276	-	51	-	-
Liabiliti lain	84	636	-	331	30,032	-
	<b>438,355</b>	<b>597,832</b>	<b>24,972</b>	<b>387,138</b>	<b>1,283,658</b>	<b>93,396</b>

\* Termasuk urus niaga dan baki dengan pihak berkaitan kepada kakitangan pengurusan utama.

## Nota Kepada Penyata Kewangan

### Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025

#### 51 URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)

(b) Baki dan urus niaga penting pihak berkaitan (sambungan)

	2025				2024			
	Kakitangan pengurusan utama*	KWSP dan Kumpulan Syarikat KWSP	Subsidiari	Syarikat bersekutu	Kakitangan pengurusan utama*	KWSP dan Kumpulan Syarikat KWSP	Subsidiari	Syarikat bersekutu
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
<b>Bank</b>								
<b>Pendapatan</b>								
Faedah ke atas deposit dan penempatan dengan institusi kewangan lain	-	-	440,215	-	-	-	443,551	-
Faedah ke atas akaun pelaburan terhutang daripada institusi kewangan ditetapkan	-	-	192,599	-	-	-	177,452	-
Faedah ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	15,245	-	1,051	-	11,802	-	3,115	-
Faedah ke atas sekuriti yang dibeli menurut perjanjian penjualan semula	-	-	1,445	-	-	-	2,420	-
Faedah ke atas aset kewangan diukur pada FVTPL	-	158	-	-	-	-	-	-
Faedah ke atas aset kewangan diukur pada FVOCI	-	28,093	-	-	-	40,477	-	-
Faedah ke atas pelaburan kewangan pada kos dilunaskan	-	13,257	-	-	-	11,994	-	-
Pendapatan yuran	13	-	-	-	13	-	-	-
Pendapatan dividen	-	-	615,554	-	-	-	437,660	-
Keuntungan/(kerugian) daripada penilaian semula derivatif	-	-	5,932	-	-	-	(33,620)	-
Pendapatan/(kerugian) lain	-	-	(392,548)	-	-	-	(30,845)	-
	<b>15,258</b>	<b>41,508</b>	<b>864,248</b>	<b>-</b>	<b>11,815</b>	<b>52,471</b>	<b>999,733</b>	<b>-</b>
<b>Perbelanjaan</b>								
Faedah ke atas deposit dan penempatan bank dan institusi kewangan lain	-	-	116,122	1,548	-	-	268,731	1,051
Faedah ke atas deposit daripada pelanggan	1,891	2	6,526	-	3,223	-	5,692	-
Faedah ke atas obligasi bagi sekuriti yang dijual menurut perjanjian pembelian semula	-	-	118,026	-	-	-	39,279	-
Sewaan premis	-	-	9,959	-	-	-	10,402	-
Bayaran balik perbelanjaan operasi daripada subsidiari/syarikat bersekutu	-	-	(791,585)	(2,819)	-	-	(653,771)	(1,855)
Perbelanjaan lain	-	-	33,310	-	-	-	32,261	-
	<b>1,891</b>	<b>2</b>	<b>(507,642)</b>	<b>(1,271)</b>	<b>3,223</b>	<b>-</b>	<b>(297,406)</b>	<b>(804)</b>

\* Termasuk urus niaga dan baki dengan pihak berkaitan kepada kakitangan pengurusan utama.

## 51 URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)

(b) Baki dan urus niaga penting pihak berkaitan (sambungan)

	2025				2024			
	Kakitangan pengurusan utama* RM'000	KWSP dan Kumpulan Syarikat KWSP RM'000	Subsidiari RM'000	Syarikat bersekutu RM'000	Kakitangan pengurusan utama* RM'000	KWSP dan Kumpulan Syarikat KWSP RM'000	Subsidiari RM'000	Syarikat bersekutu RM'000
<b>Bank</b>								
<b>Amaun terhutang daripada</b>								
Wang pada panggilan dan penempatan deposit	-	-	2,574,196	-	-	-	4,099,306	-
Deposit dan penempatan dengan bank dan institusi kewangan lain	-	-	8,272,688	-	-	-	7,699,508	-
Akaun pelaburan terhutang daripada institusi kewangan yang ditetapkan	-	-	6,719,876	-	-	-	4,640,875	-
Sekuriti yang dibeli menurut perjanjian penjualan semula	-	-	-	-	-	-	100,213	-
Aset derivatif	-	-	294,821	-	-	-	240,350	-
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	137,254	-	141,803	-	146,997	-	141,803	-
Aset kewangan diukur pada FVTPL	-	20,447	-	-	-	-	-	-
Aset kewangan diukur pada FVOCI	-	671,665	-	-	-	504,571	-	-
Pelaburan kewangan pada kos dilunaskan	-	404,788	-	-	-	263,919	-	-
Aset lain	-	-	580,661	-	-	-	1,070,407	-
	137,254	1,096,900	18,584,045	-	146,997	768,490	17,992,462	-
<b>Amaun terhutang kepada</b>								
Deposit dan penempatan bank dan institusi kewangan lain	-	-	3,464,335	15,000	-	-	2,896,616	90,037
Deposit daripada pelanggan	411,025	73,856	324,207	9,972	366,259	222,977	357,393	3,359
Liabiliti derivatif	-	-	580,319	-	-	-	448,232	-
Liabiliti lain	-	-	8,628	-	-	-	2,577	-
Obligasi ke atas sekuriti yang dijual menurut perjanjian pembelian semula	-	-	5,055,108	-	-	-	2,861,073	-
	411,025	73,856	9,432,597	24,972	366,259	222,977	6,565,891	93,396

\* Termasuk urus niaga dan baki dengan pihak berkaitan kepada kakitangan pengurusan utama.

## Nota Kepada Penyata Kewangan

### Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025

#### 51 URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)

(c) Kakitangan pengurusan utama

Imbuan Pengarah dan ahli lain kakitangan pengurusan utama adalah seperti berikut:

Nota	Kumpulan		Bank	
	2025 RM'000	2024 RM'000	2025 RM'000	2024 RM'000
Faedah pekerja jangka pendek:				
- Yuran	3,598	3,020	2,133	1,860
- Gaji dan imbuan lain	40,774	38,911	34,587	28,646
- Caruman kepada KWSP	5,081	4,653	4,238	3,781
- Perbelanjaan berasaskan saham (i)	10,566	5,245	9,283	4,497
- Manfaat berupa barangan	230	214	208	102
	<b>60,249</b>	<b>52,043</b>	<b>50,449</b>	<b>38,886</b>

(i) Pada 31 Disember 2025, jumlah keseluruhan saham yang dianugerahkan kepada Pengarah Urusan Kumpulan serta kakitangan pengurusan utama Kumpulan dan Bank masing-masing adalah sebanyak 3,802,000 dan 3,360,000 (2024: 3,700,000 dan 3,230,000).

Perkara di atas termasuk imbuan Pengarah seperti yang didedahkan dalam Nota 41.

	Kumpulan		Bank	
	2025 RM'000	2024 RM'000	2025 RM'000	2024 RM'000
Had yang diluluskan bagi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kepada kakitangan pengurusan utama	<b>436,986</b>	453,728	<b>421,537</b>	441,806

(d) Pendedahan kredit yang timbul daripada urus niaga dengan pihak berkaitan

Pendedahan kredit dengan pihak berkaitan selaras dengan Garis Panduan Bank Negara Malaysia yang disemak semula mengenai Urus Niaga Kredit dan Pendedahan dengan Pihak Berkaitan adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Bank	
	2025	2024	2025	2024
Pendedahan kredit tertunggak dengan pihak berkaitan (RM'000)	<b>12,671,665</b>	12,894,498	<b>8,653,658</b>	8,772,222
Peratusan pendedahan kredit tertunggak dengan pihak berkaitan berbanding jumlah keseluruhan pendedahan kredit (%)	<b>4.14</b>	4.50	<b>4.75</b>	5.03
Peratusan pendedahan kredit tertunggak dengan pihak berkaitan yang rosot nilai atau mungkir (%)	-	-	-	-

Pendedahan kredit di atas diperoleh berdasarkan Garis Panduan Bank Negara Malaysia yang disemak semula mengenai Urus Niaga Kredit dan Pendedahan dengan Pihak Berkaitan, yang berkuat kuasa pada 16 Julai 2014.

## 51 URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)

(e) Caj antara syarikat

Pecahan caj antara syarikat mengikut jenis perkhidmatan yang diterima dan pengagihan geografi selaras dengan Dokumen Dasar Bank Negara Malaysia mengenai Pelaporan Kewangan yang dikeluarkan pada 29 April 2022 adalah seperti berikut:

	Faedah ke atas deposit dan penempatan bank dan institusi kewangan lain RM'000	Faedah ke atas deposit daripada pelanggan RM'000	Faedah ke atas obligasi bagi sekuriti yang dijual menurut perjanjian pembelian semula RM'000	Sewaan premis RM'000	Bayaran balik perbelanjaan operasi daripada subsidiari RM'000	Perbelanjaan lain RM'000
<b>Bank</b>						
<b>2025</b>						
Malaysia	99,413	5,838	118,026	544	(788,436)	33,310
Singapura	-	688	-	9,415	(42)	-
Indonesia	-	-	-	-	(193)	-
Kemboja	16,709	-	-	-	(2,005)	-
Laos	-	-	-	-	(909)	-
	<b>116,122</b>	<b>6,526</b>	<b>118,026</b>	<b>9,959</b>	<b>(791,585)</b>	<b>33,310</b>
<b>2024</b>						
Malaysia	268,731	5,468	39,279	676	(651,732)	32,261
Singapura	-	135	-	9,726	-	-
Thailand	-	89	-	-	(211)	-
Indonesia	-	-	-	-	(166)	-
Kemboja	-	-	-	-	(1,302)	-
Laos	-	-	-	-	(360)	-
	<b>268,731</b>	<b>5,692</b>	<b>39,279</b>	<b>10,402</b>	<b>(653,771)</b>	<b>32,261</b>

## 52 SKIM PEMBERIAN SAHAM

SGS telah ditubuhkan dan dilaksanakan oleh Kumpulan dan Bank pada Jun 2022.

Pelaksanaan SGS bertujuan untuk memotivasikan pekerja, menarik bakat dan mengekalkan pekerja utama melalui pemberian saham biasa Bank sehingga 2% daripada jumlah keseluruhan saham terbitan Bank (tidak termasuk saham perbendaharaan, jika ada) pada bila-bila masa sepanjang tempoh SGS kepada pekerja dan Pengarah Eksekutif Bank serta subsidiarinya (tidak termasuk subsidiari dorman) yang memenuhi kriteria kelayakan ('Pekerja Layak'). SGS yang akan ditadbir oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan Lembaga ('BNRC') yang terdiri daripada individu yang dilantik oleh Lembaga dari semasa ke semasa, akan berkuat kuasa bagi tempoh sembilan tahun bermula dari tarikh pelaksanaan berkuat kuasa SGS, dan tempoh peletakhakan bagi setiap geran yang ditawarkan adalah selama 3 tahun dari tarikh tawaran.

Butiran saham SGS yang ditawarkan adalah seperti berikut:

Tarikh tawaran	Nilai saksama RM	Tawaran Unit'000	Tarikh peletakhakan
Geran 1 - 4 Julai 2022	5.71	4,685	3 Julai 2025
Geran 2 - 22 Mei 2023	5.50	5,445	30 Jun 2026
Geran 3 - 4 Mac 2024	5.62	4,725	30 Jun 2027
Geran 3A - 1 Julai 2024	5.50	142	30 Jun 2027
Geran 4 - 4 Mac 2025	6.86	5,145	30 Jun 2028
Geran 4A - 13 Mei 2025	6.82	85	30 Jun 2028

## Nota Kepada Penyata Kewangan

### Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025

#### 52 SKIM PEMBERIAN SAHAM (SAMBUNGAN)

Pergerakan saham SGS sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 adalah seperti berikut:

2025	Bilangan saham SGS (Unit'000)				
	Pada 1 Januari 2025	Tawaran	Peletakhakan	Dilucut hak	Pada 31 Disember 2025
Tarikh tawaran					
Geran 1 – 4 Julai 2022	3,863	-	(2,424)	(1,439)	-
Geran 2 – 22 Mei 2023	4,672	-	-	(350)	4,322
Geran 3 – 4 Mac 2024	4,515	-	-	(388)	4,127
Geran 3A – 1 Julai 2024	142	-	-	(125)	17
Geran 4 – 4 Mac 2025	-	5,145	-	(387)	4,758
Geran 4A – 13 Mei 2025	-	85	-	-	85

#### 53 PELAPORAN SEGMENT

Segmen operasi dilaporkan selaras dengan pelaporan dalaman yang disediakan kepada pembuat keputusan operasi utama, iaitu individu atau kumpulan yang memperuntukkan sumber dan menilai prestasi segmen operasi sesuatu entiti. Kumpulan telah mengenal pasti Jawatankuasa Pengurusan sebagai pembuat keputusan operasi utamanya.

Selaras dengan rangka kerja pelaporan pengurusan dalaman Kumpulan, Kumpulan telah pada 1 Mei 2025 menubuhkan GCBB yang menggabungkan Perbankan Korporat Kumpulan, Perbankan Komersial Kumpulan dan Perbankan PKS Kumpulan di bawah satu struktur bersepadu. Sebagai sebahagian daripada penyelarasan strategik ini, segmen berikut akan dipindahkan daripada tonggak perniagaan terdahulu kepada GCBB:

- (i) Perbankan PKS Kumpulan yang sebelum ini di bawah GCB; dan
- (ii) Perbankan Korporat Kumpulan dan Perbankan Komersial Kumpulan yang sebelum ini di bawah GWB.

Segmen perniagaan Kumpulan boleh disusun kepada segmen utama berikut yang mencerminkan struktur pelaporan dalaman Kumpulan:

##### (a) Perbankan Komuniti Kumpulan

GCB memberi tumpuan kepada penyediaan produk dan perkhidmatan kepada pelanggan individu. Produk dan perkhidmatan yang ditawarkan termasuk kemudahan kredit (pembiayaan perumahan, pembiayaan bukan perumahan, sewa beli, pembelian sekuriti, kad kredit serta pinjaman dan pembiayaan peribadi lain), kiriman wang, pengumpulan deposit, produk berkaitan pelaburan serta produk bancassurance/bancatacaful.

##### (b) Perbankan Borong Kumpulan

GWB merangkumi portfolio perniagaan/kumpulan fungsi utama berikut:

- I. Perbendaharaan Kumpulan dan Pasaran Global;
- II. Perbankan Pelaburan Kumpulan yang terdiri daripada Perbankan Pelaburan Kumpulan dan Pengurusan Aset Kumpulan;
- III. Perbankan Transaksi Kumpulan; dan
- IV. Ekonomi Kumpulan.
  - (i) Perbendaharaan Kumpulan dan Pasaran Global menawarkan rangkaian lengkap produk dan penyelesaian perbendaharaan termasuk pertukaran asing ('FX'), derivatif, pasaran modal, produk berstruktur, pelaburan pasaran wang serta produk Perbendaharaan Islam bagi memenuhi keperluan lindung nilai dan pelaburan pelanggan yang pelbagai di Malaysia, Singapura dan Thailand. Segmen ini juga bertanggungjawab terhadap pengurusan keseluruhan keperluan kecairan dan pembiayaan Kumpulan serta pelaburan lebih modal dan dana bagi meningkatkan pulangan kepada Kumpulan.
  - (ii) Perbankan Pelaburan Kumpulan menawarkan rangkaian penuh produk dan perkhidmatan perbankan pelaburan merangkumi pasaran utama seperti khidmat nasihat (penstrukturan semula korporat dan hutang, penggabungan dan pemerolehan, pengambilalihan), pengumpulan dana melalui instrumen ekuiti dan hutang, serta pasaran sekunder termasuk dagangan sekuriti bagi pelanggan institusi dan runcit, selain perkhidmatan pemegang amanah. Segmen ini memanfaatkan platform serantau Kumpulan untuk menyediakan perkhidmatan urus niaga rentas sempadan kepada pelanggan di seluruh ASEAN.

Segmen ini juga menawarkan perkhidmatan pembrokeran saham serta produk dan perkhidmatan perbankan pelaburan kepada pelanggan serantau Kumpulan di Indonesia dan Kemboja.

### 53 PELAPORAN SEGMENT (SAMBUNGAN)

Segmen perniagaan Kumpulan boleh disusun kepada segmen utama berikut yang mencerminkan struktur pelaporan dalaman Kumpulan (sambungan):

#### (b) Perbankan Borong Kumpulan (sambungan)

- (iii) Pengurusan Aset Kumpulan mengurus rangkaian penuh perkhidmatan dan penawaran pelaburan termasuk pengurusan dana unit amanah, khidmat nasihat pengurusan pelaburan, mandat persendirian serta pembangunan produk.
- (iv) Perbankan Transaksi Kumpulan menawarkan pelbagai penyelesaian perniagaan merangkumi penyelesaian pengurusan tunai, pembiayaan perdagangan dan perkhidmatan termasuk penyelesaian pembiayaan rantaian bekalan antara lain bagi PKS, komersial dan korporat besar.
- (v) Ekonomi Kumpulan merangkumi Strategi Pertukaran Asing dan Pendapatan Tetap, menyediakan khidmat nasihat pakar mengenai perkembangan makroekonomi serta trend ekonomi tempatan dan sektoral. Pasukan ini juga bertanggungjawab untuk berinteraksi dengan pelanggan korporat dan institusi bagi memberikan nasihat mengenai perkembangan dan trend ekonomi.

#### (c) Perbankan Korporat dan Perniagaan Kumpulan

GCBK merangkumi Perbankan Korporat Kumpulan, Perbankan Komersial Kumpulan dan Perbankan PKS Kumpulan.

Perbankan Korporat Kumpulan menyediakan rangkaian komprehensif penyelesaian kewangan konvensional dan patuh Syariah yang disesuaikan untuk pelanggan korporat besar yang tersenarai di bursa tempatan dan antarabangsa, syarikat multinasional, kerajaan, agensi kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan. Penawaran segmen ini merangkumi pembiayaan modal kerja, pembiayaan jambatan/berjangka, pembiayaan projek, sindikasi, sokongan urus niaga korporat, pembiayaan perdagangan berstruktur, bon/sukuk korporat tidak ditaraf serta lindung nilai mata wang asing, bagi memastikan pendekatan menyeluruh terhadap keperluan kewangan yang pelbagai.

Perbankan Komersial Kumpulan memberi perkhidmatan kepada syarikat kecil dan sederhana tersenarai dan tidak tersenarai, merapatkan jurang antara korporat besar dan PKS. Segmen ini menyokong pengembangan perniagaan pelanggan dengan menyediakan pembiayaan konvensional dan patuh Syariah bagi perbelanjaan modal, pembiayaan jambatan/berjangka, pembiayaan projek, pembiayaan perdagangan, modal kerja, pengurusan kecairan serta lindung nilai mata wang asing, dengan mengintegrasikan penyelesaian kewangan yang disesuaikan dan kepakaran khusus sektor.

Perbankan PKS Kumpulan memberi tumpuan kepada penyediaan penyelesaian pembiayaan kepada PKS dan perusahaan milik keluarga, serta penyelesaian perdagangan dan pengurusan tunai untuk PKS.

#### (d) Perniagaan Antarabangsa Kumpulan

Perniagaan Antarabangsa Kumpulan memberi tumpuan utama kepada penyediaan produk dan perkhidmatan berkaitan perbankan komersial dan pelaburan yang disesuaikan dengan keperluan khusus pelanggan di negara asing di mana Kumpulan beroperasi. Kumpulan kini mempunyai kehadiran di Singapura, Thailand, Brunei, Kemboja dan Laos.

#### (e) Insurans

RHB Insurance Berhad menyediakan insurans am untuk pelanggan runcit, PKS, komersial dan korporat.

#### (f) Pusat Sokongan dan Lain-lain

Pusat Sokongan dan Lain-lain merangkumi hasil daripada segmen perniagaan lain dalam Kumpulan (perkhidmatan penama, pelaburan hartanah dan sewaan premis serta perkhidmatan kewangan berkaitan lain) serta pendapatan dan perbelanjaan yang tidak diperuntukkan kepada segmen operasi bagi tujuan penilaian prestasi. Keputusan perniagaan lain ini tidak material kepada Kumpulan dan oleh itu tidak memerlukan pendedahan berasingan serta dilaporkan secara agregat dalam penyata kewangan.

Keputusan segmen perniagaan disediakan berdasarkan pelaporan pengurusan dalaman Kumpulan, yang mencerminkan struktur pelaporan pengurusan organisasi. Peruntukan kos dalaman, sebagai contoh sokongan pejabat belakang, kos berpusat, pusat pembiayaan serta penggunaan harga pindahan, jika berkenaan, telah digunakan dalam penyediaan pelaporan segmen.

Sehubungan itu, maklumat segmen perbandingan telah dinyatakan semula bagi menyelaraskan perubahan dalam struktur pelaporan pengurusan dalaman Kumpulan berikutan penubuhan GCBK, dan pembentangan pendapatan material yang digunakan dalam menilai prestasi segmen telah didedahkan secara berasingan.

Sepanjang tahun kewangan, tiada satu kumpulan pelanggan berkaitan menyumbang lebih daripada 10% daripada hasil Kumpulan.

## Nota Kepada Penyata Kewangan

### Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025

#### 53 PELAPORAN SEGMENT (SAMBUNGAN)

(a) Analisis segmen perniagaan

	Perbankan Komuniti Kumpulan RM'000	Perbankan Borong Kumpulan RM'000	Perbankan Korporat dan Perniagaan Kumpulan RM'000	Perniagaan Antarabangsa Kumpulan RM'000	Insurans*	Pusat Sokongan dan Lain-lain RM'000	Pelarasan antara segmen RM'000	Jumlah RM'000
<b>2025</b>								
Hasil Luaran								
- Pendapatan faedah bersih	1,462,902	497,087	1,719,175	675,945	340	(475,260)	-	3,880,189
- Pendapatan operasi lain dan pendapatan daripada perniagaan perbankan Islam	1,531,534	1,745,914	1,088,962	344,312	121,442	61,918	-	4,894,082
- Antara segmen	46,952	50,611	(41,107)	684	(18,187)	22,529	(61,482)	-
Pendapatan bersih	3,041,388	2,293,612	2,767,030	1,020,941	103,595	(390,813)	(61,482)	8,774,271
Perbelanjaan operasi lain	(1,759,090)	(745,238)	(1,020,453)	(656,766)	(616)	(33,211)	61,482	(4,153,892)
Termasuk:								
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	(68,278)	(13,161)	(36,561)	(19,858)	-	(233)	-	(138,091)
Susut nilai aset hak guna	(19,085)	(13,764)	(12,753)	(18,295)	-	(106)	-	(64,003)
Pelunasan aset tidak ketara	(82,839)	(20,149)	(66,122)	(20,466)	-	-	-	(189,576)
Peruntukan kerugian kredit ke atas aset kewangan	(217,808)	(5,815)	116,539	(106,782)	(371)	-	-	(214,237)
Keuntungan/(kerugian) segmen	1,064,490	1,542,559	1,863,116	257,393	102,608	(424,024)	-	4,406,142
Bahagian hasil syarikat bersekutu								(27,659)
Keuntungan sebelum cukai dan zakat								4,378,483
Cukai dan zakat								(1,009,610)
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan								3,368,873

\* Semua susut nilai dan pelunasan berkaitan Insurans ditolak bersih daripada hasil selaras dengan MFRS 17.

**53 PELAPORAN SEGMENT (SAMBUNGAN)**

(a) Analisis segmen perniagaan (sambungan)

	Perbankan Komuniti Kumpulan RM'000	Perbankan Borong Kumpulan RM'000	Perbankan Korporat dan Perniagaan Kumpulan RM'000	Perniagaan Antarabangsa Kumpulan RM'000	Insurans RM'000	Pusat Sokongan dan Lain-lain RM'000	Jumlah RM'000
<b>2025</b>							
Aset segmen	130,023,900	78,614,092	90,777,505	51,828,170	1,928,462	3,020,760	356,192,889
Pelaburan dalam syarikat bersekutu							64,675
Cukai boleh pulih							80,447
Aset cukai tertunda							523,223
Aset tidak diagihkan							1,243,008
Jumlah aset							<u>358,104,242</u>
Liabiliti segmen	95,474,325	68,008,658	96,107,495	45,504,915	1,259,136	19,699	306,374,228
Peruntukan cukai dan zakat							97,704
Liabiliti cukai tertunda							14,673
Pinjaman							5,144,411
Sekuriti hutang senior							7,019,953
Obligasi subordinat							3,381,872
Liabiliti tidak diagihkan							1,881,297
Jumlah liabiliti							<u>323,914,138</u>
Item segmen lain:							
Perbelanjaan modal	152,035	35,073	112,283	44,207	3,224	89	346,911

## Nota Kepada Penyata Kewangan

### Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025

#### 53 PELAPORAN SEGMENT (SAMBUNGAN)

(a) Analisis segmen perniagaan (sambungan)

	Perbankan Komuniti Kumpulan RM'000	Perbankan Borong Kumpulan RM'000	Perbankan Korporat dan Perniagaan Kumpulan RM'000	Perniagaan Antarabangsa Kumpulan RM'000	Insurans* RM'000	Pusat Sokongan dan Lain-lain RM'000	Penghapusan Antara Segmen RM'000	Jumlah RM'000
<b>2024</b>								
Hasil luaran								
- Pendapatan faedah bersih	1,495,235	424,298	1,563,376	788,322	77	(402,008)	-	3,869,300
- Pendapatan operasi lain dan pendapatan daripada perniagaan Perbankan Islam	1,336,134	1,943,104	1,018,675	288,151	99,516	50,014	-	4,735,594
- Antara segmen	37,911	(38,833)	107,022	(50,957)	(18,973)	25,606	(61,776)	-
Pendapatan bersih	2,869,280	2,328,569	2,689,073	1,025,516	80,620	(326,388)	(61,776)	8,604,894
Perbelanjaan operasi lain	(1,621,670)	(792,226)	(963,414)	(654,907)	(470)	(50,518)	61,776	(4,021,429)
Termasuk:								
Susut nilai harta, loji dan peralatan	(71,596)	(16,756)	(39,850)	(21,384)	-	(236)	-	(149,822)
Susut nilai aset hak guna	(17,609)	(16,420)	(12,472)	(20,479)	-	(1,149)	-	(68,129)
Pelunasan aset tidak ketara	(76,716)	(21,328)	(63,364)	(21,249)	-	-	-	(182,657)
Peruntukan bagi kerugian kredit ke atas aset kewangan	(51,048)	(908)	(218,042)	(266,870)	1,529	-	-	(535,339)
Kerugian rosot nilai yang dibuat ke atas aset bukan kewangan lain	-	(1,788)	-	-	-	-	-	(1,788)
Keuntungan/(kerugian) segmen	1,196,562	1,533,647	1,507,617	103,739	81,679	(376,906)	-	4,046,338
Bahagian hasil daripada syarikat bersekutu								(26,192)
Keuntungan sebelum cukai dan zakat								4,020,146
Cukai dan zakat								(896,031)
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan								3,124,115

\* Semua susut nilai dan pelunasan berkaitan Insurans ditolak bersih daripada hasil di bawah MFRS 17.

**53 PELAPORAN SEGMENT (SAMBUNGAN)**

(a) Analisis segmen perniagaan (sambungan)

	Perbankan Komuniti Kumpulan RM'000	Perbankan Borong Kumpulan RM'000	Perbankan Korporat dan Perniagaan Kumpulan RM'000	Perniagaan Antarabangsa Kumpulan RM'000	Insurans RM'000	Pusat Sokongan dan Lain-lain RM'000	Jumlah RM'000
<b>2024</b>							
Aset segmen	121,614,033	78,029,927	88,060,014	55,600,438	1,827,247	3,363,918	348,495,577
Pelaburan dalam syarikat bersekutu							74,535
Cukai boleh pulih							88,573
Aset cukai tertunda							355,402
Aset tidak diagihkan							900,560
Jumlah aset							<u>349,914,647</u>
Liabiliti segmen	89,064,493	68,474,816	95,032,321	49,233,380	1,235,259	47,368	303,087,637
Peruntukan cukai dan zakat							100,577
Liabiliti cukai tertunda							26,748
Pinjaman							2,622,507
Sekuriti hutang senior							6,573,859
Obligasi subordinat							3,380,268
Liabiliti tidak diagihkan							1,591,687
Jumlah liabiliti							<u>317,383,283</u>
Item segmen lain:							
Perbelanjaan modal	184,249	129,744	47,077	48,668	5,326	1,259	416,323

## Nota Kepada Penyata Kewangan

### Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025

#### 53 PELAPORAN SEGMENT (SAMBUNGAN)

(b) Analisis segmen geografi:

	Hasil RM'000	Aset bukan semasa* RM'000	Aset segmen RM'000	Perbelanjaan modal RM'000
<b>2025</b>				
Malaysia	7,677,887	4,162,026	304,964,733	309,251
Luar Malaysia	1,096,384	406,994	53,139,509	37,660
	<b>8,774,271</b>	<b>4,569,020</b>	<b>358,104,242</b>	<b>346,911</b>
<b>2024</b>				
Malaysia	7,497,054	4,205,065	293,288,711	371,248
Luar Malaysia	1,107,840	442,860	56,625,936	45,075
	<b>8,604,894</b>	<b>4,647,925</b>	<b>349,914,647</b>	<b>416,323</b>

\* Aset bukan semasa terdiri daripada aset hak guna, harta, loji dan peralatan, muhibah serta aset tidak ketara.

#### 54 PENGURUSAN MODAL DAN KECUKUPAN MODAL

(i) **Pengurusan Modal**

Objektif keseluruhan pengurusan modal adalah untuk mengurus modal secara berhemat serta mengekalkan kedudukan modal yang kukuh bagi menyokong pertumbuhan perniagaan yang mampan dan meneroka peluang strategik dalam meningkatkan nilai pemegang saham, selaras dengan selera risiko Kumpulan.

Kecukupan modal merujuk kepada tahap kecukupan sumber modal dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan bagi menampung keperluan modal perniagaan semasa dan pada masa hadapan yang dijangka. Ia juga mencerminkan keupayaan Kumpulan untuk menyediakan pembiayaan sepanjang kitaran perniagaan serta memenuhi sebarang keperluan luar jangka tanpa menjejaskan kepentingan pendeposit dan pelabur. Kumpulan menasaskan untuk mengekalkan kedudukan modal yang kukuh bagi menyokong pertumbuhan perniagaan yang mampan melalui struktur modal yang optimum, di samping memenuhi keperluan pengawalseliaan.

Pengurusan modal Kumpulan yang menyeluruh bertujuan memastikan amalan pengurusan modal yang kukuh selaras dengan keperluan ICAAP yang ditetapkan oleh BNM. Kumpulan turut menetapkan pelan pembiayaan luar jangka modal sebagai sebahagian daripada pelan modal. Pelan modal tersebut, bersama analisis dan tindakan yang dicadangkan, disemak oleh Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan dan dibincangkan di peringkat jawatankuasa berkaitan sebelum dikemukakan kepada Lembaga Pengarah yang berkenaan untuk kelulusan.

(ii) **Kecukupan Modal**

Garis Panduan BNM mengenai kecukupan modal menghendaki Kumpulan, Bank dan subsidiari perbankannya mengekalkan tahap modal yang mencukupi bagi menampung sebarang kerugian yang mungkin timbul daripada risiko kredit dan risiko lain yang berkaitan dengan operasi pembiayaan. Nisbah kecukupan modal dikira berdasarkan modal layak berbanding jumlah aset berlawanan risiko sebagaimana yang ditetapkan oleh BNM.

RHB Bank Cambodia, sebuah anak syarikat milik penuh Bank, tertakluk kepada keperluan kecukupan modal yang ditetapkan oleh Bank Nasional Kemboja.

## 54 PENGURUSAN MODAL DAN KECUKUPAN MODAL (SAMBUNGAN)

### (ii) Kecukupan Modal (sambungan)

(a) Nisbah kecukupan modal bagi Kumpulan dan Bank adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Bank <sup>®</sup>	
	2025 RM'000	2024 RM'000	2025 RM'000	2024 RM'000
<b>Ekuiti Biasa Tahap I ('CET 1')/Modal Tahap I</b>				
Modal saham	8,701,097	8,687,255	8,701,097	8,687,255
Keuntungan terkumpul	22,001,930	20,754,636	16,195,835	15,135,470
Rizab lain	453,395	821,206	465,010	650,696
Rizab FVOCI	679,957	167,360	618,014	161,618
	<b>31,836,379</b>	30,430,457	<b>25,979,956</b>	24,635,039
<b>Tolak:</b>				
Muhibah	(2,633,383)	(2,633,383)	(1,714,913)	(1,714,913)
Aset tidak ketara (termasuk liabiliti cukai tertunda berkaitan)	(656,893)	(685,462)	(608,775)	(629,234)
Aset cukai tertunda	(631,586)	(304,594)	(369,487)	(230,097)
Peratusan keuntungan terkumpul hasil perubahan nilai instrumen FVOCI	(373,976)	(92,048)	(339,908)	(88,890)
Pelaburan dalam subsidiari	(103,940)	(102,425)	(4,486,267)	(4,377,826)
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	(64,675)	(74,535)	(144,800)	(110,800)
Potongan lain <sup>#</sup>	(97,544)	(30,612)	(79,455)	(29,884)
Jumlah Modal CET 1	<b>27,274,382</b>	26,507,398	<b>18,236,351</b>	17,453,395
Kepentingan tak mengawal yang layak diiktiraf sebagai Modal Tahap I	197	121	-	-
Jumlah Modal Tahap I	<b>27,274,579</b>	26,507,519	<b>18,236,351</b>	17,453,395
<b>Modal Tahap II</b>				
Obligasi subordinat yang memenuhi semua kriteria berkaitan	2,499,557	2,499,601	2,499,557	2,499,601
Instrumen modal layak bagi subsidiari yang diterbitkan kepada pihak ketiga <sup>+</sup>	470,757	448,027	-	-
Lebihan peruntukan layak berbanding kerugian dijangka	664,286	580,215	468,809	410,092
Peruntukan am <sup>^</sup>	428,968	457,901	316,357	326,143
Pelaburan dalam instrumen modal entiti kewangan dan insurans/takaful	-	-	(81,166)	(89,387)
Jumlah Modal Tahap II	<b>4,063,568</b>	3,985,744	<b>3,203,557</b>	3,146,449
<b>Jumlah Modal</b>	<b>31,338,147</b>	30,493,263	<b>21,439,908</b>	20,599,844

## Nota Kepada Penyata Kewangan

### Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025

#### 54 PENGURUSAN MODAL DAN KECUKUPAN MODAL (SAMBUNGAN)

##### (ii) Kecukupan Modal (sambungan)

(a) Nisbah kecukupan modal bagi Kumpulan dan Bank adalah seperti berikut (sambungan):

	Kumpulan		Bank <sup>®</sup>	
	2025	2024	2025	2024
<b>Nisbah modal</b>				
Sebelum dividen yang dicadangkan:				
Nisbah Modal CET 1	<b>16.138%</b>	17.234%	<b>15.183%</b>	15.959%
Nisbah Modal Tahap I	<b>16.138%</b>	17.234%	<b>15.183%</b>	15.959%
Nisbah Jumlah Modal	<b>18.542%</b>	19.826%	<b>17.850%</b>	18.836%
Selepas dividen yang dicadangkan:				
Nisbah Modal CET 1	<b>15.234%</b>	16.440%	<b>13.912%</b>	14.843%
Nisbah Modal Tahap I	<b>15.234%</b>	16.441%	<b>13.912%</b>	14.843%
Nisbah Jumlah Modal	<b>17.639%</b>	19.032%	<b>16.579%</b>	17.720%

<sup>®</sup> Nisbah kecukupan modal Bank merangkumi asas modal dan aset berwajaran risiko yang diperoleh daripada Bank dan subsidiari perbankan luar pesisir milik sepenuhnya, RHB Bank (L) Ltd.

<sup>#</sup> Selaras dengan Basel II Risiko Pasaran perenggan 5.19 dan 5.20 – Pelarasan Penilaian, pengiraan Rangka Kerja Kecukupan Modal (Basel II – Aset Berwajaran Risiko) hendaklah mengambil kira pelarasan penuaan, kecairan dan penahanan ke atas portfolio dagangan.

<sup>+</sup> Sukuk subordinat layak yang diiktiraf sebagai instrumen modal Tahap II yang dipegang oleh pihak ketiga seperti yang diperuntukkan di bawah perenggan 18.6 Garis Panduan BNM mengenai Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal), yang diterbitkan oleh subsidiari yang disatukan sepenuhnya milik Bank.

<sup>^</sup> Selaras dengan dokumen dasar BNM mengenai Pelaporan Kewangan dan Pelaporan Kewangan bagi Institusi Perbankan Islam, peruntukan am merujuk kepada elaun kerugian yang diukur pada amaun bersamaan kerugian kredit dijangka bagi tempoh 12 bulan dan sepanjang hayat seperti yang ditakrifkan di bawah MFRS 9 'Instrumen Kewangan' serta rizab pengawalseliaan, setakat mana ia diperuntukkan kepada pendedahan yang tidak rosot nilai kredit, yang ditentukan di bawah pendekatan piawaian bagi risiko kredit.

Termasuk rizab pengawalseliaan layak bagi Kumpulan dan Bank masing-masing sebanyak RM240,845,000 (2024: RM257,015,000) dan RM205,491,000 (2024: RM184,391,000).

## 54 PENGURUSAN MODAL DAN KECUKUPAN MODAL (SAMBUNGAN)

### (ii) Kecukupan Modal (sambungan)

(b) Nisbah kecukupan modal bagi RHB Islamic Bank dan RHB Investment Bank adalah seperti berikut:

	RHB Islamic Bank		RHB Investment Bank	
	2025 RM'000	2024 RM'000	2025 RM'000	2024 RM'000
<b>Modal CET 1/Modal Tahap I</b>				
Modal saham	1,673,424	1,673,424	1,220,000	1,220,000
Keuntungan terkumpul	5,185,862	4,765,880	395,252	509,809
Rizab lain	1,560	1,775	5,532	5,904
Rizab FVOCI	13,163	(38,571)	46,458	42,452
	<b>6,874,009</b>	<b>6,402,508</b>	<b>1,667,242</b>	<b>1,778,165</b>
<b>Tolak:</b>				
Muhibah	-	-	(372,395)	(372,395)
Pelaburan dalam subsidiari dan syarikat bersekutu	-	-	(510,713)	(512,087)
Aset tidak ketara (termasuk liabiliti cukai tertunda berkaitan)	(5,005)	(3,903)	(20,955)	(23,349)
Aset cukai tertunda	(240,659)	(72,134)	(20,247)	(19,311)
Peratusan keuntungan terkumpul hasil perubahan nilai instrumen FVOCI	(7,240)	-	(25,552)	(23,349)
Potongan lain <sup>#</sup>	(15,818)	(352)	(3,562)	-
Jumlah Modal CET 1/Jumlah Modal Tahap I	<b>6,605,287</b>	<b>6,326,119</b>	<b>713,818</b>	<b>827,674</b>
<b>Modal Tahap II</b>				
Sukuk subordinat	749,812	749,761	-	-
Obligasi subordinat yang memenuhi semua kriteria berkaitan	-	-	100,000	100,000
Lebihan peruntukan layak berbanding kerugian dijangka	196,165	170,789	-	-
Peruntukan am <sup>^</sup>	72,362	86,689	10,073	8,452
Jumlah Modal Tahap II	<b>1,018,339</b>	<b>1,007,239</b>	<b>110,073</b>	<b>108,452</b>
<b>Jumlah Modal</b>	<b>7,623,626</b>	<b>7,333,358</b>	<b>823,891</b>	<b>936,126</b>
<b>Nisbah modal</b>				
Sebelum dividen yang dicadangkan:				
Nisbah Modal CET 1	15.443%	16.028%	32.593%	51.722%
Nisbah Modal Tahap I	15.443%	16.028%	32.593%	51.722%
Nisbah Jumlah Modal	17.823%	18.580%	37.619%	58.499%
Selepas dividen yang dicadangkan:				
Nisbah Modal CET 1	14.934%	15.477%	26.292%	45.285%
Nisbah Modal Tahap I	14.934%	15.477%	26.292%	45.285%
Nisbah Jumlah Modal	17.315%	18.029%	31.318%	52.062%

<sup>#</sup> Selaras dengan Basel II Risiko Pasaran perenggan 5.19 dan 5.20 - Pelarasan Penilaian, pengiraan Rangka Kerja Kecukupan Modal (Basel II - Aset Berwajaran Risiko) hendaklah mengambil kira pelarasan penuaan, kecairan dan penahanan ke atas portfolio dagangan.

<sup>^</sup> Selaras dengan dokumen dasar BNM mengenai Pelaporan Kewangan dan Pelaporan Kewangan bagi Institusi Perbankan Islam, peruntukan am merujuk kepada elaun kerugian yang diukur pada amaun bersamaan kerugian kredit dijangka bagi tempoh 12 bulan dan sepanjang hayat seperti yang ditakrifkan di bawah MFRS 9 'Instrumen Kewangan' serta rizab pengawalseliaan, setakat mana ia diperuntukkan kepada pendedahan yang tidak rosot nilai kredit, yang ditentukan di bawah pendekatan piawaian bagi risiko kredit.

Termasuk rizab pengawalseliaan layak bagi RHB Islamic Bank dan RHB Investment Bank masing-masing sebanyak RM62,064,000 (2024: RM68,891,000) dan RM9,986,000 (2024: RM8,350,000).

## Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025

### 54 PENGURUSAN MODAL DAN KECUKUPAN MODAL (SAMBUNGAN)

#### (ii) Kecukupan Modal (sambungan)

(c) Pecahan aset berwajaran risiko mengikut kategori wajaran risiko adalah seperti berikut:

	Kumpulan RM'000	Bank <sup>@</sup> RM'000	RHB Islamic Bank RM'000	RHB Investment Bank RM'000
<b>2025</b>				
Risiko kredit	145,451,209	103,460,978	38,483,161	1,207,748
Risiko pasaran	7,273,495	6,056,503	731,554	195,970
Risiko operasi	16,286,928	10,592,565	3,558,325	786,399
Jumlah aset berwajaran risiko	169,011,632	120,110,046	42,773,040	2,190,117
<b>2024</b>				
Risiko kredit	133,334,491	94,440,104	35,399,952	676,141
Risiko pasaran	5,677,218	5,092,229	533,669	205,983
Risiko operasi	14,795,927	9,833,938	3,534,619	718,125
Jumlah aset berwajaran risiko	153,807,636	109,366,271	39,468,240	1,600,249

@ Nisbah kecukupan modal Bank merangkumi asas modal dan aset berwajaran risiko yang diperoleh daripada Bank dan subsidiari perbankan luar pesisir milik sepenuhnya, RHB Bank (L) Ltd.

Berkuat kuasa 1 Januari 2025, Kumpulan dan Bank telah beralih kepada metodologi Basel III bagi pengiraan kecukupan modal, selaras dengan keperluan pengawalseliaan BNM. Pecahan aset berwajaran risiko mengikut entiti perbankan dalam Kumpulan adalah berdasarkan pendekatan berikut:

- Jumlah aset berwajaran risiko bagi Kumpulan dan Bank dikira berdasarkan Garis Panduan BNM mengenai Rangka Kerja Kecukupan Modal: Pendekatan Berasaskan Penarafan Dalaman bagi Risiko Kredit (Basel II), termasuk Pendedahan kepada Rakan Niaga Pusat (Basel III) serta Pendekatan Piawaian bagi Risiko Pasaran (Basel II) dan Risiko Operasi (Basel III), menggantikan Pendekatan Penunjuk Asas ('BIA') yang digunakan sebelum ini.
- Jumlah aset berwajaran risiko bagi RHB Islamic Bank dikira berdasarkan Rangka Kerja Kecukupan Modal bagi Bank Islam BNM ('CAFIB'): Pendekatan Berasaskan Penarafan Dalaman bagi Risiko Kredit serta Pendekatan Piawaian bagi Risiko Pasaran (Basel II) dan Risiko Operasi (Basel III), menggantikan Pendekatan Penunjuk Asas ('BIA') yang digunakan sebelum ini.
- Jumlah aset berwajaran risiko bagi RHB Investment Bank dikira berdasarkan Garis Panduan BNM mengenai Rangka Kerja Kecukupan Modal Berwajaran Risiko: Pendekatan Piawaian bagi Risiko Kredit (Basel II), termasuk Pendedahan kepada Rakan Niaga Pusat (Basel III) serta Risiko Pasaran (Basel II) dan Risiko Operasi (Basel III), menggantikan Pendekatan Penunjuk Asas ('BIA') yang digunakan sebelum ini.

Aset berwajaran risiko pada 31 Disember 2024 tidak dinyatakan semula.

(d) Nisbah kecukupan modal bagi RHB Bank Cambodia adalah seperti berikut:

	2025	2024
Sebelum dividen yang dicadangkan:		
Nisbah kecukupan modal	19.810%	16.749%
Selepas dividen yang dicadangkan:		
Nisbah kecukupan modal	19.810%	16.749%

Nisbah kecukupan modal RHB Bank Cambodia merupakan nisbah pematuhan pengawalseliaan di Kemboja yang dikira selaras dengan Prakas No. B7-00-46, B7-04-206 dan B7-07-135 yang dikeluarkan oleh Bank Nasional Kemboja. Nisbah ini diperoleh daripada nilai bersih RHB Bank Cambodia dibahagikan dengan aset berwajaran risiko dan item luar kunci kira-kira. Keperluan minimum nisbah kecukupan modal pengawalseliaan di Kemboja adalah sebanyak 15%. Selain itu, RHB Bank Cambodia dikehendaki mengekalkan Penampunan Pemuliharaan Modal ('CCB') sebanyak 1.25% melebihi nisbah minimum tersebut, menjadikan jumlah keperluan kepada 16.25%.

## 55 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

### (a) Objektif dan Polisi Pengurusan Risiko Kewangan


Risiko adalah sebahagian daripada aktiviti Kumpulan dan diuruskan melalui proses berterusan yang melibatkan pengenalpastian, pengukuran dan pemantauan, tertakluk kepada had serta kawalan lain. Selain risiko kredit, Kumpulan turut terdedah kepada pelbagai jenis risiko lain seperti risiko pasaran, kecairan, operasi, perundangan, Syariah, strategik dan rentas sempadan, serta bentuk risiko lain yang wujud dalam strategi, rangkaian produk dan liputan geografinya.

Pengurusan risiko yang berkesan adalah asas kepada keupayaan untuk memacu pertumbuhan yang mampan dan meningkatkan nilai pemegang saham, di samping mengekalkan kelebihan daya saing. Oleh itu, ia merupakan komponen teras dalam pengurusan risiko secara proaktif dalam persekitaran operasi Kumpulan.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kumpulan mengawal selia pengurusan risiko dalam Kumpulan seperti berikut:

1. Menyediakan gambaran menyeluruh mengenai persekitaran risiko dan kawalan Kumpulan, dengan pengurusan risiko yang bertujuan meminimumkan kerugian serta melindungi daripada kerugian tidak dijangka yang mungkin berlaku, terutamanya akibat kegagalan mekanisme semak danimbang yang berkesan dalam organisasi.
2. Menetapkan hala tuju strategik pengurusan risiko ke arah menjadi entiti yang menjana nilai. Ini dicapai melalui pembangunan keupayaan dan infrastruktur pengurusan risiko yang lebih mantap, serta penambahbaikan dalam pengukuran risiko bagi mengoptimumkan pulangan terlaras risiko.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kumpulan digambarkan dalam rajah berikut:



## Nota Kepada Penyata Kewangan

### Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025

#### 55 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

##### (a) Objektif dan Polisi Pengurusan Risiko Kewangan (sambungan)

Ciri-ciri utama rangka kerja adalah seperti berikut:

##### Tadbir Urus dan Pengawasan Risiko

Lembaga Pengarah berada di peringkat tertinggi dalam struktur tadbir urus risiko dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap strategi pengurusan risiko, selera risiko, rangka kerja serta pengawasan aktiviti pengurusan risiko Kumpulan/entiti masing-masing.

Jawatankuasa di peringkat Kumpulan telah ditubuhkan bagi mengawasi pengurusan risiko merentas semua entiti/subsidiari secara bersepadu. Jawatankuasa ini memainkan peranan penting dalam menetapkan hala tuju strategik, membangunkan rangka kerja tadbir urus serta menggalakkan amalan terbaik. Walau bagaimanapun, Kumpulan turut mengekalkan jawatankuasa khusus bagi setiap entiti untuk memudahkan perbincangan tertumpu terhadap isu-isu khusus entiti, seperti Jawatankuasa Risiko Lembaga ('BRC') bagi RHB Bank Berhad, RHB Islamic Bank Berhad dan RHB Investment Bank Berhad. BRC ini melapor terus kepada Lembaga masing-masing, menyediakan pengawasan serta membantu dalam menilai falsafah, rangka kerja, polisi dan model pengurusan risiko Kumpulan secara keseluruhan, serta isu risiko yang berkaitan dan khusus kepada perniagaan masing-masing.

Tanggungjawab bagi penyeliaan pengurusan harian risiko perusahaan dan hal-hal berkaitan modal telah diwakilkan kepada Jawatankuasa Modal dan Risiko Kumpulan ('GCRC'), yang terdiri daripada pengurusan kanan Kumpulan. GCRC melapor kepada jawatankuasa Lembaga yang berkaitan serta Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan ('GMC'). Jawatankuasa Pengurusan Risiko Perbankan Pelaburan ('IBRMC') bertanggungjawab terhadap pengawasan perkara berkaitan pengurusan risiko bagi perniagaan Kumpulan RHB Investment Bank, manakala Jawatankuasa Aset dan Liabiliti Kumpulan ('Group ALCO') mengawasi risiko pasaran, risiko kecairan serta pengurusan kunci kira-kira.

Ketua Pegawai Risiko Kumpulan ('GCRO'), yang melapor terus kepada Pengarah Urusan Kumpulan, bertanggungjawab terhadap fungsi pengurusan risiko. Peranan dan tanggungjawab utama GCRO adalah seperti berikut:

1. Memudah cara penetapan hala tuju strategik serta dasar keseluruhan bagi pengurusan dan kawalan risiko Kumpulan;
2. Memastikan amalan terbaik industri dalam pengurusan risiko diterapkan di seluruh Kumpulan, termasuk penetapan parameter dan model risiko;
3. Membangunkan budaya yang proaktif, seimbang dan peka terhadap risiko dalam Kumpulan; dan
4. Memberi nasihat kepada pengurusan kanan, jawatankuasa di peringkat pengurusan, jawatankuasa risiko di peringkat Lembaga serta Lembaga Pengarah entiti Kumpulan mengenai isu risiko dan potensi kesannya terhadap Kumpulan dalam mencapai objektif dan strategi.

GCRO disokong oleh ketua pegawai risiko entiti serta pelbagai pasukan dalam fungsi pengurusan risiko:

1. Fungsi utama ketua pegawai risiko entiti adalah untuk menilai dan mengurus risiko perusahaan serta berhubung dengan pengawal selia di negara/entiti masing-masing di bawah seliaan mereka. Mereka disokong oleh pasukan pengurusan risiko masing-masing dengan sokongan daripada fungsi pengurusan risiko di peringkat Kumpulan.
2. Fungsi pengurusan risiko terdiri daripada pasukan yang mempunyai kepakaran dalam risiko masing-masing dan bertanggungjawab terhadap pengawasan aktif fungsi pengurusan risiko di seluruh Kumpulan serta menyokong entiti/ketua pegawai risiko masing-masing. Fungsi Pengurusan Risiko dan Kredit Kumpulan merangkumi Pengurusan Kredit Perbankan Borong Kumpulan, Pengurusan Kredit Perbankan Komuniti Kumpulan, Pengurusan Risiko Perusahaan, Pengurusan Risiko Kredit Borong Kumpulan, Pengurusan Risiko Iklim Kumpulan, Pengurusan Risiko Kredit Perbankan Komuniti Kumpulan, Pengurusan Risiko Pasaran Kumpulan, Pengurusan Aset dan Liabiliti Kumpulan, Pengurusan Risiko Bukan Kewangan Kumpulan, Pengurusan Risiko Teknologi dan Siber Kumpulan, Pengurusan Risiko Syariah Kumpulan, Strategi Risiko, Transformasi dan Wawasan Risiko Perusahaan, Perbankan Pelaburan dan Risiko Serantau serta Pengurusan Risiko Insurans.

##### Selera Risiko

Lembaga Pengarah menetapkan selera risiko dan tahap toleransi risiko yang selaras dengan objektif perniagaan keseluruhan Kumpulan dan setiap entiti serta profil risiko yang diinginkan. Ia menerangkan jenis dan tahap risiko yang sanggup diterima oleh Kumpulan dalam melaksanakan strategi perniagaannya, dan dilaporkan melalui pelbagai metrik yang membolehkan Kumpulan mengurus sumber modal serta jangkaan pemegang saham.

Selera risiko dan toleransi risiko yang ditetapkan akan disemak secara berkala oleh pihak Pengurusan dan Lembaga selaras dengan strategi perniagaan dan persekitaran operasi Kumpulan. Semakan tersebut merangkumi pengenpastian dan penetapan metrik selera risiko baharu bagi entiti perniagaan atau penghapusan metrik selera risiko yang tidak lagi relevan, serta pengemaskinian ambang selera risiko agar selaras dengan strategi perniagaan dan kedudukan risiko Kumpulan.

## 55 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### (a) Objektif dan Polisi Pengurusan Risiko Kewangan (sambungan)

Ciri-ciri utama rangka kerja adalah seperti berikut (sambungan):

#### Budaya Risiko

Kumpulan mengamalkan prinsip 'Risiko dan Pematuhan adalah Tanggungjawab Semua' dan pengurusan risiko dilaksanakan melalui model 'tiga barisan pertahanan'. Unit perniagaan/fungsi dalam setiap entiti operasi Kumpulan secara kolektif bertanggungjawab untuk mengenal pasti, mengurus dan melaporkan risiko.

Pendekatan ini berasaskan model 'tiga barisan pertahanan' seperti berikut:

<p><b>BARISAN PERTAMA</b> Peringkat Perniagaan/Fungsi</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bertanggungjawab mengurus risiko harian dan isu pematuhan</li> <li>Pegawai Risiko dan Pematuhan Perniagaan/Pegawai Risiko Perniagaan/Pegawai Pematuhan Perniagaan atau yang setara membantu unit perniagaan/fungsi dalam hal-hal risiko dan pematuhan harian</li> </ul>
<p><b>BARISAN KEDUA</b> Pengurusan Risiko &amp; Kredit Kumpulan serta Pematuhan Kumpulan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bertanggungjawab terhadap pengawasan, penetapan tadbir urus serta menyediakan sokongan kepada unit perniagaan/fungsi dalam hal-hal risiko dan pematuhan</li> </ul>
<p><b>BARISAN KETIGA</b> Audit Dalam Kumpulan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memberikan jaminan bebas kepada Lembaga Pengarah bahawa fungsi pengurusan risiko dan pematuhan beroperasi dengan berkesan seperti yang dirangka</li> </ul>

Kumpulan RHB memanfaatkan tingkah laku analitik dan cerapan dalam pendekatan yang berbeza bagi memupuk tingkah laku budaya risiko yang diingini. Pada tahun 2025, Kumpulan telah memperkukuh sokongan kepada Pegawai Risiko dan Pematuhan Perniagaan/Pegawai Risiko Perniagaan/Pegawai Pematuhan Perniagaan melalui pengembangan papan muka budaya risiko di peringkat Kumpulan, yang membolehkan akses hampir masa nyata kepada cerapan yang boleh diambil tindakan bagi mencegah dan membetulkan tingkah laku yang tidak diingini. Di samping itu, Kumpulan terus membangunkan model analitik tingkah laku berasaskan pembelajaran mesin yang dilengkapi keupayaan amaran awal bagi memperkukuh pengawasan barisan pertahanan kedua serta melengkapi kawalan sedia ada pada barisan pertahanan pertama. Inisiatif ini disokong oleh penyampaian mesej yang disasarkan melalui latihan, kempen kesedaran dan sesi jelajah, serta mesej 'tone from the top' melalui bahan komunikasi kreatif seperti komik bagi membentuk tingkah laku budaya risiko yang diingini.

#### Proses Pengurusan Risiko

Proses pengurusan risiko melibatkan pengenalpastian, penilaian dan pengukuran, kawalan, pemantauan serta analisis dan pelaporan risiko. Ini memastikan pendedahan risiko diurus dengan sewajarnya dan pulangan yang dijangka setimpal dengan risiko yang diambil.

- Pengenalpastian:** Pengenalpastian dan analisis risiko sedia ada serta risiko berpotensi merupakan proses berterusan bagi memastikan pengenalpastian risiko dalam operasi perniagaan Kumpulan, termasuk risiko baharu yang muncul, dapat dilakukan secara proaktif dan tepat pada masanya. Ini memastikan risiko dapat diurus dan dikawal dalam lingkungan selera risiko Kumpulan dan entiti berkaitan.
<b>Jumlah RWA</b>	<b>169,011,632</b>	<b>153,807,636</b>	<b>120,110,046</b>	<b>109,366,271</b>	<b>42,773,040</b>	<b>39,468,240</b>	<b>2,190,117</b>	<b>1,600,249</b>

Jadual berikut menunjukkan pecahan Aset Berwajaran Risiko ('RWA') mengikut jenis risiko serta keperluan modal yang berkaitan setakat 31 Disember 2025 dan 31 Disember 2024:

Jadual 3a: Aset Berwajaran Risiko mengikut Jenis Risiko dan Keperluan Modal Minimum setakat 31 Disember 2025

Jenis Risiko	RWA				Keperluan Modal Minimum			
	Kumpulan Perbankan RHB RM'000	RHB Bank RM'000	RHB Islamic Bank RM'000	RHB Investment Bank RM'000	Kumpulan Perbankan RHB RM'000	RHB Bank RM'000	RHB Islamic Bank RM'000	RHB Investment Bank RM'000
<b>Risiko Kredit, yang terdiri daripada</b>	<b>145,451,209</b>	<b>103,460,978</b>	<b>38,483,161</b>	<b>1,207,748</b>	<b>11,636,097</b>	<b>8,276,878</b>	<b>3,078,653</b>	<b>96,620</b>
Di bawah Pendekatan Berasaskan Penarafan Dalam Asas ('F-IRB')	74,811,130	57,340,640	19,950,122	-	5,984,890	4,587,251	1,596,010	-
Di bawah Pendekatan Berasaskan Penarafan Dalam Lanjutan ('A-IRB')	35,903,195	20,794,230	16,744,086	-	2,872,256	1,663,538	1,339,527	-
Di bawah Pendekatan Piawaian Diserap oleh PSIA di bawah Pendekatan F-IRB	-	-	(2,442,774)	-	-	-	(195,422)	-
Diserap oleh PSIA di bawah Pendekatan A-IRB	-	-	(1,557,245)	-	-	-	(124,580)	-
Diserap oleh PSIA di bawah Pendekatan Piawaian	-	-	(2,345,641)	-	-	-	(187,651)	-
Pendedahan kepada Rakan Niaga Pusat	419,470	17,577	-	401,893	33,558	1,406	-	32,152
<b>Risiko Pasaran</b>	<b>7,273,495</b>	<b>6,056,503</b>	<b>731,554</b>	<b>195,970</b>	<b>581,880</b>	<b>484,520</b>	<b>58,524</b>	<b>15,677</b>
Di bawah Pendekatan Piawaian	7,273,495	6,056,503	731,554	195,970	581,880	484,520	58,524	15,677
<b>Risiko Operasi</b>	<b>16,286,928</b>	<b>10,592,565</b>	<b>3,558,325</b>	<b>786,399</b>	<b>1,302,954</b>	<b>847,406</b>	<b>284,666</b>	<b>62,912</b>
Di bawah Pendekatan Piawaian	16,286,928	10,592,565	3,558,325	786,399	1,302,954	847,406	284,666	62,912
<b>Jumlah</b>	<b>169,011,632</b>	<b>120,110,046</b>	<b>42,773,040</b>	<b>2,190,117</b>	<b>13,520,931</b>	<b>9,608,804</b>	<b>3,421,843</b>	<b>175,209</b>

## Pendedahan Tunggak 3 Basel II Kumpulan Perbankan RHB

setakat 31 Disember 2025

### 3.0 PENGURUSAN MODAL (SAMBUNGAN)

#### 3.4 Keperluan Modal Minimum dan Aset Berwajaran Risiko ('RWA') (sambungan)

Jadual 3b: Aset Berwajaran Risiko mengikut Jenis Risiko dan Keperluan Modal Minimum setakat 31 Disember 2024

Jenis Risiko	RWA				Keperluan Modal Minimum			
	Kumpulan Perbankan	RHB Bank	RHB Islamic Bank	RHB Investment Bank	Kumpulan Perbankan	RHB Bank	RHB Islamic Bank	RHB Investment Bank
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
<b>Risiko Kredit, yang terdiri daripada</b>	133,334,491	94,440,104	35,399,952	676,141	10,666,759	7,555,208	2,831,996	54,091
Di bawah Pendekatan Berasaskan Penarafan Dalam Asas ('F-IRB')	66,098,143	50,169,961	16,983,068	-	5,287,851	4,013,597	1,358,645	-
Di bawah Pendekatan Berasaskan Penarafan Dalam Lanjutan ('A-IRB')	30,604,260	18,178,738	12,528,542	-	2,448,341	1,454,299	1,002,284	-
Di bawah Pendekatan Piawaian	36,632,088	26,091,405	9,124,913	676,141	2,930,567	2,087,312	729,993	54,091
Diserap oleh PSIA di bawah Pendekatan F-IRB	-	-	(1,024,127)	-	-	-	(81,930)	-
Diserap oleh PSIA di bawah Pendekatan A-IRB	-	-	(22,648)	-	-	-	(1,812)	-
Diserap oleh PSIA di bawah Pendekatan Piawaian	-	-	(2,189,796)	-	-	-	(175,184)	-
<b>Risiko Pasaran</b>								
Di bawah Pendekatan Piawaian	5,677,218	5,092,229	533,669	205,983	454,178	407,379	42,694	16,479
<b>Risiko Operasi</b>								
Di bawah Pendekatan Petunjuk Asas	14,795,927	9,833,938	3,534,619	718,125	1,183,674	786,715	282,769	57,450
<b>Jumlah</b>	<b>153,807,636</b>	<b>109,366,271</b>	<b>39,468,240</b>	<b>1,600,249</b>	<b>12,304,611</b>	<b>8,749,302</b>	<b>3,157,459</b>	<b>128,020</b>

Keperluan modal bagi ketiga-tiga jenis risiko diperoleh dengan mendarabkan aset berwajaran risiko dengan 8%.

Aset Berwajaran Risiko Kredit bagi Kumpulan Perbankan RHB meningkat terutamanya disebabkan oleh peningkatan dalam pendedahan Korporat Umum dan Hartanah Menjana Pendapatan serta portfolio Gadai Janji/Pembiayaan Perumahan.

#### 4.0 STRUKTUR MODAL

Komponen modal layak keseluruhan adalah seperti yang ditetapkan dalam Garis Panduan BNM mengenai Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) dan Rangka Kerja Kecukupan Modal bagi Bank Islam (Komponen Modal). Ini merangkumi dana pemegang saham, selepas pelarasan berkaitan pengawalseliaan, serta instrumen modal layak yang diterbitkan oleh Kumpulan. Modal Tahap I terdiri terutamanya daripada modal saham, keuntungan terkumpul dan rizab lain. Modal Tahap II pula terdiri daripada obligasi subordinat, lebihan peruntukan layak berbanding kerugian dijangka serta peruntukan am. Rujuk Nota 54 dalam Penyata Kewangan untuk perincian instrumen modal ini.

Jadual berikut menunjukkan kedudukan modal Kumpulan Perbankan RHB dan RHB Bank setakat 31 Disember 2025 dan 31 Disember 2024:

**Jadual 4: Struktur Modal**

	Kumpulan Perbankan RHB		RHB Bank <sup>®</sup>	
	2025 RM'000	2024 RM'000	2025 RM'000	2024 RM'000
<b>Modal Ekuiti Biasa Tahap I/Modal Tahap I</b>				
Modal saham biasa berbayar	8,701,097	8,687,255	8,701,097	8,687,255
Keuntungan tertahan	22,001,930	20,754,636	16,195,835	15,135,470
Rizab lain	453,395	821,206	465,010	650,696
Rizab nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ('FVOCI')	679,957	167,360	618,014	161,618
<b>Tolak:</b>				
Muhibah	(2,633,383)	(2,633,383)	(1,714,913)	(1,714,913)
Aset tidak ketara (termasuk liabiliti cukai tertunda berkaitan)	(656,893)	(685,462)	(608,775)	(629,234)
Aset cukai tertunda	(631,586)	(304,594)	(369,487)	(230,097)
55% daripada keuntungan terkumpul yang timbul daripada perubahan nilai instrumen FVOCI	(373,976)	(92,048)	(339,908)	(88,890)
Pelaburan dalam subsidiari	(103,940)	(102,425)	(4,486,267)	(4,377,826)
Pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama	(64,675)	(74,535)	(144,800)	(110,800)
Potongan lain <sup>#</sup>	(97,544)	(30,612)	(79,455)	(29,884)
<b>Jumlah Modal Ekuiti Biasa Tahap I</b>	<b>27,274,382</b>	<b>26,507,398</b>	<b>18,236,351</b>	<b>17,453,395</b>
Kepentingan tak mengawal layak yang diiktiraf sebagai Modal Tahap I	197	121	-	-
<b>Jumlah Modal Tahap I</b>	<b>27,274,579</b>	<b>26,507,519</b>	<b>18,236,351</b>	<b>17,453,395</b>
<b>Modal Tahap II</b>				
Obligasi subordinat yang memenuhi semua kriteria berkaitan	2,499,557	2,499,601	2,499,557	2,499,601
Instrumen modal layak subsidiari yang diterbitkan kepada pihak ketiga <sup>+</sup>	470,757	448,027	-	-
Lebihan peruntukan layak berbanding kerugian dijangka	664,286	580,215	468,809	410,092
Peruntukan am <sup>^</sup>	428,968	457,901	316,357	326,143
<b>Tolak:</b>				
Pelaburan dalam instrumen modal entiti kewangan dan insurans/takaful yang tidak disatukan	-	-	(81,166)	(89,387)
<b>Jumlah Modal Tahap II</b>	<b>4,063,568</b>	<b>3,985,744</b>	<b>3,203,557</b>	<b>3,146,449</b>
<b>Jumlah Modal</b>	<b>31,338,147</b>	<b>30,493,263</b>	<b>21,439,908</b>	<b>20,599,844</b>

<sup>®</sup> Nisbah kecukupan modal Bank terdiri daripada asas modal dan aset berwajaran risiko yang diperolehi daripada Bank dan subsidiari perbankan luar pesisir milik penuhnya, RHB Bank (L) Ltd.

<sup>#</sup> Selaras dengan Basel II Risiko Pasaran Perenggan 5.19 & 5.20 – Pelarasan Penilaian, pengiraan Rangka Kerja Kecukupan Modal (Basel II – Aset Berwajaran Risiko) hendaklah mengambil kira pelarasan penuaan, kecairan dan penahanan nilai ke atas portfolio dagangan.

<sup>+</sup> Sukuk subordinat layak yang diiktiraf sebagai instrumen modal Tahap II yang dipegang oleh pihak ketiga seperti yang ditetapkan di bawah perenggan 18.6 Garis Panduan BNM mengenai Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) yang diterbitkan oleh subsidiari Bank yang disatukan sepenuhnya.

<sup>^</sup> Selaras dengan dokumen dasar BNM mengenai Pelaporan Kewangan dan Pelaporan Kewangan bagi Institusi Perbankan Islam, peruntukan am merujuk kepada peruntukan kerugian yang diukur pada jumlah bersamaan dengan kerugian kredit dijangka 12 bulan dan sepanjang hayat seperti yang ditakrifkan di bawah MFRS 9 Instrumen Kewangan serta rizab pengawalseliaan, setakat ia dikaitkan dengan pendedahan yang tidak terjejas kredit, yang ditentukan di bawah pendekatan piawai bagi risiko kredit.

Termasuk rizab pengawalseliaan layak bagi Kumpulan dan Bank masing-masing sebanyak RM240,845,000 (31 Disember 2024: RM257,015,000) dan RM205,491,000 (31 Disember 2024: RM184,391,000).

## Pendedahan Tunggak 3 Basel II Kumpulan Perbankan RHB

setakat 31 Disember 2025

### 5.0 PENGURUSAN RISIKO

Risiko merupakan sebahagian daripada aktiviti Kumpulan dan diurus melalui proses pengenalpastian, pengukuran dan pemantauan yang berterusan, tertakluk kepada had serta kawalan lain. Selain risiko kredit, Kumpulan turut terdedah kepada pelbagai jenis risiko lain seperti risiko pasaran, kecairan, operasi, undang-undang, reputasi, Syariah, strategik dan rentas sempadan, serta bentuk risiko lain yang wujud selaras dengan strategi, rangkaian produk dan liputan geografinya.

Pengurusan risiko yang berkesan adalah asas penting untuk memacu pertumbuhan mampan dan nilai pemegang saham, di samping mengekalkan kelebihan daya saing. Oleh itu, ia merupakan sebahagian teras dalam pengurusan risiko secara proaktif dalam persekitaran operasi Kumpulan.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kumpulan mentadbir pengurusan risiko dalam Kumpulan seperti berikut:

- Ia memberikan gambaran menyeluruh mengenai persekitaran risiko dan kawalan Kumpulan, dengan pengurusan risiko bertujuan untuk meminimumkan kerugian serta melindungi daripada kerugian tidak dijangka yang mungkin berlaku, terutamanya akibat kegagalan mekanisme semak dan imbang dalam organisasi.
- Ia menetapkan hala tuju strategik pengurusan risiko ke arah menjadi entiti pencipta nilai. Ini direalisasikan melalui pembangunan keupayaan dan infrastruktur dalam pematangan pengurusan risiko, serta peningkatan kuantifikasi risiko bagi mengoptimumkan pulangan terlaras risiko.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kumpulan digambarkan dalam rajah berikut:



Ciri-ciri utama rangka kerja adalah:

#### Tadbir Urus dan Pemantauan Risiko

Lembaga Pengarah berada di peringkat tertinggi dalam struktur tadbir urus risiko dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap strategi pengurusan risiko, selera risiko, rangka kerja serta pemantauan aktiviti pengurusan risiko bagi Kumpulan/entiti masing-masing.

Jawatankuasa di peringkat Kumpulan telah ditubuhkan untuk memantau pengurusan risiko merentasi semua entiti/subsidiari secara bersepadu. Jawatankuasa ini memainkan peranan penting dalam menetapkan hala tuju strategik, membangunkan rangka kerja tadbir urus serta menggalakkan amalan terbaik.

Walau bagaimanapun, Kumpulan turut mengekalkan jawatankuasa khusus di peringkat entiti bagi memudahkan perbincangan tertumpu terhadap isu khusus entiti, seperti Jawatankuasa Risiko Lembaga ('BRC') RHB Islamic Bank Berhad, RHB Investment Bank Berhad dan RHB Insurance Berhad. BRC ini melapor terus kepada Lembaga masing-masing, menyediakan pemantauan serta membantu dalam menilai falsafah, rangka kerja, dasar dan model pengurusan risiko Kumpulan secara keseluruhan, serta isu risiko yang relevan dan khusus kepada perniagaan masing-masing.

## 5.0 PENGURUSAN RISIKO (SAMBUNGAN)

Tanggungjawab bagi penyeliaan pengurusan harian risiko perusahaan dan hal-hal berkaitan modal telah diwakilkan kepada Jawatankuasa Modal dan Risiko Kumpulan ('GCRC') yang terdiri daripada pengurusan kanan Kumpulan dan melapor kepada jawatankuasa lembaga berkaitan serta Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan ('GMC'). Jawatankuasa Pengurusan Risiko Perbankan Pelaburan bertanggungjawab ke atas pemantauan perkara berkaitan pengurusan risiko bagi perniagaan Kumpulan RHB Investment Bank, manakala Jawatankuasa Aset dan Liabiliti Kumpulan ('Group ALCO') memantau risiko pasaran, risiko kecairan serta pengurusan kunci kira-kira.

Ketua Pegawai Risiko Kumpulan ('GCRO') yang melapor terus kepada Pengarah Urusan Kumpulan bertanggungjawab terhadap fungsi pengurusan risiko. Peranan dan tanggungjawab utama GCRO adalah seperti berikut:

1. Memudah cara penetapan hala tuju strategik serta dasar keseluruhan berkaitan pengurusan dan kawalan risiko Kumpulan;
2. Memastikan amalan terbaik industri dalam pengurusan risiko diguna pakai di seluruh Kumpulan, termasuk penetapan parameter dan model risiko;
3. Membangunkan budaya yang proaktif, seimbang dan peka risiko dalam Kumpulan; dan
4. Memberi nasihat kepada pengurusan kanan, jawatankuasa peringkat pengurusan, jawatankuasa risiko peringkat lembaga serta Lembaga Pengarah entiti Kumpulan mengenai isu risiko dan potensi impaknya terhadap pencapaian objektif dan strategi Kumpulan.

GCRO disokong oleh ketua pegawai risiko entiti serta pelbagai pasukan dalam fungsi pengurusan risiko:

1. Fungsi utama ketua pegawai risiko entiti adalah untuk menilai dan mengurus risiko perusahaan serta berhubung dengan pengawal selia di negara/entiti masing-masing. Mereka disokong oleh pasukan pengurusan risiko masing-masing dengan sokongan daripada fungsi pengurusan risiko di peringkat Kumpulan.
2. Fungsi pengurusan risiko terdiri daripada pasukan yang pakar dalam bidang risiko masing-masing dan bertanggungjawab terhadap pemantauan aktif fungsi pengurusan risiko di seluruh Kumpulan serta menyokong entiti/ketua pegawai risiko berkaitan. Fungsi Risiko dan Pengurusan Kredit Kumpulan merangkumi Pengurusan Kredit Perbankan Borong Kumpulan, Pengurusan Kredit Perbankan Komuniti Kumpulan, Pengurusan Risiko Perusahaan, Pengurusan Risiko Kredit Borong Kumpulan, Pengurusan Risiko Iklim Kumpulan, Pengurusan Risiko Kredit Perbankan Komuniti Kumpulan, Pengurusan Risiko Pasaran Kumpulan, Pengurusan Aset dan Liabiliti Kumpulan, Pengurusan Risiko Bukan Kewangan Kumpulan, Pengurusan Risiko Teknologi dan Siber Kumpulan, Pengurusan Risiko Syariah Kumpulan, Strategi & Transformasi Risiko dan Cerapan Risiko Perusahaan, Pengurusan Risiko Perbankan Pelaburan dan Serantau dan Pengurusan Risiko Insurans.

### Selera Risiko

Lembaga Pengarah menetapkan selera risiko dan tahap toleransi risiko yang selaras dengan objektif perniagaan keseluruhan Kumpulan dan setiap entiti serta profil risiko yang dikehendaki. Ia menerangkan jenis dan tahap risiko yang sanggup diterima oleh Kumpulan dalam melaksanakan strategi perniagaannya, dan dilaporkan melalui pelbagai metrik yang membolehkan Kumpulan mengurus sumber modal serta jangkaan pemegang saham.

Selera risiko dan toleransi risiko yang ditetapkan akan dikaji secara berkala oleh pihak Pengurusan dan Lembaga selaras dengan strategi perniagaan dan persekitaran operasi Kumpulan. Semakan ini merangkumi pengenalanpastian dan penetapan metrik selera risiko baharu bagi entiti perniagaan atau penyingkiran metrik yang tidak lagi relevan, serta pengemaskinian ambang selera risiko agar sejajar dengan strategi perniagaan dan kedudukan risiko Kumpulan.

## Pendedahan Tunggak 3 Basel II Kumpulan Perbankan RHB

setakat 31 Disember 2025

### 5.0 PENGURUSAN RISIKO (SAMBUNGAN)

#### Budaya Risiko

Kumpulan mengamalkan prinsip “Risiko dan Pematuhan adalah Tanggungjawab Semua” dan pengurusan risiko dilaksanakan melalui model “tiga barisan pertahanan”. Unit perniagaan/fungsi bagi entiti operasi dalam Kumpulan secara bersama bertanggungjawab untuk mengenal pasti, mengurus dan melaporkan risiko.

Pendekatan ini adalah berasaskan model “tiga barisan pertahanan” seperti berikut:

<b>BARISAN PERTAMA</b> Peringkat Perniagaan/Fungsi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bertanggungjawab mengurus risiko harian dan isu pematuhan</li> <li>Pegawai Risiko dan Pematuhan Perniagaan ('BRCO')/Pegawai Risiko Perniagaan ('BRO')/Pegawai Pematuhan Perniagaan ('BCO')/setara membantu unit perniagaan/fungsi dalam hal risiko dan pematuhan harian</li> </ul>
<b>BARISAN KEDUA</b> Pengurusan Risiko & Kredit Kumpulan dan Pematuhan Kumpulan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bertanggungjawab terhadap pemantauan, penetapan tadbir urus serta memberikan sokongan kepada unit perniagaan/fungsi dalam hal risiko dan pematuhan</li> </ul>
<b>BARISAN KETIGA</b> Audit Dalaman Kumpulan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memberikan jaminan bebas kepada Lembaga Pengarah bahawa fungsi pengurusan risiko dan pematuhan beroperasi dengan berkesan seperti yang direka</li> </ul>

Kumpulan RHB memanfaatkan analitik tingkah laku dan pemahaman data dalam pendekatan berbeza bagi membentuk tingkah laku budaya risiko yang diinginkan. Pada tahun 2025, sokongan kepada BRCO/BRO/BCO dipertingkatkan melalui pengembangan papan pemuka budaya risiko di peringkat Kumpulan, yang membolehkan akses hampir masa nyata kepada maklumat boleh tindakan bagi mencegah dan membetulkan tingkah laku yang tidak diinginkan.

Selain itu, Kumpulan terus membangunkan model analitik tingkah laku berasaskan pembelajaran mesin dengan keupayaan amaran awal bagi mengukuhkan pemantauan Barisan Pertahanan Kedua serta melengkapi kawalan sedia ada di Barisan Pertahanan Pertama. Usaha ini disokong melalui mesej bersasar melalui latihan, kempen kesedaran, jerayawara dan mesej kepimpinan (*tone from the top*) menggunakan ilustrasi grafik bagi membentuk budaya risiko yang diinginkan.

#### Proses Pengurusan Risiko

Proses pengurusan risiko merangkumi pengenalpastian, penilaian dan pengukuran, kawalan, pemantauan serta pelaporan/analisis risiko. Ini memastikan pendedahan risiko diurus dengan sewajarnya dan pulangan yang dijangka adalah setimpal dengan risiko yang diambil.

- Pengenalpastian:** Pengenalpastian dan analisis risiko sedia ada serta potensi risiko merupakan proses berterusan bagi membolehkan pengesanan risiko secara proaktif dan tepat pada masanya dalam operasi perniagaan Kumpulan, termasuk risiko yang sedang muncul. Ini memastikan risiko dapat diurus dan dikawal dalam lingkungan selera risiko Kumpulan dan entiti berkaitan.
- Penilaian dan Pengukuran:** Risiko diukur, dinilai dan digabungkan menggunakan metodologi pengukuran risiko kualitatif dan kuantitatif yang komprehensif. Proses ini juga merupakan alat penting dalam menilai kecukupan modal dan tahap kesolvenan.
- Kawalan:** Risiko yang dikenal pasti perlu diurus dan dikurangkan dengan sewajarnya bagi mengawal risiko kerugian serta memastikan pendedahan risiko kekal dalam selera risiko Kumpulan atau entiti.
- Pemantauan:** Proses pemantauan yang berkesan memastikan Kumpulan sentiasa peka terhadap keadaan pendedahan berbanding selera risiko yang diluluskan serta trend risiko yang muncul, bagi membolehkan pengenalpastian awal potensi isu melalui pemantauan berterusan terhadap pendedahan risiko dan langkah kawalan/mitigasi.
- Analitik dan Pelaporan:** Analisis dan laporan risiko disediakan oleh entiti masing-masing serta di peringkat konsolidasi dan perniagaan, dan dikemukakan secara berkala kepada pengurusan kanan serta Lembaga berkaitan bagi memastikan risiko kekal dalam had selera yang ditetapkan dan menyokong proses membuat keputusan yang bermaklumat. Pelaporan dan analitik juga sentiasa dipertingkatkan bagi menyediakan maklumat yang diperlukan kepada pihak berkepentingan dalam Kumpulan.

Selain itu, pengurusan risiko juga memastikan keputusan berkaitan risiko adalah selaras dengan objektif strategik perniagaan dan berada dalam lingkungan selera risiko yang ditetapkan.

## 5.0 PENGURUSAN RISIKO (SAMBUNGAN)

### Dokumentasi Risiko

Kumpulan mengiktiraf bahawa pelaksanaan sistem dan proses pengurusan risiko yang berkesan mesti disokong oleh set dokumentasi dan infrastruktur yang kukuh. Sehubungan itu, Kumpulan telah membangunkan rangka kerja, dasar serta dokumen kawalan berkaitan bagi memastikan amalan dan proses yang jelas ditakrifkan dilaksanakan secara konsisten di seluruh Kumpulan. Dokumen-dokumen ini tertakluk kepada proses semakan yang mantap bagi memastikan ia kekal relevan dan terkini.

### Infrastruktur Risiko

Kumpulan telah menyusun sumber dan kepakaran kepada fungsi khusus serta melabur dalam teknologi, termasuk pengurusan data, bagi menyokong aktiviti pengurusan risiko. Kakitangan diberikan peranan dan tanggungjawab yang jelas, akses kepada maklumat risiko yang relevan dan terkini, serta peluang untuk meningkatkan kompetensi melalui program pembelajaran dan pembangunan.

Sistem dan alat risiko direka untuk menyediakan akses kepada maklumat risiko yang melengkapi proses pengurusan risiko. Ketersediaan data untuk analitik dan pemantauan, serta penggunaan papan pemuka dan pelaporan membantu dalam mempertingkatkan keupayaan pengurusan risiko secara berterusan. Laporan Pengurusan Risiko Kumpulan turut berkembang menjadi lebih berasaskan analitik dengan penggunaan papan pemuka yang merangkumi elemen unjuran masa hadapan secara kuantitatif dan kualitatif.

Pengurusan risiko yang berkesan memerlukan Kumpulan sentiasa menyemak keupayaan pengurusan risikonya bagi memastikan risiko diurus dengan berkesan serta amalan pengurusan risiko terus dipertingkatkan di seluruh Kumpulan. Sehubungan itu, Kumpulan telah memulakan inisiatif transformasi bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan.

Selaras dengan strategi PROGRESS 27 Kumpulan, fungsi Pengurusan Risiko & Kredit Kumpulan telah membangunkan pelan strategik komprehensif selama tiga tahun untuk memperkukuh daya tahan, meningkatkan keanjalan, memenuhi jangkaan pengawalseliaan serta menyokong inisiatif pertumbuhan dan pengoptimuman kos RHB.

## 6.0 RISIKO KREDIT

### Definisi Risiko Kredit

Risiko kredit ialah risiko kerugian yang timbul akibat kegagalan pelanggan atau rakan niaga untuk memenuhi obligasi kewangan dan kontraktual mereka mengikut terma yang dipersetujui. Risiko ini terutamanya berpunca daripada aktiviti pinjaman/pembiayaan, pembiayaan perdagangan, penempatan, pengunderaitan, pelaburan, lindung nilai dan dagangan Kumpulan dan Bank, sama ada daripada transaksi dalam kunci kira-kira atau luar kunci kira-kira.

Risiko kredit lazimnya tidak berlaku secara berasingan kerana bergantung kepada peristiwa risiko tertentu (contohnya turun naik kadar faedah atau kadar pertukaran asing), kewujudan risiko lain juga boleh timbul.

### 6.1 Penyeliaan dan Organisasi Pengurusan Risiko Kredit

Jawatankuasa Kredit Kumpulan ('GCC') dan Jawatankuasa Pengunderaitan Pelaburan Kumpulan ('GIUC') merupakan jawatankuasa pengurusan kanan yang diberi kuasa untuk:

- (i) menimbang, meluluskan atau menolak semua cadangan berkaitan pelaburan kewangan, kredit rakan niaga, pinjaman/pembiayaan serta perniagaan pembrokeran saham/ekuiti/futures sehingga had ambang yang ditetapkan; dan
- (ii) mengarah, memantau, menyemak serta mempertimbangkan isu yang boleh memberi kesan material terhadap kualiti semasa dan masa hadapan portfolio pinjaman/aset Kumpulan.

Fungsi utama Jawatankuasa Kredit Lembaga ('BCC') adalah:

- (i) mengesahkan, memveto atau mengenakan syarat yang lebih ketat ke atas kredit Kumpulan yang telah diluluskan oleh GCC dan/atau GIUC;
- (ii) memantau pengurusan akaun terjejas dan berisiko tinggi; dan
- (iii) meluluskan transaksi kredit kepada pihak berkaitan sehingga had ambang yang ditetapkan.

BCC juga menyokong pinjaman/pembiayaan dasar serta pinjaman/pembiayaan yang perlu dirujuk kepada ahli Lembaga masing-masing untuk kelulusan seperti yang ditetapkan oleh BNM.

Pengurusan Kredit Perbankan Komuniti Kumpulan dan Pengurusan Kredit Perbankan Borong Kumpulan bertanggungjawab memastikan proses dalaman dan piawaian pengunderaitan kredit dipatuhi sebelum cadangan pembiayaan diluluskan. Semua cadangan pembiayaan dinilai terlebih dahulu dari segi kelayakan kredit oleh unit perniagaan asal sebelum dinilai oleh pengurus kredit bebas dan diputuskan oleh pihak berkuasa pembiayaan yang diberi kuasa/jawatankuasa berkaitan.

Semua had pendedahan pembiayaan diluluskan dalam rangka kerja kuasa kelulusan kredit yang ditetapkan.

Pengurusan Risiko Kredit Perbankan Komuniti Kumpulan dan Pengurusan Risiko Kredit Perbankan Borong Kumpulan bertanggungjawab terhadap pengurusan risiko kredit, pemantauan risiko portfolio, pelaporan risiko serta pembangunan dasar dan garis panduan kredit. Kumpulan juga melaksanakan ujian tekanan kredit secara berkala bagi menilai tahap kerentanan portfolio kredit terhadap peristiwa risiko kredit yang buruk.

# Pendedahan Tunggak 3 Basel II Kumpulan Perbankan RHB

setakat 31 Disember 2025

## 6.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

### 6.2 Pendekatan Pengurusan Risiko Kredit

Rangka kerja pengurusan risiko kredit Kumpulan adalah berasaskan pekeliling, dasar dan garis panduan yang dikeluarkan oleh BNM serta mana-mana badan berkanun/pengawal selia negara tuan rumah yang berkaitan di mana RHB beroperasi. Kumpulan mematuhi Dasar Kredit Kumpulan yang menyokong pembangunan budaya kredit yang kukuh dengan objektif untuk mengekalkan portfolio yang pelbagai serta pulangan telaras risiko yang stabil dan memuaskan.

Proses pengurusan risiko kredit Kumpulan didokumenkan dalam Garis Panduan Kredit Kumpulan ('GCG') dan Manual Prosedur Kredit Kumpulan ('GCPM') yang menetapkan prosedur operasi dan garis panduan yang mengawal proses kredit dalam Kumpulan.

#### Pinjaman/Pembiayaan kepada Pelanggan Korporat dan Institusi

Pinjaman/pembiayaan kepada pelanggan korporat dan institusi dinilai secara individu dan diberikan penarafan risiko. Penilai kredit mengenal pasti dan menilai risiko kredit pelanggan korporat besar atau institusi, atau kumpulan pelanggan, dengan mengambil kira profil kewangan dan perniagaan mereka, faktor industri dan ekonomi, cagaran serta sokongan kredit lain.

#### Risiko Kredit daripada Aktiviti Pelaburan atau Dagangan

Dalam menjalankan aktiviti dagangan atau pelaburan, Kumpulan turut terdedah kepada risiko kredit daripada aktiviti dagangan, derivatif dan sekuriti hutang. Garis panduan kredit yang berkaitan diwujudkan bagi mengawal risiko kredit melalui panduan terhadap aktiviti derivatif, lindung nilai dan pelaburan bagi pelbagai jenis pendedahan.

#### Pinjaman/Pembiayaan kepada Pengguna dan Perniagaan Kecil

Bagi pinjaman/pembiayaan program runcit dan perniagaan kecil, risiko kredit diurus secara berasaskan portfolio dengan memanfaatkan model penarafan kredit dalaman. Untuk pelanggan runcit dan perniagaan kecil, risiko kredit dinilai dan kemudahan diberikan berdasarkan kriteria penerimaan risiko kredit yang jelas, semakan pasca kelulusan secara berkala serta pemantauan risiko kredit bagi memastikan penilaian risiko yang teliti, keputusan yang objektif, pemrosesan yang cekap kos dan pengurusan portfolio yang berkesan.

#### Pinjaman/Pembiayaan Margin Saham

Pinjaman/pembiayaan kepada pelanggan margin saham adalah berdasarkan kemudahan kredit/pembiayaan yang disediakan kepada pelanggan tersebut untuk tujuan dagangan atau penebusan sekuriti yang disenaraikan di Bursa Malaysia Berhad dan Bursa Saham Diiktiraf selaras dengan Peraturan Bursa Malaysia Securities.

Risiko kredit dikurangkan melalui penetapan struktur/matriks kuasa kelulusan yang bersesuaian bagi pemberian had dagangan/kredit serta penilaian ke atas peminjam/pelanggan dan saham yang diambil sebagai cagaran. Dalam garis panduan yang jelas diluluskan oleh Lembaga dan selaras dengan undang-undang serta peraturan yang berkuat kuasa, pengurusan risiko kredit turut merangkumi penilaian kredit secara sistematik, pemantauan rapat terhadap had, pendedahan dan risiko kepekatan kepada rakan niaga atau penerbit melalui prosedur pelaporan pengurusan yang tepat pada masanya.

#### Mitigasi Risiko Kredit

Kumpulan secara amnya tidak memberikan kemudahan kredit semata-mata berdasarkan cagaran yang disediakan. Semua kemudahan kredit diberikan berdasarkan kedudukan kredit peminjam/pelanggan, sumber pembayaran balik serta kemampuan perkhidmatan hutang/pembiayaan.

Cagaran diambil apabila sesuai bagi mengurangkan risiko kredit yang ditanggung, tertakluk kepada dasar Kumpulan yang mengawal kelayakan cagaran untuk tujuan mitigasi risiko kredit. Pergantungan kepada cagaran dinilai dengan teliti dengan mengambil kira aspek seperti kepastian undang-undang dan kebolehuatkuasaan, penilaian pasaran serta risiko rakan niaga penjamin.

Cagaran yang diiktiraf, jika berkaitan, merangkumi aset kewangan dan fizikal. Kumpulan juga menerima sekuriti tidak ketara sebagai sokongan kredit. Jadual 16a, 16b, 17a dan 17b menunjukkan mitigasi risiko kredit bagi portfolio di bawah Pendekatan Piawaian dan Pendekatan IRB masing-masing setakat 31 Disember 2025 berbanding 31 Disember 2024.

Kumpulan mempunyai mekanisme yang ditetapkan untuk memantau kepekatan kredit dan pasaran dalam mitigasi kreditnya.

#### Risiko Kepekatan Kredit

Kepekatan risiko boleh berlaku akibat pendedahan yang berlebihan kepada satu rakan niaga atau kumpulan rakan niaga berkaitan, instrumen tertentu atau segmen pasaran tertentu. Kumpulan mengurus kepelbagaian portfolionya bagi mengelakkan risiko kepekatan kredit yang berlebihan.

Bagi mengurus risiko kepekatan ini, ambang/had pendedahan yang bersesuaian ditetapkan dengan sewajarnya.

## 6.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

### 6.3 Pemantauan Kredit dan Semakan Tahunan

Kumpulan secara berkala memantau pendedahan kredit, prestasi portfolio serta trend luaran yang boleh memberi kesan kepada hasil pengurusan risiko. Laporan pengurusan risiko dalam disediakan untuk pengurusan kanan, jawatankuasa risiko berkaitan dan Lembaga, yang merangkumi maklumat mengenai kualiti portfolio, migrasi penarafan kredit serta pendedahan risiko kepekatan. Pelaporan ini membolehkan pengurusan kanan mengenal pasti trend kredit yang tidak menggalakkan, mengambil tindakan pembetulan dengan segera serta memastikan keputusan dibuat secara terlaras risiko.

Semakan dijalankan sekurang-kurangnya sekali setahun dengan maklumat terkini mengenai kedudukan kewangan pelanggan, kedudukan pasaran, keadaan industri dan ekonomi serta prestasi akaun. Pinjaman/pembiayaan tertentu boleh disemak dengan lebih kerap dalam keadaan yang bersesuaian.

Dalam fungsi Pengurusan Risiko dan Kredit Kumpulan, terdapat mekanisme pemantauan kredit bagi mengenal pasti pinjaman/pembiayaan bermasalah (akaun senarai pemantauan) untuk pemantauan intensif di bawah Pengurusan Kredit Senarai Pemantauan. Akaun ini mungkin menunjukkan tanda awal tekanan kewangan atau berada pada peringkat awal tunggakan tetapi belum mencapai status mungkir.

Bagi kes tersebut, Pengurusan Kredit Senarai Pemantauan Perbankan Komuniti Kumpulan dan Penjagaan & Pelaporan Awal, Pengurusan Kredit Perbankan Borong Kumpulan akan menjalankan penilaian bebas serta bekerjasama rapat dengan unit perniagaan untuk melaksanakan strategi bagi menangani hubungan pembiayaan/perniagaan di bawah Pengurusan Kredit Senarai Pemantauan. Ini termasuk usaha pemulihan akaun melalui perbincangan dengan peminjam/pelanggan untuk mengenal pasti punca masalah, yang mungkin membawa kepada pelaksanaan strategi penjadualan semula, penstrukturan semula atau strategi “keluar”.

Bagi akaun yang lebih besar atau terpilih, mesyuarat kemas kini kedudukan diadakan secara berkala bersama unit perniagaan untuk menyemak atau menyesuaikan strategi tersebut. Garis panduan berkaitan juga ditambah baik dari semasa ke semasa bagi meningkatkan keupayaan mengenal pasti, memantau dan menyelesaikan akaun tersebut.

Audit Dalaman Kumpulan menjalankan semakan bebas pasca kelulusan secara pensampelan bagi memastikan kualiti penilaian kredit dan standard kelulusan adalah selaras dengan piawai pengunderaitan kredit dan dasar pembiayaan yang ditetapkan oleh pengurusan Kumpulan serta undang-undang dan peraturan yang berkaitan.

#### Pengukuran Risiko Kredit

Selain pertimbangan profesional dan pengalaman, pengukuran atau kuantifikasi risiko memainkan peranan penting dalam membuat keputusan pengambilan risiko dan pengurusan portfolio yang bermaklumat. Memandangkan sifat risiko kredit berbeza mengikut jenis pembiayaan, Kumpulan menggunakan pelbagai alat pengukuran risiko kredit bagi memastikan risiko bagi setiap jenis pembiayaan diwakili dengan tepat. Alat pengukuran ini dibangunkan bagi pendedahan kredit material yang berada di bawah Pendekatan IRB.

Dimensi berikut dipertimbangkan dalam pengukuran risiko kredit:

#### 1.0 Kebarangkalian Mungkiran ('PD')

Kebarangkalian Mungkiran merujuk kepada kebarangkalian bahawa peminjam/pelanggan tidak dapat memenuhi obligasi hutangnya. Bagi pembiayaan korporat/bukan runcit, kebarangkalian mungkir diukur berdasarkan penarafan penghutang (atau pelanggan) yang diperoleh daripada sistem penarafan risiko bagi menentukan tahap risiko mungkir penghutang. Penarafan risiko setiap penghutang disemak secara berkala bagi memastikan ia mencerminkan tahap risiko mungkir terkini.

Bagi pendedahan/pembiayaan runcit, risiko mungkir diukur melalui model pemarkahan masing-masing iaitu kad skor permohonan, kad skor tingkah laku dan kad skor berfokuskan pelanggan.

#### 2.0 Kerugian Apabila Mungkiran ('LGD')

LGD merujuk kepada jumlah kerugian yang ditanggung apabila peminjam/pelanggan mungkir. Bagi pembiayaan korporat, LGD ditentukan melalui pelarasan mitigasi risiko kredit, di mana tahap perlindungan cagaran dan sekuriti akan menentukan nilai LGD bagi sesuatu transaksi. Bagi pembiayaan runcit, LGD ditentukan pada peringkat segmen (atau kumpulan).

#### 3.0 Pendedahan Pada Mungkiran ('EAD')

EAD dikira berdasarkan baki tertunggak semasa dan ketersediaan had pembiayaan yang telah diluluskan. Dalam hal ini, faktor utama adalah obligasi Kumpulan berkaitan had pembiayaan yang tersedia. Bagi pembiayaan korporat, EAD diukur pada peringkat pendedahan penghutang individu selaras dengan Garis Panduan BNM mengenai Rangka Kerja Kecukupan Modal (Basel II – Aset Berwajaran Risiko) dan Rangka Kerja Kecukupan Modal bagi Bank Islam (Aset Berwajaran Risiko).

Bagi pembiayaan runcit, prinsip pengukuran risiko kredit adalah serupa, namun diukur secara berkelompok berdasarkan model dalaman.

## Pendedahan Tunggak 3 Basel II Kumpulan Perbankan RHB

setakat 31 Disember 2025

### 6.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

#### 6.4 Pendedahan Luar Kunci Kira-kira dan Risiko Kredit Rakan Niaga ('CCR')

Pengurusan pendedahan luar kunci kira-kira berikut oleh Kumpulan adalah selaras dengan pendekatan pengurusan risiko kredit seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 6.2 dokumen ini:

- Jaminan kewangan dan surat kredit siap sedia (*standby letters of credit*), yang merupakan komitmen bahawa Kumpulan akan membuat bayaran sekiranya pelanggannya gagal memenuhi obligasi kepada pihak ketiga. Pendedahan ini membawa risiko kredit yang sama seperti pinjaman/pembiayaan walaupun bersifat luar jangka;
- Surat kredit dokumentari dan komersial, iaitu komitmen oleh Kumpulan bagi pihak pelanggan. Pendedahan ini lazimnya disokong oleh cagaran penghantaran barangan yang berkaitan;
- Komitmen untuk menyediakan pembiayaan, termasuk bahagian kemudahan pembiayaan yang belum digunakan atau belum ditarik;
- Had kredit kad kredit yang belum digunakan; dan
- Amaun setara kredit bagi instrumen kewangan derivatif.

##### Risiko Kredit Rakan Niaga (Counterparty Credit Risk, CCR)

Risiko Kredit Rakan Niaga merujuk kepada risiko bahawa rakan niaga dalam sesuatu transaksi mungkin mungkir sebelum penyelesaian akhir aliran tunai transaksi tersebut. Kerugian ekonomi akan berlaku sekiranya transaksi atau portfolio transaksi dengan rakan niaga mempunyai nilai ekonomi positif pada masa mungkir.

Berbeza dengan pendedahan risiko kredit melalui pinjaman/pembiayaan, di mana risiko adalah unilateral dan hanya bank pemberi pinjaman menanggung risiko kerugian, CCR mewujudkan risiko dua hala: nilai pasaran transaksi boleh menjadi positif atau negatif kepada mana-mana pihak dalam transaksi tersebut. Nilai pasaran ini tidak pasti dan boleh berubah dari semasa ke semasa selaras dengan pergerakan faktor pasaran asas.

Risiko rakan niaga lazimnya dikaitkan dengan dua kelas utama produk kewangan:

- Derivatif over-the-counter ('OTC') seperti pertukaran kadar faedah/kadar keuntungan (*interest/profit rate swaps*), kontrak hadapan pertukaran asing (*FX forwards*) dan swap mungkir kredit (*credit default swaps*);
- Transaksi pembiayaan sekuriti seperti repo dan reverse repo, serta peminjaman dan pemberian pinjaman sekuriti.

Instrumen kewangan derivatif dimeterai bagi tujuan lindung nilai atau dagangan proprietari tertakluk kepada had yang diluluskan oleh Lembaga serta kawalan dalaman.

Sebarang kerugian kewangan dikira berdasarkan kos untuk menggantikan instrumen derivatif yang mungkir dengan kontrak lain yang serupa di pasaran. Kos penggantian ini bersamaan dengan perbezaan antara nilai asal derivatif pada masa kontrak dengan rakan niaga yang mungkir dan nilai saksama semasa bagi instrumen pengganti yang setara pada harga pasaran semasa.

Semua kedudukan derivatif kewangan tertunggak dinilai semula pada nilai pasaran (*marked-to-market*) setiap hari. Kumpulan memantau kedudukan rakan niaga dan akan segera meningkatkan (*escalate*) sebarang kekurangan terhadap tahap ambang kepada pihak berkaitan untuk tindakan selanjutnya.

#### 6.5 Pendedahan Kredit dan Aset Berwajaran Risiko mengikut Portfolio dan Pendekatan

Jadual berikut menunjukkan pendedahan kredit atau Pendedahan Pada Mungkir ('EAD') setakat 31 Disember 2025 berbanding 31 Disember 2024, yang diasingkan mengikut:

- pelbagai jenis kelas aset, termasuk butiran pendedahan mengikut jenis pendekatan, sebelum dan selepas mitigasi risiko kredit ('CRM'), serta RWA dan keperluan modal yang berkaitan;
- pendedahan luar kunci kira-kira dan risiko kredit rakan niaga;
- taburan geografi;
- sektor industri; dan
- tempoh matang baki.

## 6.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

### 6.5 Pendedahan Kredit dan Aset Berwajaran Risiko mengikut Portfolio dan Pendekatan (sambungan)

Jadual 5a: Ringkasan Pendedahan Kredit dengan Mitigasi Risiko Kredit ('CRM') mengikut Kelas Aset dan Keperluan Modal Minimum (Pendedahan Dalam dan Luar Kunci Kira-kira) setakat 31 Disember 2025

Kumpulan Perbankan RHB	Pendedahan Kasar/EAD Sebelum CRM RM'000	Pendedahan Bersih/EAD Selepas CRM RM'000	Aset Berwajaran Risiko RM'000	Keperluan Modal Minimum RM'000
<b>Kelas Pendedahan</b>				
<b><u>Pendedahan di bawah Pendekatan Piawaian ('SA')</u></b>				
<b><u>Pendedahan Dalam Kunci Kira-kira</u></b>				
Kerajaan & Bank Pusat	39,297,203	39,297,203	738,919	59,114
Entiti Sektor Awam	13,505,521	13,504,921	222,984	17,839
Bank, Institusi Kewangan Pembangunan & MDB	13,515,965	13,515,965	5,363,082	429,047
Syarikat Insurans/Takaful, Firma Sekuriti & Pengurus Dana Korporat	720,221	720,221	637,586	51,007
Kawal Selia Runcit	12,465,590	10,532,516	7,173,235	573,859
Gadai Janji/Pembiayaan Perumahan	11,972,465	11,023,646	9,750,546	780,043
Aset Berisiko Lebih Tinggi	1,171,777	1,159,181	418,568	33,485
Aset Lain	749,785	749,785	1,124,678	89,974
Pendedahan Ekuiti	5,031,104	5,031,104	2,702,183	216,175
Pendedahan Mungkiran	955,377	955,377	955,377	76,430
Pendedahan Mungkiran	1,465,149	1,463,863	2,031,215	162,497
<b>Jumlah Pendedahan Dalam Kunci Kira-kira</b>	<b>100,850,157</b>	<b>97,953,782</b>	<b>31,118,373</b>	<b>2,489,470</b>
<b><u>Pendedahan Luar Kunci Kira-kira</u></b>				
Derivatif OTC	3,910,848	3,258,920	994,293	79,543
Pendedahan luar kunci kira-kira selain derivatif OTC atau derivatif kredit	15,429,863	9,429,916	2,201,253	176,100
Pendedahan Mungkiran	16,590	16,176	3,495	280
<b>Jumlah Pendedahan Luar Kunci Kira-kira</b>	<b>19,357,301</b>	<b>12,705,012</b>	<b>3,199,041</b>	<b>255,923</b>
<b>Jumlah Pendedahan Dalam dan Luar Kunci Kira-kira di bawah SA</b>	<b>120,207,458</b>	<b>110,658,794</b>	<b>34,317,414</b>	<b>2,745,393</b>
<b><u>Pendedahan di bawah Pendekatan F-IRB</u></b>				
<b><u>Pendedahan Dalam Kunci Kira-kira</u></b>				
<b>Korporat, yang terdiri daripada</b>	<b>107,268,210</b>	<b>107,268,210</b>	<b>64,054,182</b>	<b>5,124,335</b>
Pendedahan Korporat (tidak termasuk pelarasan saiz firma)	56,608,587	56,608,587	32,179,410	2,574,353
Pendedahan Korporat (dengan pelarasan saiz firma)	29,330,502	29,330,502	17,598,025	1,407,842
Pendedahan Pembiayaan Khusus (Pendekatan Slotting)				
Pembiayaan Projek	2,036,344	2,036,344	1,482,848	118,628
Hartanah Menjana Pendapatan	19,292,777	19,292,777	12,793,899	1,023,512
Pendedahan Mungkiran	1,793,784	1,793,784	112,435	8,995
<b>Jumlah Pendedahan Dalam Kunci Kira-kira</b>	<b>109,061,994</b>	<b>109,061,994</b>	<b>64,166,617</b>	<b>5,133,330</b>

## Pendedahan Tunggak 3 Basel II Kumpulan Perbankan RHB

setakat 31 Disember 2025

### 6.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

#### 6.5 Pendedahan Kredit dan Aset Berwajaran Risiko mengikut Portfolio dan Pendekatan (sambungan)

Jadual 5a: Ringkasan Pendedahan Kredit dengan Mitigasi Risiko Kredit ('CRM') mengikut Kelas Aset dan Keperluan Modal Minimum (Pendedahan Dalam dan Luar Kunci Kira-kira) setakat 31 Disember 2025 (sambungan)

Kumpulan Perbankan RHB	Pendedahan Kasar/EAD Sebelum CRM RM'000	Pendedahan Bersih/EAD Selepas CRM RM'000	Aset Berwajaran Risiko RM'000	Keperluan Modal Minimum RM'000
<b>Kelas Pendedahan</b>				
<b><u>Pendedahan Luar Kunci Kira-kira</u></b>				
Derivatif OTC	366,254	366,254	338,816	27,105
Pendedahan luar kunci kira-kira selain derivatif OTC atau derivatif kredit	10,441,275	10,441,275	6,071,105	485,688
Pendedahan Mungkiran	2,042	2,042	-	-
<b>Jumlah Pendedahan Luar Kunci Kira-kira</b>	<b>10,809,571</b>	<b>10,809,571</b>	<b>6,409,921</b>	<b>512,793</b>
<b><u>Pendedahan di bawah Pendekatan A-IRB</u></b>				
<b><u>Pendedahan Dalam Kunci Kira-kira</u></b>				
<b>Runcit, yang terdiri daripada</b>	<b>135,744,895</b>	<b>135,744,895</b>	<b>26,250,956</b>	<b>2,100,077</b>
Pendedahan Gadai Janji/Pembiayaan Perumahan	85,134,424	85,134,424	11,856,729	948,538
Pendedahan Runcit Pusingan Layak	2,803,927	2,803,927	1,478,098	118,248
Pendedahan Sewa Beli	12,769,992	12,769,992	3,929,547	314,364
Pendedahan Runcit Lain	35,036,552	35,036,552	8,986,582	718,927
Pendedahan Mungkiran	3,829,650	3,829,650	5,100,994	408,079
<b>Jumlah Pendedahan Dalam Kunci Kira-kira</b>	<b>139,574,545</b>	<b>139,574,545</b>	<b>31,351,950</b>	<b>2,508,156</b>
<b><u>Pendedahan Luar Kunci Kira-kira</u></b>				
Derivatif OTC	-	-	-	-
Pendedahan luar kunci kira-kira selain derivatif OTC atau derivatif kredit	17,033,475	17,033,475	2,439,766	195,181
Pendedahan Mungkiran	50,906	50,906	79,222	6,338
<b>Jumlah Pendedahan Luar Kunci Kira-kira</b>	<b>17,084,381</b>	<b>17,084,381</b>	<b>2,518,988</b>	<b>201,519</b>
<b>Jumlah Pendedahan Dalam dan Luar Kunci Kira-kira sebelum faktor penskalaan di bawah Pendekatan IRB</b>	<b>276,530,491</b>	<b>276,530,491</b>	<b>104,447,476</b>	<b>8,355,798</b>
<b>Jumlah Pendedahan Dalam dan Luar Kunci Kira-kira selepas faktor penskalaan, 1.06 di bawah Pendekatan IRB</b>			<b>110,714,325</b>	<b>8,857,146</b>
<b>Jumlah (Pendedahan di bawah Pendekatan SA dan Pendedahan di bawah Pendekatan IRB)</b>	<b>396,737,949</b>	<b>387,189,285</b>	<b>145,031,739</b>	<b>11,602,539</b>

Nota: Jadual ini tidak termasuk pendedahan kepada rakan niaga pusat

## 6.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

### 6.5 Pendedahan Kredit dan Aset Berwajaran Risiko mengikut Portfolio dan Pendekatan (sambungan)

Jadual 5b: Ringkasan Pendedahan Kredit dengan Mitigasi Risiko Kredit ('CRM') mengikut Kelas Aset dan Keperluan Modal Minimum (Pendedahan Dalam dan Luar Kunci Kira-kira) setakat 31 Disember 2024

Kumpulan Perbankan RHB	Pendedahan Kasar/EAD Sebelum CRM RM'000	Pendedahan Bersih/EAD Selepas CRM RM'000	Aset Berwajaran Risiko RM'000	Keperluan Modal Minimum RM'000
<b>Kelas Pendedahan</b>				
<b><u>Pendedahan di bawah Pendekatan Piawaian ('SA')</u></b>				
<b><u>Pendedahan Dalam Kunci Kira-kira</u></b>				
Kerajaan & Bank Pusat	43,492,456	43,492,456	1,033,603	82,688
Entiti Sektor Awam	13,175,536	13,172,936	90,893	7,271
Bank, Institusi Kewangan Pembangunan & MDB	18,347,570	18,347,570	6,634,136	530,731
Syarikat Insurans/Takaful, Firma Sekuriti & Pengurus Dana	550,843	550,843	485,696	38,856
Korporat	13,832,113	11,878,195	8,230,577	658,446
Runcit Kawal Selia	12,893,888	11,895,256	10,515,514	841,241
Gadai Janji/Pembiayaan Perumahan	950,425	940,551	333,097	26,648
Aset Berisiko Lebih Tinggi	875,588	875,588	1,313,382	105,071
Aset Lain	5,609,374	5,609,374	2,798,462	223,877
Pendedahan Ekuiti	860,825	860,825	860,825	68,866
Pendedahan Mungkiran	730,966	728,584	948,304	75,864
<b>Jumlah Pendedahan Dalam Kunci Kira-kira</b>	<b>111,319,584</b>	<b>108,352,178</b>	<b>33,244,489</b>	<b>2,659,559</b>
<b><u>Pendedahan Luar Kunci Kira-kira</u></b>				
Derivatif OTC	4,316,537	3,903,826	1,037,781	83,022
Pendedahan luar kunci kira-kira selain derivatif OTC atau derivatif kredit	20,990,986	11,163,140	2,345,599	187,648
Pendedahan Mungkiran	17,332	17,020	4,219	338
<b>Jumlah Pendedahan Luar Kunci Kira-kira</b>	<b>25,324,855</b>	<b>15,083,986</b>	<b>3,387,599</b>	<b>271,008</b>
<b>Jumlah Pendedahan Dalam dan Luar Kunci Kira-kira di bawah SA</b>	<b>136,644,439</b>	<b>123,436,164</b>	<b>36,632,088</b>	<b>2,930,567</b>
<b><u>Pendedahan di bawah Pendekatan F-IRB</u></b>				
<b><u>Pendedahan Dalam Kunci Kira-kira</u></b>				
<b>Korporat, yang terdiri daripada</b>	<b>96,544,898</b>	<b>96,544,898</b>	<b>55,907,172</b>	<b>4,472,574</b>
Pendedahan Korporat (tidak termasuk pelarasan saiz firma)	48,827,817	48,827,817	26,715,440	2,137,235
Pendedahan Korporat (dengan pelarasan saiz firma)	28,335,502	28,335,502	16,284,552	1,302,765
Pendedahan Pembiayaan Khusus (Pendekatan Slotting)				
Pembiayaan Projek	2,156,613	2,156,613	1,406,290	112,503
Hartanah Menjana Pendapatan	17,224,966	17,224,966	11,500,890	920,071
Pendedahan Mungkiran	2,317,142	2,317,142	131,761	10,541
<b>Jumlah Pendedahan Dalam Kunci Kira-kira</b>	<b>98,862,040</b>	<b>98,862,040</b>	<b>56,038,933</b>	<b>4,483,115</b>

## Pendedahan Tunggak 3 Basel II Kumpulan Perbankan RHB

setakat 31 Disember 2025

### 6.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

#### 6.5 Pendedahan Kredit dan Aset Berwajaran Risiko mengikut Portfolio dan Pendekatan (sambungan)

Jadual 5b: Ringkasan Pendedahan Kredit dengan Mitigasi Risiko Kredit ('CRM') mengikut Kelas Aset dan Keperluan Modal Minimum (Pendedahan Dalam dan Luar Kunci Kira-kira) setakat 31 Disember 2024 (sambungan)

Kumpulan Perbankan RHB	Pendedahan Kasar/EAD Sebelum CRM RM'000	Pendedahan Bersih/EAD Selepas CRM RM'000	Aset Berwajaran Risiko RM'000	Keperluan Modal Minimum RM'000
<b>Pendedahan Luar Kunci Kira-kira</b>				
Derivatif OTC	505,712	505,712	500,196	40,016
Pendedahan luar kunci kira-kira selain derivatif OTC atau derivatif kredit	10,726,078	10,726,078	5,815,691	465,255
Pendedahan Mungkiran	9,102	9,102	1,919	153
<b>Jumlah Pendedahan Luar Kunci Kira-kira</b>	<b>11,240,892</b>	<b>11,240,892</b>	<b>6,317,806</b>	<b>505,424</b>
<b>Pendedahan di bawah Pendekatan A-IRB</b>				
<b>Pendedahan Dalam Kunci Kira-kira</b>				
<b>Runcit, yang terdiri daripada</b>	<b>127,683,124</b>	<b>127,683,124</b>	<b>24,596,832</b>	<b>1,967,747</b>
Pendedahan Gadai Janji/Pembiayaan Perumahan	78,286,935	78,286,935	11,146,168	891,694
Pendedahan Runcit Pusingan Layak	2,487,392	2,487,392	1,344,165	107,533
Pendedahan Sewa Beli	11,696,672	11,696,672	3,619,306	289,545
Pendedahan Runcit Lain	35,212,125	35,212,125	8,487,193	678,975
Pendedahan Mungkiran	3,128,370	3,128,370	1,711,526	136,922
Peranan asas institusi kewangan dalam transformasi kematangan deposit jangka pendek kepada pinjaman jangka panjang menjadikan institusi kewangan secara semula jadi terdedah kepada risiko kecairan, sama ada yang bersifat khusus kepada institusi atau yang menjejaskan pasaran kewangan secara keseluruhan. Berpandukan Dasar Risiko Kecairan Kumpulan, Kumpulan mengurus risiko kecairan pembiayaan dan pasaran bagi memastikan operasi perbankan terus berjalan tanpa gangguan dalam keadaan normal dan tertekan. Prinsip utama dalam Dasar Risiko Kecairan Kumpulan termasuk mengekalkan keyakinan pasaran kewangan pada setiap masa, melindungi kepentingan pemegang taruh utama dan memenuhi keperluan kecairan pengawalseliaan.

Petunjuk amaran awal dan pencetus dikenal pasti, dinilai dan dipantau untuk mengawal kemungkinan berlakunya peristiwa kecairan yang tidak memihak. Perkara ini dilaporkan kepada Pengurusan dan Jawatankuasa Pengurusan Kanan bagi memudahkan perbincangan dan pembangunan tindakan pencegahan untuk mengurangkan risiko berpotensi. Selain itu, garis panduan Kumpulan mengenai Pelan Pengurusan Insiden Kecairan (iaitu Pelan Pembiayaan Kecemasan) menyediakan panduan dalam mengurus krisis kecairan. Pelan tindakan pemulihan yang berkaitan didokumenkan dengan peranan dan tanggungjawab yang jelas daripada unit perniagaan dan fungsi berkaitan (termasuk operasi luar negara). Proses peningkatan ditetapkan bagi memudahkan pelaksanaan pelan pengurusan kecairan secara teratur dan tepat pada masanya. Latihan simulasi bagi pelan pembiayaan kecemasan dijalankan secara berkala bagi memastikan ia kekal relevan dan sesuai digunakan.

Pengurusan Aset dan Liabiliti Kumpulan ('Group ALM') bertanggungjawab terhadap pengurusan risiko kecairan, termasuk menetapkan dasar pengurusan kecairan dan had risiko, mengenal pasti dan memantau pendedahan risiko, melaksanakan ujian tekanan serta membangunkan dan menyemak pelan pembiayaan kecemasan. Proses ini dijalankan secara berkala atau apabila diperlukan berdasarkan perubahan dalam keadaan perniagaan atau pasaran. Penunjuk/ukuran utama risiko kecairan termasuk tetapi tidak terhad kepada Nisbah Liputan Kecairan ('LCR'), Nisbah Pembiayaan Stabil Bersih ('NSFR'), nisbah kepekatan pendeposit utama, pencetus krisis kecairan dan sumber pembiayaan kecemasan yang tersedia.

Kumpulan mengguna pakai dan mematuhi piawaian kecairan BNM bagi LCR (memastikan pegangan aset cair berkualiti tinggi ('HQLA') yang mencukupi untuk menampung senario tekanan kecairan yang akut dalam tempoh 30 hari pada peringkat entiti dan penyatuan) dan NSFR (iaitu mengekalkan profil pembiayaan yang stabil untuk menyokong aset dan aktiviti luar kunci kira-kira). LCR dan NSFR pada peringkat Kumpulan Perbankan RHB dikekalkan melebihi had pengawalseliaan sebanyak 100%.

Jawatankuasa Aset dan Liabiliti Kumpulan ('Group ALCO') menyokong jawatankuasa Lembaga dengan memainkan peranan penting dalam pengawasan risiko kunci kira-kira, risiko kecairan dan risiko pasaran (kedua-dua buku dagangan dan buku perbankan). Group ALCO bermesyuarat secara berkala untuk menyemak dan menilai risiko berpotensi yang timbul daripada risiko kadar faedah/kadar pulangan dalam buku perbankan, risiko kecairan dan risiko pasaran, membincangkan strategi perniagaan serta pelan mitigasi risiko berdasarkan keadaan pasaran dan landskap perniagaan semasa. Selain itu, Group ALCO menyemak dan meluluskan kadar faedah/keuntungan bagi produk liabiliti serta kadar rujukan bagi produk dan perkhidmatan pembiayaan.

## 10.0 RISIKO KADAR FAEDAH/RISIKO KADAR PULANGAN DALAM BUKU PERBANKAN

Risiko kadar faedah/risiko kadar pulangan dalam buku perbankan merujuk kepada risiko terhadap pendapatan Kumpulan dan nilai ekonomi ekuiti akibat pergerakan tidak memihak dalam kadar faedah/kadar penanda aras. Risiko ini boleh timbul daripada ketidakpadanan dalam masa penetapan semula harga aset dan liabiliti daripada kedua-dua kedudukan dalam dan luar kunci kira-kira dalam buku perbankan, perubahan dalam kecerunan dan bentuk lengkung hasil, risiko asas dan risiko opsyenalti.

Risiko kadar faedah/risiko kadar pulangan dalam buku perbankan merangkumi:

• Risiko penetapan semula harga (risiko ketidakpadanan)	-	Timbul daripada perbezaan masa dalam kematangan (bagi kadar tetap) dan penetapan semula harga (bagi kadar terapung) bagi aset, liabiliti dan kedudukan luar kunci kira-kira bank. Walaupun ketidakpadanan penetapan semula harga ini merupakan asas kepada perniagaan perbankan, ia boleh mendedahkan pendapatan dan nilai ekonomi asas bank kepada turun naik yang tidak dijangka apabila kadar faedah/kadar penanda aras berubah;
• Risiko asas	-	Timbul daripada hubungkait yang tidak sempurna dalam pelarasan kadar yang diterima dan dibayar bagi instrumen berbeza yang mempunyai ciri penetapan semula harga yang serupa. Apabila kadar faedah/kadar penanda aras berubah, perbezaan ini boleh menyebabkan perubahan yang tidak dijangka dalam aliran tunai dan margin pendapatan antara aset, liabiliti dan instrumen luar kunci kira-kira yang mempunyai kematangan atau kekerapan penetapan semula harga yang serupa;
• Risiko lengkung hasil	-	Timbul apabila peralihan yang tidak dijangka dalam lengkung hasil memberi kesan negatif kepada pendapatan atau nilai ekonomi asas Kumpulan; dan
• Opsyenalti terbenam	-	Timbul terutamanya daripada opsyen yang terbenam dalam sesetengah produk buku perbankan (contohnya produk gadai janji/pembiayaan perumahan yang membenarkan bayaran awal tanpa penalti, serta deposit panggilan yang membolehkan pelanggan mengeluarkan deposit pada bila-bila masa).

Pendapatan Berisiko ('EaR') dan Nilai Ekonomi Ekuiti ('EVE') digunakan untuk menilai risiko kadar faedah/risiko kadar pulangan dalam buku perbankan. Ia dikira berdasarkan profil jurang penetapan semula harga buku perbankan selaras dengan keperluan pelaporan BNM. Aset dan liabiliti dikelompokkan berdasarkan baki tempoh matang atau tarikh penetapan semula harga seterusnya.

EaR mengukur kesan kadar faedah/kadar penanda aras terhadap pendapatan bank dalam tempoh satu tahun. Senario kejutan kadar faedah ditentukan berdasarkan struktur kunci kira-kira dan jurang penetapan semula harga bank/entiti pelaporan untuk menilai kesan buruk terhadap pendapatan.

EVE mengukur kesan perubahan kadar faedah/kadar penanda aras terhadap nilai aliran tunai bersih (meliputi aset, liabiliti dan kedudukan luar kunci kira-kira) berbanding jumlah modal bank. Ia merupakan ukuran ekonomi jangka panjang dalam menilai tahap pendedahan kadar faedah berbanding jumlah modal bank.

Berpandukan Dasar Risiko Kadar Faedah/Risiko Kadar Pulangan dalam Buku Perbankan Kumpulan, Pengurusan Aset dan Liabiliti Kumpulan ('Group ALM') mengurus risiko kadar faedah/kadar pulangan dalam buku perbankan selaras dengan struktur tadbir urus dan proses yang ditetapkan. EaR dan EVE bulanan diukur, dikawal dan dipantau berbanding had risiko yang ditetapkan. Ini disokong dengan unjuran untuk menilai risiko berpotensi akibat perubahan dalam struktur kunci kira-kira dan persekitaran pasaran. Selain itu, penilaian EaR dan EVE turut dilaksanakan berdasarkan senario tekanan secara berkala. Kumpulan menilai tahap modal yang perlu dipegang bagi memastikan ia mencukupi untuk menampung risiko kadar faedah/risiko kadar pulangan dalam buku perbankan. Penilaian ini dilaksanakan melalui penilaian modal dalaman berdasarkan metodologi dalaman.

Risiko berpotensi yang timbul daripada risiko kadar faedah/risiko kadar pulangan dalam buku perbankan disemak dan dinilai secara berkala oleh Group ALCO.

## Pendedahan Tunggak 3 Basel II Kumpulan Perbankan RHB

setakat 31 Disember 2025

### 10.0 RISIKO KADAR FAEDAH/RISIKO KADAR PULANGAN DALAM BUKU PERBANKAN (SAMBUNGAN)

Kesan perubahan dalam kadar faedah/kadar penanda aras terhadap pendapatan bersih dan nilai ekonomi setakat 31 Disember 2025 dan 31 Disember 2024 ditunjukkan dalam jadual berikut:

Jadual 24a: Risiko Kadar Faedah/Risiko Kadar Pulangan dalam Buku Perbankan setakat 31 Disember 2025

Kumpulan Perbankan RHB	Kesan terhadap Kedudukan pada Tempoh Pelaporan (Peralihan Selari 100 mata asas) Anjakan Selari			
	Peningkatan/(Penurunan) dalam Pendapatan		Peningkatan/(Penurunan) dalam Nilai Ekonomi	
	Kesan berdasarkan +100 mata asas RM'000	Kesan berdasarkan -100 mata asas RM'000	Kesan berdasarkan +100 mata asas RM'000	Kesan berdasarkan -100 mata asas RM'000
<b>Mata Wang</b>				
MYR – Ringgit Malaysia	594,287	(594,287)	(1,598,478)	1,598,478
USD – Dolar Amerika Syarikat	(207,875)	207,875	(164,437)	164,437
Lain-lain <sup>1</sup>	21,336	(21,336)	(223,574)	223,574
<b>Jumlah</b>	<b>407,748</b>	<b>(407,748)</b>	<b>(1,986,489)</b>	<b>1,986,489</b>

Jadual 24b: Risiko Kadar Faedah/Risiko Kadar Pulangan dalam Buku Perbankan setakat 31 Disember 2024

Kumpulan Perbankan RHB	Kesan terhadap Kedudukan pada Tempoh Pelaporan (Peralihan Selari 100 mata asas) Anjakan Selari			
	Peningkatan/(Penurunan) dalam Pendapatan		Peningkatan/(Penurunan) dalam Nilai Ekonomi	
	Kesan berdasarkan +100 mata asas RM'000	Kesan berdasarkan -100 mata asas RM'000	Kesan berdasarkan +100 mata asas RM'000	Kesan berdasarkan -100 mata asas RM'000
<b>Mata Wang</b>				
MYR – Ringgit Malaysia	482,094	(482,094)	(1,407,430)	1,407,430
USD – Dolar Amerika Syarikat	(133,493)	133,493	(99,374)	99,374
Lain-lain <sup>1</sup>	27,646	(27,646)	(64,316)	64,316
<b>Jumlah</b>	<b>376,247</b>	<b>(376,247)</b>	<b>(1,571,120)</b>	<b>1,571,120</b>

Nota:

1. Termasuk GBP, EUR, SGD dan lain-lain.
2. Pendedahan EaR dan EVE adalah secara tambahan dan tidak mengambil kira sebarang kesan korelasi dalam pengagregatan.
3. Nilai pendapatan dan nilai ekonomi dikira berdasarkan pendekatan piawaian yang diguna pakai oleh BNM.

Kesan terhadap pendapatan bersih di atas mewakili aset dan liabiliti kewangan yang telah disediakan berdasarkan asas berikut:

- Aset dan liabiliti sensitif kadar faedah/kadar penanda aras dengan baki tempoh matang atau tempoh penetapan semula harga sehingga satu tahun yang tidak diambil kira dalam portfolio dagangan dimasukkan ke dalam jalur masa berdasarkan tempoh matang atau tempoh penetapan semula harga, yang mana lebih awal.
- Satu set wajaran risiko bersama jalur masa masing-masing digunakan untuk mengunjurkan kesan perubahan kadar faedah/kadar penanda aras dalam mata asas yang berkaitan.
- Bagi aset dan liabiliti tanpa tempoh matang, contohnya akaun semasa dan simpanan, andaian tingkah laku digunakan semasa melaporkan item-item ini dalam jalur masa masing-masing.

## 11.0 RISIKO OPERASI

Risiko operasi ialah risiko kerugian yang berpunca daripada proses dalaman, manusia dan sistem yang tidak mencukupi atau gagal, atau daripada peristiwa luaran, yang merangkumi spektrum risiko yang luas dan pelbagai seperti penipuan, kerosakan fizikal, gangguan perniagaan, kegagalan transaksi, risiko penyumberan luar, risiko teknologi, risiko perundangan, ketidakpatuhan Syariah dan pelanggaran peraturan serta bahaya kesihatan dan keselamatan pekerja. Risiko operasi boleh mengakibatkan kerugian kewangan secara langsung serta kerugian kewangan tidak langsung (contohnya kehilangan perniagaan dan bahagian pasaran) akibat kerosakan reputasi.


### Fungsi dan Organisasi Pengurusan Risiko Operasi

Pengurusan Risiko Bukan Kewangan Kumpulan di bawah Pengurusan Risiko Kumpulan bertanggungjawab secara fungsian dalam pembangunan rangka kerja, dasar dan metodologi risiko operasi, serta menyediakan panduan dan maklumat kepada unit perniagaan berkaitan bidang risiko operasi. Tanggungjawab merangkumi meningkatkan kefahaman dan kesedaran yang lebih menyeluruh mengenai isu risiko operasi di semua peringkat dalam Kumpulan. Ia turut memastikan risiko operasi daripada produk, proses dan sistem baharu diurus dan dimitigasi dengan sewajarnya. Unit perniagaan dan sokongan masing-masing bertanggungjawab utama dalam mengurus risiko operasi secara harian.

Pelaporan risiko operasi secara berkala dibuat kepada pengurusan kanan, jawatankuasa berkaitan dan Lembaga yang merangkumi pelbagai maklumat risiko operasi seperti analisis risiko, pelan tindakan mitigasi risiko, hasil alat risiko, pelanggaran selera risiko, peristiwa risiko operasi yang signifikan dan kegagalan kawalan, serta pengajaran yang diperoleh. Selain itu, insiden risiko operasi utama dilaporkan kepada pengurusan kanan secara harian. Pelaporan ini membolehkan pengurusan kanan dimaklumkan dan membincangkan kelemahan operasi yang dikenal pasti, ketepatan masa tindakan pembetulan, serta memastikan keputusan mitigasi risiko dan pelan tindakan yang sesuai dilaksanakan.

### Proses dan Alat Pengurusan Risiko Operasi

Kumpulan menetapkan dan menggunakan alat serta metodologi risiko operasi yang berkaitan bagi menyokong dan memastikan proses pengurusan risiko operasi yang berkesan.



1. Pengurusan Insiden dan Pengumpulan Data – suatu proses untuk melaporkan dan merekod semua insiden risiko operasi;
2. Penilaian Kendiri Risiko dan Kawalan – suatu metodologi untuk membangunkan profil risiko bagi setiap perniagaan/fungsi;
3. Analisis Senario Risiko Operasi – suatu metodologi untuk mengenal pasti senario risiko yang munasabah bagi tujuan penilaian;
4. Pelan Rawatan Risiko – suatu daftar untuk membantu perniagaan memantau pelan tindakan;
5. Petunjuk Risiko Utama – suatu metodologi bagi perniagaan untuk menjejak dan memantau bidang risiko signifikan yang berkaitan dengan perniagaan/fungsi mereka; dan
6. Pengujian Kawalan Utama – suatu metodologi untuk membantu perniagaan melaksanakan ujian ke atas kawalan bagi menentukan keberkesannya.

## Pendedahan Tunggak 3 Basel II Kumpulan Perbankan RHB

setakat 31 Disember 2025

### 11.0 RISIKO OPERASI (SAMBUNGAN)

#### Mitigasi Risiko dan Kawalan

Strategi mitigasi risiko digunakan untuk meminimumkan risiko ke tahap yang boleh diterima dan bertujuan mengurangkan kebarangkalian berlakunya peristiwa yang tidak diingini serta impaknya terhadap perniagaan sekiranya ia berlaku. Alat dan teknik kawalan, antara lain, adalah seperti berikut:

- **Pengukuhan Kawalan Dalaman**

Kawalan dalaman (iaitu persekitaran kawalan, penilaian risiko, aktiviti kawalan, maklumat dan komunikasi, serta pemantauan) direka bentuk selaras dengan tahap pendedahan risiko operasi yang dihadapi oleh Kumpulan. Kumpulan memantau dan menilai secara berkala sistem kawalan dalaman bagi memastikan ia beroperasi dengan berkesan serta mengambil kira perubahan dalam keadaan dalaman dan luaran.

- **Ketahanan dan Kelangsungan Perniagaan**

Bagi mengurangkan impak peristiwa risiko operasi yang tidak dijangka, Kumpulan mempunyai program Pengurusan Kesenambungan Perniagaan ('BCM') yang berterusan dan diurus secara aktif bagi operasi dan aktiviti perniagaan kritikal utama di Ibu Pejabat, pusat data dan lokasi cawangan. Inisiatif penambahbaikan berterusan dilaksanakan bagi membina ketahanan operasi untuk memastikan kelangsungan perkhidmatan kritikal. Program BCM tertakluk kepada ujian berkala untuk mengesahkan kecukupan dan kesiapsiagaan semua sumber dalam menyokong perkhidmatan kritikal dan penting sekiranya berlaku gangguan. Program BCM berada di bawah tanggungjawab Jabatan Ketahanan Operasi & Risiko Pihak Ketiga. Lembaga Pengarah menjalankan fungsi pengawasan melalui Jawatankuasa Risiko Lembaga ('GCRC'). Jawatankuasa Kesenambungan Perniagaan Kumpulan, yang melapor kepada GCRC, merupakan jawatankuasa yang mengawasi rangka kerja, dasar, bajet dan pelan kesinambungan perniagaan Kumpulan.

- **Pengurusan Risiko Penipuan**

Proses pengurusan risiko penipuan yang mantap diwujudkan untuk mengurus ancaman daripada sumber luaran dan dalaman, berpandukan Dasar Pengurusan Risiko Penipuan Kumpulan. Kumpulan sentiasa menilai dan memantau risiko penipuan bagi memastikan tingkah laku organisasi yang konsisten melalui pembangunan, pelaksanaan dan semakan berkala strategi pencegahan, pengesanan dan tindak balas terhadap penipuan. Untuk melindungi pelanggan daripada penipuan, Kumpulan melabur dalam taklimat kesedaran penipuan secara berterusan serta latihan pengurusan risiko penipuan untuk kakitangan barisan hadapan, di samping meningkatkan kesedaran pelanggan mengenai skim penipuan semasa melalui komunikasi berkala seperti e-mel, laman sesawang, aplikasi perbankan mudah alih, mesin juruwang automatik dan saluran media sosial.

- **Penyumberan Luar**

Berikutan keperluan penyumberan luar bagi tujuan kecekapan kos dan operasi, dasar dan garis panduan diwujudkan bagi memastikan risiko yang timbul daripada aktiviti penyumberan luar dikenal pasti, dinilai dan diurus dengan sewajarnya sebelum memasuki sebarang pengaturan baharu dan secara berterusan.

- **Pengurusan Insurans/Takaful**

Kumpulan mempertimbangkan pemindahan risiko melalui insurans/takaful bagi mengurangkan risiko operasi. Kumpulan mempunyai program insurans/takaful yang direka untuk mengurangkan pendedahan kepada liabiliti dan melindungi asetnya. Pengaturan insurans/takaful digunakan sebagai pelengkap kepada pengurusan risiko operasi dan bukan sebagai pengganti kepada persekitaran kawalan dalaman yang kukuh.

#### Risiko Teknologi

Risiko Teknologi merujuk kepada risiko perniagaan yang berkaitan dengan penggunaan, pemilikan, operasi, penglibatan, pengaruh dan penggunaan Teknologi Maklumat ('IT') dalam Kumpulan.

Kumpulan mengiktiraf risiko yang timbul daripada kemajuan dan kebergantungan terhadap teknologi maklumat dalam menyokong operasi perniagaan melalui penggunaan teknologi maju dan sistem dalam talian untuk menyediakan produk dan perkhidmatan yang mudah dan boleh dipercayai kepada pelanggan. Rangka Kerja Pengurusan Risiko Teknologi dan Siber Kumpulan memastikan struktur tadbir urus diwujudkan bagi pengenalpastian, penilaian dan pengurusan risiko teknologi dalam operasi IT sedia ada serta sebelum pelaksanaan aplikasi dan sistem bagi pelanggan dalaman dan luaran.

Bagi memastikan risiko baki berada pada tahap yang boleh diterima, Kumpulan telah menetapkan proses Penilaian Risiko Teknologi dan Awan untuk mengenal pasti dan menilai secara menyeluruh risiko berkaitan serta kawalan yang bersesuaian bagi inisiatif IT dan pendigitalan.

Bagi menyokong Kumpulan dalam mengekalkan persekitaran teknologi yang selamat, boleh dipercayai dan ditadbir dengan baik, semakan risiko dijalankan ke atas proses pengurusan insiden dan masalah bagi memperkukuh ketahanan operasi, meningkatkan kebolehpercayaan perkhidmatan dan memastikan mitigasi risiko yang berkesan.

#### Risiko Siber

Risiko siber merujuk kepada ancaman atau kelemahan yang timbul daripada keterhubungan infrastruktur teknologi dalaman kepada Internet. Seiring dengan peningkatan penggunaan saluran digital dalam industri perbankan untuk penyampaian perkhidmatan, risiko ini kekal wujud dan signifikan. Kumpulan mengiktiraf kepentingan pengurusan risiko siber dan, sebagai sebahagian daripada rangka kerja tadbir urusnya, sentiasa menilai dan melaksanakan teknologi keselamatan yang bersesuaian, memperkukuh keupayaan pengesanan dan tindak balas, serta memastikan peruntukan sumber berkemahiran yang mencukupi bagi melindungi persekitaran teknologi organisasi dan data pelanggan.

## 11.0 RISIKO OPERASI (SAMBUNGAN)

### Risiko Siber (sambungan)

Kumpulan melanggan pelbagai perkhidmatan risikan ancaman untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai ancaman siber yang muncul bagi memudahkan langkah mitigasi risiko secara proaktif. Bagi memastikan keselamatan sistem aplikasi yang berhadapan dengan Internet, Kumpulan melantik penyedia perkhidmatan keselamatan IT yang bereputasi untuk melaksanakan ujian penembusan secara berkala, dengan semua kelemahan yang dikenal pasti diperbaiki dan disahkan melalui pengesahan bebas oleh perunding luar. Bagi memperkukuh pertahanan siber dalaman, latihan Red Team dan penilaian kompromi dijalankan secara berkala untuk menilai keberkesanan langkah perlindungan sedia ada serta keupayaan tindak balas insiden. Latihan simulasi pancingan data dilaksanakan secara berkala bagi meningkatkan kewaspadaan kakitangan terhadap ancaman kejuruteraan sosial. Bagi mengurus risiko pihak ketiga/penyumbangan luar dengan berkesan (iaitu rakan kongsi, vendor dan penyedia perkhidmatan), mereka tertakluk kepada proses usaha wajar yang merangkumi pengesahan kawalan keselamatan serta pematuhan kepada keperluan seperti yang digariskan dalam Pengurusan Risiko dalam Teknologi ('RMiT') oleh BNM.

Seiring dengan peningkatan penggunaan kecerdasan buatan, Garis Panduan Baharu Pengurusan Risiko Kecerdasan Buatan Bertanggungjawab dan Beretika ('REAIRM') telah diwujudkan bagi menerapkan kepercayaan, keadilan dan akauntabiliti dalam semua inisiatif berasaskan AI, membolehkan Kumpulan memanfaatkan sepenuhnya potensi AI sambil mengekalkan keyakinan awam dan integriti etika.

### Proses Kelulusan Produk dan Perkhidmatan Baharu

Kumpulan telah menetapkan Dasar Kumpulan mengenai Pembangunan dan Kelulusan Produk serta Garis Panduan Kumpulan mengenai Pembangunan dan Kelulusan Produk yang mengawal pengurusan risiko bagi produk, perkhidmatan baharu atau perubahan signifikan terhadapnya. Unit yang bertanggungjawab mempunyai kewajipan untuk menilai risiko bagi pelancaran produk baharu dan/atau perubahan signifikan dalam ciri produk atau proses berkaitan serta sistem kerja, dan memastikan risiko berada pada tahap yang boleh diterima pada setiap masa. Garis panduan dan dasar ini telah dipertingkatkan baru-baru ini untuk menggabungkan keperluan BNM mengenai Layanan Adil kepada Pengguna Kewangan ('FTFC') bagi memastikan produk yang dibangunkan adalah telus dan menyediakan maklumat yang mencukupi kepada pengguna, serta memastikan mereka memahami sepenuhnya produk dan perkhidmatan tersebut.

### Risiko Perundangan

Risiko perundangan merupakan sebahagian daripada risiko operasi. Ia boleh timbul daripada kontrak yang tidak boleh dikuatkuasakan, tidak memihak, cacat atau tidak disengajakan; tindakan undang-undang atau tuntutan; perkembangan dalam undang-undang dan peraturan; atau ketidakpatuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Unit perniagaan bekerjasama dengan penasihat undang-undang Kumpulan serta penasihat undang-undang luar bagi memastikan risiko perundangan diurus dengan berkesan.

### Layanan Modal bagi Risiko Operasi

Kumpulan mengguna pakai Pendekatan Piawaian untuk pengiraan keperluan modal pengawalseliaan bagi risiko operasi sejak Januari 2025. Aset berwajaran risiko operasi dan keperluan modal yang berkaitan bagi Kumpulan Perbankan RHB, RHB Bank, RHB Islamic Bank dan RHB Investment Bank setakat 31 Disember 2025 (Basel III) dan 31 Disember 2024 (Basel II) ditunjukkan di bawah:

Jadual 25a: Aset Berwajaran Risiko Operasi dan Keperluan Modal Minimum setakat 31 Disember 2025

Risiko Operasi	Kumpulan Perbankan RHB RM'000	RHB Bank RM'000	RHB Islamic Bank RM'000	RHB Investment Bank RM'000
Aset Berwajaran Risiko	16,286,928	10,592,565	3,558,325	786,399
Keperluan Modal Minimum	1,302,954	847,406	284,666	62,912

Jadual 25b: Aset Berwajaran Risiko Operasi dan Keperluan Modal Minimum setakat 31 Disember 2024

Risiko Operasi	Kumpulan Perbankan RHB RM'000	RHB Bank RM'000	RHB Islamic Bank RM'000	RHB Investment Bank RM'000
Aset Berwajaran Risiko	14,795,927	9,833,938	3,534,619	718,125
Keperluan Modal Minimum	1,183,674	786,715	282,769	57,450

Nota:

Aset berwajaran risiko operasi setakat Disember 2025 dikira menggunakan Pendekatan Piawaian ('SA') di bawah Rangka Kerja Kekukupan Modal BNM, manakala angka Disember 2024 adalah berdasarkan Pendekatan Penunjuk Asas ('BIA'). Angka perbandingan tidak dibentangkan disebabkan perubahan metodologi selaras dengan pengaturan peralihan BNM.

## Pendedahan Tunggak 3 Basel II Kumpulan Perbankan RHB

setakat 31 Disember 2025


### 12.0 RISIKO KETIDAKPATUHAN SYARIAH DAN TADBIR URUS

Risiko ketidakpatuhan Syariah ialah risiko tindakan undang-undang atau pengawalseliaan, kerugian kewangan atau implikasi bukan kewangan termasuk kerosakan reputasi yang mungkin dialami oleh RHB akibat kegagalan mematuhi ketetapan Majlis Penasihat Syariah ('SAC') badan pengawal selia tempatan (seperti SAC BNM bagi operasi di Malaysia), piawaian berkaitan perkara Syariah yang dikeluarkan oleh pengawal selia tempatan, atau keputusan atau nasihat jawatankuasa/penasihat Syariah yang dilantik oleh entiti RHB masing-masing.

Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah telah dibangunkan dengan objektif untuk mengawal keseluruhan proses pematuhan Syariah dalam operasi perbankan Islam, serta untuk:

- Memastikan perancangan, pembangunan dan pelaksanaan produk, perkhidmatan Islam serta pelaksanaan perniagaan adalah selaras dengan prinsip Syariah;
- Memastikan operasi tidak melanggar mana-mana prinsip Syariah dan peraturan pihak berkuasa berkaitan Syariah; dan
- Bertindak sebagai panduan kepada semua kakitangan yang terlibat dalam aktiviti perniagaan Islam bagi memastikan semua fungsi tersebut berasaskan prinsip, amalan dan pertimbangan Syariah.

Struktur pelaporan tadbir urus Syariah adalah seperti berikut:



Jawatankuasa Syariah RHB Islamic Bank ('SCR') telah ditubuhkan di bawah Dokumen Dasar Tadbir Urus Syariah BNM.

Tugas dan tanggungjawab utama SCR adalah untuk memberikan nasihat yang objektif dan mantap kepada Bank mengenai perkara Syariah berkaitan perniagaan dan operasi Islam; membincangkan, mengesahkan dan menangani sebarang peristiwa ketidakpatuhan Syariah; serta memberikan pandangan Syariah secara bertulis terhadap produk baharu dan penyata kewangan RHB Islamic Bank. Entiti lain dalam Kumpulan Perbankan RHB yang tidak mempunyai jawatankuasa Syariah dalaman telah memberikan mandat kepada SCR untuk memberi nasihat mengenai perkara Syariah, yang akhirnya ditadbir oleh lembaga pengarah entiti masing-masing.

## 12.0 RISIKO KETIDAKPATUHAN SYARIAH DAN TADBIR URUS (SAMBUNGAN)

Secara fungsi, perniagaan Islam dalam Kumpulan Perbankan RHB disokong oleh Penasihat Syariah Kumpulan, Pengurusan Risiko Syariah Kumpulan, Pusat Kepakaran Pematuhan Syariah ('CoE') dan Audit Syariah.

Ketua Penasihat Syariah Kumpulan melapor secara fungsi kepada SCR dan secara pentadbiran kepada Pengarah Urusan RHB Islamic Bank. Tugas dan tanggungjawab utama Penasihat Syariah Kumpulan termasuk, tetapi tidak terhad kepada, menjalankan semakan terhadap produk dan perkhidmatan Islam; menyediakan sokongan nasihat Syariah dalaman kepada pengurusan dalam urusan perniagaan dan operasi harian; membantu SCR dalam menghuraikan dan membincangkan isu Syariah yang berkaitan; menyediakan penyelidikan mendalam mengenai analisis perbandingan bagi menyokong proses membuat keputusan SCR; memastikan tadbir urus Syariah dalaman, aliran proses dalaman dan dasar serta proses kelulusan Syariah diurus dan dikekalkan dengan cekap; memastikan Bank mematuhi piawaian tertinggi tadbir urus Syariah yang ditetapkan oleh BNM; bertindak sebagai sekretariat kepada SCR serta sebagai penghubung antara pengurusan dan SCR; menyelia pengiraan dan pengagihan zakat serta dana yang akan disalurkan kepada kebajikan; dan mewakili pengurusan dalam sebarang perkara berkaitan Syariah.

Peranan dan tanggungjawab utama Pengurusan Risiko Syariah Kumpulan adalah untuk memudahkan cara proses mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko ketidakpatuhan Syariah yang wujud dalam perniagaan dan operasi Islam bagi mengurangkan sebarang kemungkinan peristiwa ketidakpatuhan Syariah. Pengurusan Risiko Syariah Kumpulan melaksanakan penilaian serta menyediakan sokongan dan pelaporan kepada jawatankuasa pengurusan kanan berkaitan risiko ketidakpatuhan Syariah.

Pematuhan Syariah CoE menjalankan semakan dan membantu SCR dalam memberikan pandangan dari perspektif Syariah berhubung status pematuhan Syariah bagi produk, perkhidmatan dan operasi perniagaan Islam. Audit Syariah menyediakan penilaian bebas terhadap kecukupan dan keberkesanan kawalan dalaman Bank, sistem pengurusan risiko, proses tadbir urus termasuk pematuhan keseluruhan operasi, perniagaan, urusan dan aktiviti Bank terhadap keperluan Syariah.

Sebarang insiden ketidakpatuhan Syariah yang diputuskan oleh SCR dilaporkan kepada GCRC, BRC-i, BRC, Lembaga Pengarah entiti masing-masing dalam Kumpulan Perbankan RHB serta BNM (bagi operasi di Malaysia). Tindakan pemulihan mungkin termasuk penamatan segera produk atau perkhidmatan yang tidak mematuhi Syariah serta nyahiktirafan sebarang pendapatan yang tidak mematuhi Syariah.

Terdapat tiga peristiwa ketidakpatuhan Syariah dilaporkan pada tahun 2025 yang melibatkan portfolio runcit dan bukan runcit. Sejumlah RM782,492.45 diperuntukkan untuk disalurkan kepada kebajikan manakala RM11,157.55 telah dipulangkan kepada pelanggan.

## 13.0 AKAUN PELABURAN

### Akaun Pelaburan ('IA')

Kumpulan melalui RHB Islamic Bank menawarkan dua jenis Akaun Pelaburan ('IA'), iaitu Akaun Pelaburan Terhad ('RIA') yang merujuk kepada IA di mana Pemegang Akaun Pelaburan ('IAH') menyediakan pelaburan khusus kepada RHB Islamic Bank, dan Akaun Pelaburan Tidak Terhad ('URIA') yang merujuk kepada IA di mana pelanggan memberikan mandat kepada RHB Islamic Bank untuk membuat keputusan pelaburan tanpa menetapkan sebarang sekatan atau syarat khusus. Setiap produk IA di bawah RIA dan URIA hendaklah distrukturkan berdasarkan penggunaan kontrak Syariah yang diluluskan.

RHB Islamic Bank telah menyediakan rangka kerja pengurusan risiko, dasar dan garis panduan yang diperlukan serta manual operasi dan prosedur bagi memastikan kepentingan IAH dilindungi. Pengoperasian produk RIA dan URIA dikawal oleh komponen tadbir urus RHB Islamic Bank, antaranya:

1. Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah;
2. Rangka Kerja Penetapan Harga Akaun Pelaburan RHB Islamic Bank;
3. Dasar Akaun Pelaburan RHB Islamic Bank;
4. Garis Panduan Akaun Pelaburan RHB Islamic Bank;
5. Manual Operasi Akaun Pelaburan Perkongsian Keuntungan & Agensi Terhad-i ('PSIA-I & RAIA-I');
6. Manual Operasi Akaun-I Pelaburan Terhad ('RIA-i'); dan
7. Manual Operasi Perbendaharaan.

## Pendedahan Tunggak 3 Basel II Kumpulan Perbankan RHB

setakat 31 Disember 2025

### 13.0 AKAUN PELABURAN (SAMBUNGAN)

#### Akaun Pelaburan ('IA') (sambungan)

Peranan dan tanggungjawab pelbagai pihak dalam memastikan pengurusan dana IAH yang sewajarnya adalah seperti berikut:

- Jawatankuasa Lembaga Pengarah – menyediakan hala tuju strategik dan selera risiko Bank, meluluskan struktur tadbir urus, objektif dan dasar yang berkaitan serta menyediakan pengawasan terhadap pengurusan risiko dan keseluruhan aktiviti kawalan;
- Jawatankuasa Syariah – mengawasi dan mengesahkan pengurusan serta operasi keseluruhan perniagaan akaun pelaburan supaya mematuhi Syariah, menilai kerja yang dilaksanakan oleh Penasihat Syariah, Risiko Syariah dan Semakan Syariah ke atas operasi akaun pelaburan, serta memberikan pandangan mengenai pematuhan Syariah bagi IA dan operasi berkaitan;
- Pengurusan Kanan – merangka dan melaksanakan strategi pelaburan, kawalan dalaman dan sistem pengurusan risiko termasuk dasar pengagihan keuntungan dan dasar penilaian selaras dengan objektif pelaburan;
- Group ALCO – meluluskan struktur, penetapan harga dan terma IA berdasarkan produk IA yang diluluskan;
- Fungsi kawalan dan sokongan lain – Perbendaharaan Kumpulan, Kumpulan Perniagaan Strategik, Kewangan Kumpulan, Perniagaan Syariah Kumpulan, Pengurusan Risiko Kumpulan, Pematuhan Kumpulan dan Audit Dalaman Kumpulan menyediakan fungsi operasi yang diperlukan dan penilaian bebas.

Prinsip panduan seperti yang ditetapkan dalam Dasar IA RHB Islamic Bank merangkumi dasar berkaitan peruntukan aset bagi produk IA yang diterjemahkan kepada garis panduan dan dokumen operasi (manual standard), yang membantu pengurusan kanan dalam membuat keputusan yang diperlukan sepanjang proses tersebut. Pernyataan dasar berkaitan adalah seperti berikut:

1. Pengurusan aset dan dana akaun pelaburan hendaklah dilaksanakan dengan sewajarnya bagi menjaga hak dan melindungi kepentingan pelabur.
2. Aset pendasar, dana pelaburan dan transaksi bagi pelbagai akaun pelaburan hendaklah diasingkan daripada dana dan aset lain yang diurus dan/atau dimiliki oleh Bank.
3. Transaksi antara akaun pelaburan dan Bank, jika ada, hendaklah dijalankan secara telus dan berdasarkan prinsip urus niaga pada jarak sebenar (arm's length).
4. Rekod bagi setiap akaun pelaburan hendaklah diselenggara secara berasingan dan tertakluk kepada metodologi penilaian yang ditetapkan selaras dengan piawaian perakaunan yang berkaitan.
5. RHB Islamic Bank tidak akan melaksanakan amalan atau teknik pelicinan keuntungan untuk mengurus Risiko Komersial Teranjak (Displaced Commercial Risk). Hubungan dan terma antara pihak-pihak hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam terma dan syarat setiap akaun pelaburan.
6. Bank hendaklah membangunkan senarai perbelanjaan langsung yang dibenarkan yang perlu diluluskan oleh Lembaga dan Jawatankuasa Syariah. Senarai ini hendaklah disemak sekurang-kurangnya setiap tahun.

#### Akaun Pelaburan Terhad ('RIA')

Pada masa ini, RHB Islamic Bank menawarkan produk berikut di bawah kategori RIA:

1. Akaun Pelaburan Perkongsian Untung-i ('PSIA-i') yang menggunakan kontrak Syariah Mudarabah sebagai kontrak pendasar (rakan niaga terhad kepada RHB Bank sahaja); dan
2. Akaun Pelaburan Terhad-i ('RIA-i') menggunakan kontrak Mudarabah bagi pelabur runcit dan bukan runcit.

Produk ini ditawarkan kepada pelabur yang mempunyai ciri-ciri berikut:

1. Selera risiko yang sepadan dengan objektif pelaburan.
2. Memerlukan pelaburan yang mematuhi keperluan Syariah.
3. Bersedia menerima risiko potensi kehilangan modal yang dilaburkan bagi mencapai potensi keuntungan yang lebih tinggi berbanding kadar deposit berjangka biasa.
4. IAH mestilah entiti sah yang mempunyai kapasiti undang-undang untuk memasuki kontrak.

### 13.0 AKAUN PELABURAN (SAMBUNGAN)

#### Akaun Pelaburan Tidak Terhad ('URIA')

RHB Islamic Bank pada masa ini menawarkan Akaun Pelaburan Wang Wakalah-i ('WMMIA-i') menggunakan kontrak Wakalah bi al-Istithmar. Produk ini ditawarkan kepada pelabur korporat (pemastautin) yang mempunyai ciri-ciri berikut:

1. Selera risiko yang sepadan dengan objektif pelaburan.
2. Memerlukan pelaburan yang mematuhi keperluan Syariah.
3. Bersedia menerima risiko potensi kehilangan modal yang dilaburkan bagi mencapai potensi keuntungan yang lebih tinggi berbanding kadar deposit berjangka biasa.
4. IAH mestilah entiti sah yang mempunyai kapasiti undang-undang untuk memasuki kontrak Wakalah bi al-Istithmar.

**Jadual 26: Pendedahan Akaun Pelaburan Perkongsian Keuntungan**

Kumpulan Perbankan RHB Akaun Pelaburan Tidak Terhad ('URIA')	2025 %	2024 %
Pulangan atas Aset ('ROA')	5.94	13.33
Pendapatan Bersih Boleh Agih Purata	7.75	5.19
Purata Pendapatan Boleh Agih Bersih yang Diatribusikan kepada Pemegang Akaun Pelaburan ('IAH')	3.58	3.94
	RM'000	RM'000
Aset terjejas yang dibiayai oleh URIA	107	11,781
Peruntukan rosot nilai yang dibiayai oleh URIA	27	9,759

Nota:

1. Pulangan atas Aset ('ROA') merujuk kepada jumlah pendapatan kasar/jumlah purata aset yang dibiayai oleh URIA. Penurunan ROA pada tahun 2025 adalah disebabkan oleh pengembangan portfolio aset pendasar, di mana produk Pembiayaan Peribadi-i kadar berubah tambahan dengan pulangan kasar yang lebih rendah telah dimasukkan ke dalam portfolio yang sebelum ini hanya terdiri daripada aset kadar tetap berpulangan tinggi. Walaupun pendapatan terus meningkat dari tahun ke tahun, pertumbuhan aset pendasar dengan pulangan purata berlawanan yang lebih rendah telah menyebabkan penyederhanaan ROA berbanding tahun 2024.
2. Pendapatan Bersih Boleh Agih Purata merujuk kepada jumlah purata pendapatan bersih boleh agih/jumlah purata aset yang dibiayai oleh URIA.
3. Peruntukan rosot nilai yang dibiayai oleh URIA meliputi ECL Peringkat 1, Peringkat 2 dan Peringkat 3.

#### Akaun Pelaburan Terhad ('RIA')

Setakat 31 Disember 2025, tiada aset kewangan yang dibiayai oleh RIA dengan pelabur luar.

Setakat 31 Disember 2024, Pulangan atas Aset dan Nisbah Pendapatan Bersih Boleh Agih Purata masing-masing adalah 6.88%, dan aset terjejas bagi aset kewangan yang dibiayai oleh RIA dengan pelabur luar berjumlah RM564,169,000.

## Pendedahan Tunggak 3 Basel II Kumpulan Perbankan RHB

setakat 31 Disember 2025

### 14.0 RISIKO RENTAS SEMPADAN NEGARA

Risiko rentas sempadan negara ialah risiko yang dihadapi oleh Kumpulan yang melibatkan pelbagai keperluan undang-undang dalam pelbagai bidang kuasa yang seterusnya memerlukan pematuhan kepada set piawaian yang berbeza. Sebahagian daripada keperluan ini mungkin unik kepada sesuatu bidang kuasa atau mungkin tidak serasi antara satu sama lain, termasuk yang berkaitan dengan tanggungjawab fidusiari, keperluan undang-undang sekuriti dan struktur urus niaga.

Selain itu, pertimbangan politik seperti kepentingan keselamatan negara, dasar penawaran terhadap pelaburan asing, undang-undang anti-persaingan serta dasar buruh dan pekerjaan memerlukan pertimbangan yang teliti. Sehubungan itu, terdapat keperluan bagi Kumpulan untuk menetapkan dasar dan menggariskan tingkah laku yang dijangka apabila menceburi aktiviti perniagaan sedemikian.

Ini adalah bagi melindungi kepentingan Kumpulan dan mengurangkan risiko pematuhan yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan luar negara. Di samping itu, Kumpulan dipandu oleh had Risiko Negara untuk mengurus risiko kepekatan kredit yang timbul daripada perubahan dalam persekitaran perniagaan negara di mana Kumpulan mempunyai pendedahan.

### 15.0 RISIKO REPUTASI

Risiko reputasi ditakrifkan sebagai risiko bahawa publisiti negatif berhubung tingkah laku Kumpulan atau mana-mana entiti dalam Kumpulan, serta amalan atau hubungan perniagaannya, sama ada benar atau tidak, akan menjejaskan hasil, operasi atau asas pelanggannya, atau memerlukan litigasi yang mahal atau langkah pertahanan lain. Ia boleh menjejaskan keyakinan awam terhadap Kumpulan, sekali gus memberi kesan kepada harga saham.

Risiko reputasi dalam Kumpulan diurus dan dikawal melalui kod etika, amalan tadbir urus dan amalan pengurusan risiko, dasar, prosedur serta latihan. Kumpulan telah membangunkan dan melaksanakan Dasar Pengurusan Risiko Reputasi Kumpulan yang menggariskan prinsip teras bagi mengurus risiko reputasi.

### 16.0 KENYATAAN BERPANDANGAN KE HADAPAN

Dokumen ini mungkin mengandungi pernyataan berunjuran ke hadapan yang berdasarkan jangkaan semasa serta andaian atau jangkaan terhadap peristiwa masa hadapan. Pernyataan berunjuran ke hadapan ini boleh dikenal pasti kerana ia tidak hanya berkaitan dengan fakta sejarah atau semasa, dan sering menggunakan perkataan seperti menjangka, menyasarkan, mengharap, menganggar, berhasrat, merancang, percaya, akan, mungkin, sepatutnya, akan, boleh atau perkataan lain yang mempunyai maksud yang serupa.

Kebergantungan yang berlebihan tidak seharusnya diberikan kepada mana-mana pernyataan tersebut. Secara semula jadi, pernyataan berunjuran ke hadapan tertakluk kepada risiko dan ketidakpastian kerana ia berkaitan dengan peristiwa dan keadaan masa hadapan, termasuk tetapi tidak terhad kepada keadaan ekonomi dan perniagaan domestik dan global, kesan ketidaktentuan berterusan dalam pasaran kredit, risiko berkaitan pasaran seperti perubahan kadar keuntungan dan kadar pertukaran, perubahan dalam peraturan, serta gabungan atau pelupusan perniagaan pada masa hadapan. Oleh itu, keputusan sebenar masa hadapan Bank mungkin berbeza secara material daripada pelan, matlamat dan jangkaan yang terkandung dalam pernyataan berunjuran ke hadapan tersebut.

Kumpulan tidak mengambil sebarang tanggungjawab untuk menyemak atau mengemas kini mana-mana pernyataan berunjuran ke hadapan yang terkandung dalam dokumen ini, tanpa mengira sama ada pernyataan tersebut terjejas akibat maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

**Jadual 27: Glosari Istilah**

AI	Kecerdasan Buatan	IAH	Pemegang Akaun Pelaburan
A-IRB	Berasaskan Penarafan Dalam Lanjutan	IBRMC	Jawatankuasa Pengurusan Risiko Bank Pelaburan
ASB	Amanah Saham Bumiputera	ICAAP	Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalam
BCC	Jawatankuasa Kredit Lembaga	IT	Teknologi Maklumat
BCM	Pengurusan Kesinambungan Perniagaan	IRB Approach	Pendekatan Berasaskan Penarafan Dalam
BNM	Bank Negara Malaysia	LCR	Nisbah Liputan Kecairan
Board	Lembaga Pengarah	LGD	Kerugian Apabila Mungkiran
BRC	Jawatankuasa Risiko Lembaga	MARC	Malaysian Rating Corporation Berhad
CAFIB	Rangka Kerja Kecukupan Modal bagi Bank Islam	MATs	Pencetus Tindakan Pengurusan
CCB	Penampam Pemuliharaan Modal	MDBs	Bank Pembangunan Pelbagai Hala
CCP	Rakan Niaga Pusat	MFRS 9	Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9
CCR	Risiko Kredit Rakan Niaga	Moody's	Moody's Investors Service
CCyB	Penampam Modal Kitaran Balas	MYR	Ringgit Malaysia
CET	Ekuiti Teras Biasa	NSFR	Nisbah Pembiayaan Stabil Bersih
CoE	Pusat Kepakaran	OTC	Di Kaunter
CRM	Pengurangan Risiko Kredit	PD	Kebarangkalian Mungkiran
DFIs	Institusi Kewangan Pembangunan	PSIA	Akaun Pelaburan Perkongsian Keuntungan
EAD	Pendedahan Pada Mungkiran	PV01	Nilai Harga bagi Satu Mata Asas
EaR	Pendapatan Berisiko	R&I	Rating and Investment Information, Inc
ECAls	Institusi Penilaian Kredit Luaran	RAM	Rating Agency Malaysia
ECL	Kerugian Kredit Dijangka	REAIRM	Pengurusan Risiko Kecerdasan Buatan Bertanggungjawab dan Beretika
EL	Kerugian Dijangka	RM'000	Ringgit Malaysia dalam ribu terdekat
EUR	Euro	R&R	Penjadualan Semula dan Penstrukturan Semula
EVE	Nilai Ekonomi Ekuiti	RSME	Perusahaan Kecil dan Sederhana Runcit
F-IRB	Berasaskan Penarafan Dalam Asas	RWCAF	Rangka Kerja Kecukupan Modal Berwajaran Risiko
Fitch	Fitch Ratings	RWA	Aset Berwajaran Risiko
FX	Pertukaran Asing	SA	Pendekatan Piawaian
GBP	Pound Sterling	SCR	Jawatankuasa Syariah RHB Islamic Bank
GCC	Jawatankuasa Kredit Kumpulan	SGD	Dolar Singapura
GCG	Garis Panduan Kredit Kumpulan	S&P	Standard & Poor's
GCPM	Manual Prosedur Kredit Kumpulan	USD	Dolar Amerika Syarikat
GCRC	Jawatankuasa Modal dan Risiko Kumpulan	VaR	Nilai Berisiko
GIUC	Jawatankuasa Penajaan Pelaburan Kumpulan		
Group ALCO	Jawatankuasa Aset dan Liabiliti Kumpulan		
Group ALM	Pengurusan Aset dan Liabiliti Kumpulan		





**RHB Bank Berhad** 196501000373 (6171-M)  
Aras 10, Tower One, RHB Centre, Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: 603-9287 8888 Faks: 603-9281 9314  
[www.rhbgroup.com](http://www.rhbgroup.com)

RHBGroup



rhbgroupmy



RHB Foundation



Dicetak diatas

